

Jilid II
Bil. 34



MALAYSIA

Hari Isnin
2hb Ogos, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 3761]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 3776]

Anggaran Pembangunan, 1976:

Jawatankuasa—

- Kepala P. 19 [Ruangan 3777]
- Kepala P. 20 [Ruangan 3798]
- Kepala P. 21 dan P. 55 [Ruangan 3808]
- Kepala P. 22 [Ruangan 3818]
- Kepala P. 23 dan P. 24 [Ruangan 3850]
- Kepala P. 25 [Ruangan 3822]
- Kepala P. 26 dan P. 29 [Ruangan 3823]
- Kepala P. 31 [Ruangan 3828]
- Kepala P. 32 [Ruangan 3867]
- Kepala P. 34, P. 35, P. 38 dan P. 39 [Ruangan 3883]
- Kepala P. 40 hingga P. 42 [Ruangan 3892]
- Kepala P. 46 [Ruangan 3899]
- Kepala P. 47 dan P. 48 [Ruangan 3900]
- Kepala P. 49 dan P. 54 [Ruangan 3902]

KANDUNGANNYA—(Samb.)

Kepala P. 56 hingga P. 61 [Ruangan 3910]

Kepala P. 63 [Ruangan 3921]

Kepala P. 64 [Ruangan 3924]

Kepala P. 66 [Ruangan 3924]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 3927]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) di Jinjang dan Kepong [Ruangan 3927]

DICETAK OLEH

**IBRAHIM BIN JOHARI, P.I.S., KETUA PENGARAH PERCETAKAN
SEMENANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

1978

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN,
D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN
MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.,
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHAMED
ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL
GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K.,
P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M.,
S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIEF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED ALI BIN M. SHARIEF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan,
TUAN MOHAMED ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K.
PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK
UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI
ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN
(Baram).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P.
(Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ TUAN ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O.T. OYONG, A.D.K. (Labuk-Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHAMED TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P.
(Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN AZAHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHENG THONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHAYA, A.M.N. (Ledang).

Yang Berhormat TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).

- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JAAFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMMED NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHAMED IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHAMED SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMED TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHAMED ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENKGU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN HAJI DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HOO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ISMAIL, J.P. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidek.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA DEWAN RAKYAT

Isnin, 2hb Ogos, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PARTI POLITIK PERKAUMAN

1. Tuan Chian Heng Kai (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Perdana Menteri samada beliau sedar bahawa parti-parti politik perkauman adalah menghalang kepada usaha menjadikan sebuah negeri berbilang bangsa. Jika ya, adakah beliau ber-cadang menghamar parti-parti seperti ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Haji Othman bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu tidak jelas maksudnya tetapi bolehlah difahami. Saya tidak bersetuju dengan anggapan Ahli Yang Berhormat itu yang mengatakan bahawa parti-parti politik yang bercorak perkauman menghalang kepada tercapainya sebuah negara berbilang bangsa itu bersatu-padu. Kita tidaklah seharusnya memandang akan perkembangan parti-parti politik dengan apa yang disebutkan sebagai bercorak perkauman di negara ini dengan pandangan yang sempit. Sekiranya Ahli Yang Berhormat itu maksudkan parti-parti politik bercorak perkauman itu sebagai parti-parti dalam Barisan Nasional iaitu UMNO, M.C.A., M.I.C., PAS dan lain-lainnya, saya yakin Ahli Yang Berhormat sendiri tahu akan sejarah yang menyebabkan wujudnya parti-parti itu dan juga pembentukan Barisan Nasional yang dahulunya dikenal sebagai Perikatan yang telah melahirkan satu barisan bersatu bagi membolehkan kita mencapai kemerdekaan. Tindakan itu adalah satu langkah yang

progresif kerana walaupun parti-parti itu berasaskan kepada keturunan kaum, tetapi dengan usaha bersama, semangat kerjasama dan dengan sentiasa mengutamakan kepentingan negara mereka dapat membina sebuah negara. Sekiranya pada masa itu tidak ada percantuman antara ketiga-tiga parti itu iaitu UMNO, M.C.A. dan M.I.C. besar kemungkinan kita tidak dapat mencapai kemerdekaan dan juga kemajuan negara. Pembentukan Barisan Nasional adalah satu langkah lanjutan kepada konsep bekerjasama ke arah perpaduan negara yang lebih luas di kalangan rakyat.

Pada pendapat saya yang menjadi halangan bukanlah kerana adanya parti-parti politik yang bercorak perkauman, tetapi ialah dengan kerana adanya parti-parti politik di dalam negeri ini yang bermain politik perkauman untuk kepentingan satu-satu kaum sahaja dan semata-mata untuk memancing undi. Oleh yang demikian, soal untuk menghapuskan parti-parti politik yang bercorak perkauman tidak timbul.

KOORDINASI PROGEM KERJA JABATAN-JABATAN KERAJAAN

2. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan meng-apakah koordinasi progem kerja tidak diwujudkan di kalangan setengah-setengah Jabatan Kerajaan, misalnya Jabatan Kerja Raya baru sahaja siap membuat jalan, maka di tempat yang sama datang pula Lembaga Letrik Negara menggali jalan memasang kebel letrik dan begitulah seterusnya. Sekiranya sedar, bolehkah beliau mengarahkan supaya Jabatan-jabatan yang berkenaan menelaraskan kerja-kerja itu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya tidaklah boleh menafikan bahawa kadangkala memang terdapat juga

kejadian-kejadian sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu berlaku di kalangan setengah-setengah Jabatan Kerajaan. Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan di sini bahawa semua jabatan-jabatan yang berkenaan telah diarahkan supaya mengambil segala langkah yang boleh untuk menyelaraskan program kerja mereka dari masa ke semasa. Dalam projek-projek pembangunan seperti pelencungan lebuh raya dan juga penglebaran jalan raya-jalan raya sebuah Jawatankuasa Penyelarasan yang dianggoti oleh Jabatan Kerja Raya, Lembaga Elektrik Negara, Jabatan Talikom, Jabatan Parit dan Tali air, Jabatan Polis dan Bandaraya adalah mengawasi dan menyelaraskan kerja-kerja dan projek-projek yang dilaksanakan. Dalam pada itu Ahli Yang Berhormat haruslah menyedari ada kalanya kerja-kerja yang dijalankan oleh Lembaga Elektrik Negara misalnya tidak dapat dijalankan berjadual dengan Jabatan-jabatan lain seperti dalam keadaan di mana berlakunya kerosakan-kerosakan kebel. Dalam keadaan demikian pihak Lembaga Elektrik Negara terpaksa menggali semula jalan tersebut untuk mengesan dan memperbaiki kerosakan dengan serta-merta supaya gangguan bekalan kepada pengguna-pengguna tidak berpanjangan.

BANGUNAN-BANGUNAN KERAJAAN

3. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah bertanya kepada Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam:

- (a) samada benar bahawa menurut pandangan ramai bahawa bangunan-bangunan yang dibina oleh Kerajaan adalah lebih mahal harganya daripada bangunan yang dibina oleh swasta yang sama mutu, tinggi dan besarnya dan pula bangunan-bangunan Kerajaan kasar perbuatannya dan tidak tahan lama, jika sedar, mengapa boleh jadi begini, dan adakah ini disebabkan oleh kurang pengawasan; dan
- (b) samada benar bahawa bangunan-bangunan Kerajaan lekas bocor dan retak-retak, dan jika ya, di mana kejadian tersebut berlaku.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, jawapan untuk (a) tidak. Jawapan untuk (b) tidak.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapannya tidak, apa hendak ditambah lagi?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan tidak, tetapi di bangunan ini sendiri kita boleh saksikan kebocoran dan sebagainya.

Jadi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa di bangunan Parlimen ini pun ada apa yang dikatakan kebocoran dan sebagainya sebagaimana tercatat di dalam soalan 3 (b).

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar.

Raja Nasron bin Raja Ishak: (Bangun).

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh soalan tambahan, sebab jawapan yang diberi tadi (a) tidak dan (b) tidak. Apa yang hendak ditambah lagi.

RUMAH-RUMAH MURAH

4. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk O.K.K. Haji Asneh minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan:

- (a) adakah rancangan oleh Kementerian untuk membina rumah-rumah murah yang berharga tidak lebih daripada \$3,500.00 pada tiap-tiap sebulan untuk membolehkan rakyat yang miskin memiliki rumah sendiri; dan
- (b) jika ya, mengapakah Kementerian tidak memberi arahan kepada syarikat-syarikat perumahan untuk berbuat demikian, supaya rakyat yang miskin dapat juga membeli rumah-rumah yang dibina oleh syarikat-syarikat perumahan tersebut.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya suka menerangkan bahawa angka \$3,500 sebagai yang disebutkan dalam pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu, tidak digunakan untuk harga bagi rumah-rumah murah. Memanglah hasrat Kementerian saya untuk menentukan pembinaan rumah-rumah kos

rendah itu mengikut harga yang boleh dimampui rakyat yang berpendapatan rendah. Dalam usaha mencapai hasrat ini faktor-faktor seperti tanah, bekalan bahan-bahan binaan, tenaga kerja serta keperluan institusi seperti ukuran-ukuran infrastruktur dan penyesuaian kepada piawaian perumahan perlu ditimbangkan juga kerana faktor-faktor ini adalah menjadi asas di mana kos sesebuah rumah yang dibina itu ditentukan.

- (b) Ahli Yang Berhormat itu saya dapati kurang jelas kerana tidak menyebut tentang syarikat perumahan yang mana Ahli Yang Berhormat maksudkan—samada syarikat-syarikat pemaju perumahan swasta ataupun syarikat-syarikat perumahan seperti syarikat perumahan kerjasama dan sebagainya. Namun demikian, bagi menjawab juga soalan Ahli Yang Berhormat ini maka saya mengambil anggapan bahawa Ahli Yang Berhormat merujuk kepada syarikat-syarikat perumahan, pemaju-pemaju swasta dan syarikat perumahan kerjasama umpamanya. Mengenai syarikat perumahan kerjasama, saya ingin menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa syarikat-syarikat ini biasanya menguruskan pembinaan rumah-rumah untuk ahli-ahli mereka. Oleh itu adalah menjadi pilihan ahli-ahli syarikat itu samada hendak membina rumah-rumah kos rendah ataupun sebaliknya.

Mengenai pemaju-pemaju perumahan swasta pula, sebagaimana yang saya telah terangkan beberapa kali dalam persidangan-persidangan yang lalu di Dewan yang mulia ini pemaju-pemaju perumahan swasta telah diseru untuk berkecimpung sama dalam usaha membina rumah-rumah kos-rendah sebagai sebahagian daripada kegiatan mereka dalam bidang kemajuan perumahan. Pemaju-pemaju perumahan swasta melalui persatuannya telah juga bersetuju untuk berusahasama dengan Kerajaan bagi membina rumah-rumah kos rendah. Sebagaimana Yang Berhormat tentu sedia maklum projek perintis dalam usaha ini sedang dijalankan di Cheras oleh Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan dengan pihak Dewan Bandaraya. Usaha yang serupa

bagi negeri-negeri lain sedang diikhtirakan oleh Persatuan tersebut dengan kerjasama Kementerian saya.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu adakah dalam Kementerian beliau satu bahagian atau satu jabatan untuk memberi pertimbangan dan memberi penyelidikan untuk memperkenalkan rumah harga murah kepada orang biasa.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah jawab tadi, memang ada badan-badan itu untuk mengadakan model atau contoh rumah yang harga murah.

Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk O.K.K. Haji Asneh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan:

- (a) Dalam pembinaan rumah harga murah berapakah yang difikirkan oleh Kerajaan, kos sebanyak manakah yang mampu diberi bagi pembinaan sebuah rumah di Sabah dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan mengapakah projek perintis ini tidak dijalankan di Sabah.
- (b) Adakah Kerajaan berfikir dalam peraturan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga bahawa segala peruntukan projek perumahan hendaklah disalurkan terus tidak bersangkut dengan mana-mana badan di Sabah bagi menentukan keadilan pembahagian perumahan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu menyatakan rumah yang berharga \$3,500; bukan bilangan berapa buahkah rumah rendah atau berapa buah rumah tinggi. Saya suka sekali lagi menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu berdasarkan kepada kedudukan ini mengenai faktor yang saya sebutkan tadi yang tersebut di (a), Kementerian saya telah menetapkan harga purata rumah awam kos rendah yang dibiayai oleh Kerajaan Pusat dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini adalah \$7,500 seunit bagi Semenanjung Malaysia; dan \$10,000 bagi Sabah dan Sarawak. Kerajaan-kerajaan

Negeri dan Dewan Bandaraya telahpun diberitahu supaya merancang projek-projek perumahan mereka berdasarkan kepada had ketetapan rumah itu.

Sepertimana Yang Berhormat tanya (b) tadi, sukaiah saya menjelaskan juga lagi, eloklah Yang Berhormat itu sebagaimana yang saya telah jelaskan tadi cuba lihat di ceraijan 1130 di dokumen Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan berharap pemaju-pemaju swasta dapat menampung keperluan-keperluan perumahan sepertimana yang disoalkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan mengadakan garis-garis panduan mengenai penyertaan syarikat perumahan swasta dalam pembinaan rumah-rumah murah dan jika ada apakah garis panduan itu.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, garis-garis panduan adalah kita sentiasa berunding dengan Housing Developers Association dan dalam garis-garis itu mereka ini telah menyatakan bahawa bersetuju bagi hendak mendirikan rumah kos rendah dengan sebanyak-banyaknya. Jadi, itulah pengakuan yang telah diberi, sepertimana yang saya telah katakan dalam jawapan asal tadi, rumah-rumah yang hendak didirikan itu ada yang syarikat kerjasama mendirikan kepada Ahli-ahlinya, kalau Ahli-ahli dia yang ada pendapatan pertengahan dan pendapatan lumayan dia tidak pula mahu rumah yang murah. Oleh itu, garis-garis yang tertentu ditekankan mesti pemaju perumahan itu membuat rumah murah sahaja itu tidaklah dapat dilaksanakan.

Tuan Ja'afar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, telahpun dijawab oleh Timbalan Menteri yang berkenaan berhubung dengan rancangan swasta yang dirundingan bersama oleh Kementerian bagi menentukan rumah-rumah murah bagi mereka yang benar-benar memerlukan tempat tinggal sebagai menjamin masa depan mereka itu. Tetapi dalam masa-masa perundingan ini saya masih terdapat lagi banyak kalangan swasta-swasta mendirikan rumah berharga yang begitu mahal yang mengakibatkan banyak daripada mereka yang berpendapatan \$500 ke bawah tidak mampu untuk membeli rumah yang telah dibina itu. Oleh yang

demikian, ada atau tidak rancangan Kementerian yang berkenaan untuk mengadakan satu peraturan yang tetap supaya swasta-swasta perumahan ini dapat menjalankan keperluan negara bagaimana yang dicatatkan oleh Kerajaan untuk menyusun semula masyarakat yang ada di dalam negara kita.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, rancangan perumahan kos rendah itu dilaksanakan melalui Kementerian saya dalam public sector atau sektor awam. Mengenai dengan soal Yang Berhormat tadi contohnya yang pemaju-pemaju perumahan telah bersetuju satu perumahan yang telah didirikan di Cheras yang mana bekerjasama dengan Dewan Bandaraya sebagaimana saya telah jawab dalam soalan ini dan Kementerian saya juga meminta supaya selain daripada rancangan itu Cheras, pembinaan rumah yang berharga murah yang mampu dibeli oleh rakyat yang berpendapatan ke bawah daripada \$400 atau \$300 dan kepada negeri-negeri lainpun kita minta supaya rancangan semacam itu kalau sudah siap akan pergi kepada tempat-tempat yang lain pula.

Tuan Ja'afar bin Hamzah: Siapakah yang mengendalikan rumah-rumah murah yang dibina oleh swasta itu untuk dibahagikan kepada mereka yang ingin membeli rumah-rumah itu? Adakah Kerajaan mengelolakan untuk membagikan ataupun diserahkan kepada swasta. Sekiranya perkara ini diserahkan kepada swasta ada kemungkinan di antara beberapa penduduk atau rakyat di dalam negara ini hanya seorang sahaja akan memiliki rumah murah dan selepas itu akan dijual balik dengan harga yang tinggi.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, itu memang menjadi pengawasan daripada Kerajaan, swasta-swasta yang hendak menjual rumah kos rendah dan sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan. Sebagaimana saya telah jawab dalam Dewan ini dua tiga hari yang lalu iaitu Kerajaan Negeri melalui ahli-ahli Exco atau Pejabat-pejabat Daerah, sebelum hendak membeli rumah dan tanah hendaklah dipamirkan (advertise) di Balai-balai Penghulu, Balai-balai Raya dan masjid-masjid di mana terdapat orang ramai supaya mereka protes dan tidak ada orang yang sudah mempunyai rumah mendapat rumah kemudiannya dijual

kepada orang lain. Kerajaan Negeri-negeripun telah bersetuju dengan kehendak-kehendak ini.

JAMINAN KELAKUAN BAIK MELANJUTKAN PELAJARAN

5. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan samada benar bahawa mulai dari tahun hadapan rakyat Malaysia yang ingin melanjutkan pelajaran mereka ke seberang laut akan dikehendaki menyimpan wang sebanyak \$10,000 dengan Kementerian Pelajaran sebagai jaminan untuk berkelakuan baik; jika ya, nyatakan samada beliau sedar langkah ini akan mengakibatkan kesusahan kepada ibubapa-ibubapa yang tidak dapat mengumpulkan wang begitu banyak.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak benar. Kementerian Pelajaran tidak bercadang hendak meminta rakyat Malaysia membayar deposit sebanyak \$10,000 kepada Kementerian ini sebagai jaminan kelakuan baik mereka di sepanjang tempoh pengajian mereka di seberang laut. Walau bagaimanapun Kementerian bercadang meminta ibubapa atau penjaga atau pelajar itu sendiri membayar wang cagaran ataupun deposit sebanyak \$1,500 kepada Kementerian ini untuk tambang kapalterbang balik ke Malaysia di penghujung ataupun dalam tempoh pengajian mereka di seberang laut.

Selama ini Kementerian Pelajaran memberi perkhidmatan tajaan atau sponsorship yang percuma kepada Warganegara Malaysia yang berhajat pergi menuntut dengan perbelanjaan sendiri di United Kingdom. Pelajar-pelajar persendirian ini dikehendaki mengisi borang-borang permohonan Tajaan dengan mengisi suatu borang Jaminan Kewangan atau Financial Guarantee sebanyak \$10,000 untuk perbelanjaan pengajian dan sarahidup mereka di United Kingdom. Dalam pada itupun dalam tahun-tahun kebelakangan ini telah timbul beberapa kes di mana pelajar-pelajar telah melakukan salah laku seperti bekerja atau perbuatan-perbuatan jenayah atau telah gagal dalam pengajian mereka, maka mereka diperintah pulang ke Malaysia oleh Kerajaan British (Home Office). Dalam beberapa kes ini ibubapa atau penjaga yang menandatangani jaminan Kewangan itu telah dihubungi untuk

membayar tambang kapalterbang untuk pelajar itu pulang ke Malaysia; tetapi mereka telah enggan ataupun tidak mengindahkan permintaan Kementerian ini dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London untuk membayar tambang ini. Dengan yang demikian, Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London terpaksa menghantar pelajar ini pulang dan membayar tambangnya.

Maka untuk mengelakkan perkara ini berlaku, Kementerian Pelajaran sekarang bercadang meletakkan syarat supaya semua pemohon private untuk pengajian di United Kingdom hendaklah membayar wang cagaran ataupun deposit sebanyak \$1,500 kepada Kementerian Pelajaran sebelum permohonan tajaan mereka diluluskan. Wang ini akan dibayar balik dengan sepenuhnya kepada pembayarnya apabila pelajar itu diperintah keluar dari United Kingdom ataupun selepas tamat kursusnya.

Saya berharap mereka yang terlibat akan mematuhi dengan sewajarnya syarat baru ini yang dikenakan untuk memelihara wang Kerajaan dan untuk kesenangan mereka itu sendiri; kerana apabila timbul kes seperti yang tersebut di atas tadi mereka telahpun ada wang tersimpan untuk membayar tambang pelajar itu pulang ke Malaysia.

Kementerian Pelajaran sedang merangka syarat baru ini dan akan mengumumkan tarikh berkuatkuasanya kemudian.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Menteri Pelajaran memberitahu Dewan ini bilangan pelajar-pelajar yang ada terlibat dalam perkara ini di mana mereka diperintah keluar daripada United Kingdom, dan Kerajaan terpaksa membayar tambang mereka. Oleh kerana sekiranya bilangan kecil ini disebabkan kelakuan tidak bertanggungjawab jika dibandingkan dengan beribu-ribu atau berpuluh-puluh ribu pelajar-pelajar yang ada pergi keluar negeri di United Kingdom untuk belajar. Ini adalah satu langkah yang sangat tidak adil disebabkan akan menyusahkan beban ibubapa yang sangat susah untuk mendapatkan wang untuk menghantar anak-anak mereka keluar negeri untuk melanjutkan pelajaran di universiti di mana dalam negara sendiri mereka tidak boleh dapat.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sistem tajaan ini diadakan dengan kerana kehendak United Kingdom

dan bukan kerana kehendak negara kita sendiri. Oleh itu sistem ini tidak dikenakan kepada lain-lain negara melainkan di United Kingdom dan juga Indonesia. Menurut Pengarah, Jabatan Penuntut Malaysia di London, bilangan pelajar-pelajar Malaysia yang terpaksa dihantar balik oleh Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London dengan wang Kerajaan Malaysia adalah di antara 10 dan 15 orang pada tiap-tiap tahun.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Menteri Pelajaran sedar bahawa bilangan 10 atau 15 orang sahaja tidak boleh justified satu peraturan yang baru di mana orang ramai atau ibubapa pelajar-pelajar yang beribu-ribu orang itu akan dikenakan satu pembayaran yang baru. Bolehkah Kerajaan menimbangkan sistem ini semula untuk mengelakkan dikenakan peraturan yang baru ini?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menimbangkan perkara ini dengan penuh simpati. Pembayaran yang dikenakan oleh penuntut-penuntut yang menuntut di luar negeri seperti di London dijanggankan tidak kurang daripada \$4,000-\$5,000 pada satu tahun sahaja, dan wang yang dikehendaki oleh Kerajaan tidak pun sampai perbelanjaan untuk tiga bulan di London. Jadi kalau mereka dapat membelanjakan wang sebanyak \$4,000-\$5,000 pada satu tahun adalah munasabah kalau mereka membayar cuma \$1,500 sahaja.

PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI/PERBADANAN AWAM

6. Tuan Ngan Siong Hing (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Perusahaan Awam samada beliau sedar bahawa beberapa Pegawai tinggi dalam beberapa Koperasi Kemajuan Ekonomi Negeri dan firma-firma tambahannya lebih minat hendak menjayakan perniagaan sendiri mereka hingga kerugian badan-badan berkanun. Jika ya, apa tindakan ia bercadang hendak ambil untuk menghapuskan pegawai-pegawai yang berkepentingan sendiri.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang adanya desas-desus yang menyatakan bahawa beberapa Pegawai-pegawai P.K.E.N. dan anak-anak

syarikatnya mempunyai lebih minat menjalankan perniagaan mereka sendiri. Setakat ini Kementerian saya telah mendapat maklumat bahawa cuma ada satu kejadian seperti itu di dalam sebuah Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri pada satu masa dahulu dan pegawai-pegawai yang terlibat telah diberhentikan.

Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan juga Perbadanan-perbadanan Awam yang lain adalah disifatkan sebagai penjawat awam dan mereka adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan dan amalan-amalan serta kawalan tatatertib yang tertentu. Sekiranya mereka ada menjalankan perniagaan sendiri di samping tugas-tugas rasminya maka tindakan sewajarnya mengikut aturan yang ada akan diambil sekiranya ada keterangan yang jelas.

Pegawai-pegawai anak-anak syarikat P.K.E.N.-P.K.E.N. yang bukan kakitangan P.K.E.N.-P.K.E.N. adalah juga dikenakan peraturan-peraturan yang sama seperti yang saya sebutkan tadi dan tindakan-tindakan yang tegas akan diambil termasuk memberhentikan mereka daripada jawatan-jawatannya.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan memberitahu Dewan ini sehingga sekarang berapa ramai pegawai tinggi agensi Kerajaan atau S.E.D.Cs di mana Kerajaan telah mengambil tindakan tegas terhadap mereka oleh kerana kelakuan yang disebutkan dalam soalan ini.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, mengikut pengetahuan saya baru dua orang sahaja, itupun telah berlaku beberapa tahun dahulu.

HUBUNGAN MALAYSIA-CHINA/VIETNAM DAN GERAKAN GERILA KOMINIS

7. Tuan Embong bin Yahya minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) kedudukan suasana perhubungan diplomatik kita dengan negara-negara China, Hanoi dan Vietnam dalam keadaan sekarang;
- (b) tidakkah Malaysia mendapat sebarang sumbangan yang berfaedah dari negara-negara tersebut dari segi

diplomatik dalam mengendurkan gerakan gerila kominis terhadap Malaysia sekarang.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kita mempunyai hubungan dengan Republik Rakyat China selama lebih kurang dua tahun yang lepas dan hubungan ini sedang berkembang di dalam beberapa lapangan.

Hubungan di antara Malaysia dengan Republik Sosialis Vietnam juga sudah mulai berkembang. Seperti Yang Berhormat sedia maklum kita baru sahaja menerima rombongan yang diketuai oleh Naib Menteri Phan Hien, Utusan Peribadi Perdana Menteri Republik Sosialis Vietnam. Kita telah diberi pengakuan olehnya bahawa Republik Sosialis Vietnam ingin menjalin hubungan baik dengan Malaysia berasaskan kepada prinsip-prinsip saling hormat-menghormati keutuhan dan kemerdekaan masing-masing dan hidup bersama secara damai.

- (b) Hubungan Malaysia dengan kedua-dua buah negara tersebut adalah berfaedah dari segi diplomatik untuk mempertahankan kepentingan-kepentingan negara Republik Rakyat China dan juga Republik Sosialis Vietnam dengan rasminya telah mengiktiraf kedaulatan; keutuhan dan kemerdekaan negara kita. Pengiktirafan ini meningkatkan lagi kemampuan kita dalam perjuangan kita terhadap ancaman kominis di negara kita. Kedua-dua negara itu telah menyatakan bahawa ancaman kominis adalah semata-mata masalah dalam negeri kita dan dengan demikian terpulanglah kepada kita sendiri untuk mengambil apa-apa tindakan terhadapnya.

Di dalam lawatan Utusan Peribadi Perdana Menteri Republik Sosialis Vietnam baru-baru ini, beliau telah menegaskan bahawa tidak ada masalah yang menghalang hubungan di antara negaranya dengan Malaysia. Dia juga menegaskan bahawa negaranya tidak bercadang untuk melibatkan diri di dalam masalah dalam negeri kita. Dia juga menegaskan bahawa senjata-senjata yang ditinggalkan oleh

Amerika Syarikat di Vietnam akan digunakan semata-mata untuk pertahanan Vietnam sendiri dan tidak akan diekspot atau diberikan kepada golongan pemberontak di negara-negara jiran.

ADUAN POLIS OLEH Y.B. LIM HENG KAP

8. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Undang-undang menyatakan samada beliau telah menerima salinan surat, yang tidak ditandatangani, yang dikirimkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mendakwa Yang Berhormat Lim Heng Kiap, Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor telah membuat aduan kepada pihak polis bahawa beliau telah menerima sepucuk surat ugutan tetapi sebenarnya tidak menerima surat ugutan langsung; jika ya, nyatakan apakah tindakan mahkamah yang akan diambil terhadap Yang Berhormat Lim Heng Kiap kerana membuat aduan polis yang palsu.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Undang-undang telah menerima satu salinan surat yang dialamatkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan sungguhpun surat itu ada berupa bertandatangan, tetapi ianya adalah tanpa mengandungi alamat sipengirim. Surat tersebut tidak ada menyebut penerimaan surat ugutan, tetapi menyebut penerimaan sebiji peluru. Tindakan undang-undang tidak akan diambil terhadap Yang Berhormat Encik Lim Heng Kiap kerana tidak ada keterangan menunjukkan yang laporannya palsu.

RAKYAT MALAYSIA DITANGKAP DI LUAR NEGERI

9. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Undang-undang menyatakan samada beliau sedar ada rakyat Malaysia telah ditangkap di luar negeri kerana melakukan beberapa kesalahan, jika sedar:

- (a) berapa ramai yang telah dihukum di luar negeri di dalam tahun 1974, 1975 dan 1976; dan
- (b) berapa ramai dan nama mereka yang sedang ada di dalam penjara di luar negeri dan di mana.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa terdapat rakyat Malaysia yang telah ditangkap di luar negeri kerana melakukan kesalahan.

(a) jumlah orang-orang yang telah dihukum adalah seperti berikut:

1974	...	11 orang
1975	...	16 orang
1976	...	3 orang (setakat ini)

(b) jumlah orang yang masih lagi di dalam tahanan ialah 117 dan mereka ini ditahan di Moscow, Tokyo, Manila, Damman (Saudi Arabia), Pennsylvania, Madras, Colombo, London, Geneva, Ottawa, Hongkong, Bangkok, Paris, Seoul, Vienna, Netherlands, Belgium, New Zealand dan Amerika Syarikat.

Memandangkan kepada jumlah orang-orang yang telah ditahan, tidaklah praktik untuk menyebutkan nama-nama mereka satu demi satu.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan berapa ramai mereka yang sudah menjalani hukuman di luar negeri itu balik ke negara ini?

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, kes-kes yang telah melibatkan warganegara Malaysia di luar negeri dan menjalani proses undang-undang di negara tersebut adalah hak kepada negara itu. Pada masa ini Kementerian Undang-undang masih melengkapkan satu laporan supaya jumlah itu dapat ditentukan.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang supaya pihak Kerajaan mengahubungi Kerajaan yang berkenaan itu supaya apabila banduan-banduan itu selesai menjalani hukuman mereka akan diserahkan kepada pihak berkuasa Kerajaan Negeri itu.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, setelah proses undang-undang di sesuatu negara itu selesai maka adalah menjadi satu lunas yang biasa bagi warganegara Malaysia itu untuk pulang ke negaranya dan selepas itu adalah terserah kepada Kerajaan pula untuk menentukan apakah langkah yang perlu diambil.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Anggaran Pembangunan, 1976 telah diluluskan.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Anggaran Pembangunan, 1976 telah diluluskan.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1976

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Anggaran Pembangunan, 1976 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (30hb Julai, 1976).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum daripada saya jemput Ahli-ahli Yang Berhormat berucap saya hendak maklumkan kita ada lagi dalam timbangan Dewan ini 18 Kementerian, baru sahaja kita telah selesai 3 Kementerian. Jadi, sebagaimana telah kita setuju dalam usul tadi kita hendak selesaikan perbincangan Anggaran Pembangunan, 1976 pada hari ini juga. Jadi, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat apabila membuat teguran itu hendaklah tepat dan tidak meleret-leret atau membuat ucapan yang panjang.

Bagi makluman, kerana sesuatu sebab yang tidak boleh dielakkan, Kepala P. 23 dan P. 24 iaitu di bawah Kementerian Pelajaran, kedua-dua Kepala itu hanya akan dibicarakan selepas daripada pukul 6 petang. Jadi dimintalah Ahli-ahli Yang Berhormat yang suka hendak bercakap berkenaan perkara itu ambil ingat.

Sekarang kita sampai kepada Kepala P. 19 di bawah Kementerian Perusahaan Utama dan masalaahnya sekarang ialah bahawa peruntukan di bawah Kepala P. 19 menjadi Anggaran Pembangunan 1976 dibenar dan dibuka untuk perbahasan.

Kepala P. 19—

3.10 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Pengerusi, saya bangun memohon supaya wang di bawah Kepala Pembangunan 19, Anggaran Pembangunan, 1976 sebanyak \$37,581,830 dipertimbang dan diluluskan bagi membiayai rancangan-rancangan pembangunan di bawah Kementerian Perusahaan Utama. Wang sebanyak ini adalah diperlukan untuk melaksanakan beberapa projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga bagi tahun 1976 melalui Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kementerian seperti butir-butir berikut:

Pecahan-kepala 1—Rancangan Tanaman Semula Getah (RISDA)

Adalah diharapkan RISDA akan dapat menguruskan tanaman semula getah sebanyak 120,000 ekar, iaitu 100,000 ekar untuk tanaman semula dan 20,000 ekar untuk tanaman baru berkelompok. Oleh itu, RISDA adalah berkehendakkan peruntukan tambahan sebanyak \$26 juta.

Pecahan-kepala 2—Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (MARDEC)

MARDEC pula dalam tahun 1976 memerlukan peruntukan tambahan sebanyak \$5 juta sebagai modal pusingan.

MARDEC adalah memerlukan modal pusingan yang besar bagi membeli getah pekebun-pekebun kecil oleh kerana sebahagian besar daripada modal ini adalah sentiasa terikat kepada setok-setok getah yang telah diproses yang terpaksa disimpan di antara 56 hingga 100 hari. Di samping itu

MARDEC juga terpaksa menunggu beberapa ketika sebelum mendapatkan bayaran atas jualan-jualan getahnya.

Pecahan-kepala 3—Rancangan Penanaman Semula Nenas

Tuan Pengerusi, Rancangan Penanaman Semula Nenas pula adalah memerlukan tambahan perbelanjaan pembangunan sebanyak \$2,470,800. Ini adalah bagi:

- (i) Projek Penanaman Semula—\$2,205,224;
- (ii) Menubuhkan pusat percubaan meng-gred buah nenas di kebun—\$110,500; dan
- (iii) Projek pengangkutan dan pasaran buah nenas—\$155,060.

Bagi tahun 1976 Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu adalah dijangka dapat menanam semula nenas seluas 3,000 ekar kebun-kebun kecil nenas dengan benih-benih yang lebih baik yang dikenal dengan nama "Mas Merah". Perbelanjaan bagi penanaman semula ini ialah \$1,800,000 iaitu pada kadar \$600 seekar. Di samping itu perbelanjaan pengurusan yang terlibat bagi mengendalikan projek ini ialah \$796,824 menjadikan projek tanaman semula ini berjumlah \$2,205,224.

Perbelanjaan sebanyak \$110,500 adalah dikehendaki bagi menjalankan projek percubaan menggred buah-buah nenas di ladang. Ini adalah bertujuan mengatasi masalah pemasaran buah nenas pekebun-pekebun kecil. Pada masa ini buah-buah nenas digred di kilang-kilang dengan menggunakan tenaga manusia. Cara menggred ini tidak memuaskan. Dengan projek menggred di ladang ini buah-buah akan digred di pusat-pusat yang dibina di dalam kebun-kebun itu sendiri menggunakan mesin menggred. Dengan cara ini pekebun-pekebun kecil akan dapat melihat sendiri jenis buah-buah yang patut dibawa mengikut kehendak-kehendak kilang. Dengan itu pekebun-pekebun kecil tidak akan kerugian dari mengangkut buah-buah yang tidak diterima oleh kilang. Rancangan ini bukan sahaja memberi faedah kepada pekebun-pekebun kecil bahkan juga kepada pengilang-pengilang nenas.

Satu lagi projek di bawah penanaman semula nenas ialah bagi mengatasi masalah pengangkutan dan pemasaran buah nenas. Projek ini perlu dijalankan serentak dengan projek menggred buah-buah nenas di ladang

bagi mendapatkan kesan yang memuaskan. Buah-buah yang telah digred di pusat-pusat menggred akan diangkut terus oleh lori-lori ke kilang supaya tidak ada buah-buah yang rosak disebabkan lambat dihantar ke kilang. Oleh itu peruntukan dikehendaki di bawah projek ini untuk membeli dua buah lori dan mengadakan wang pusingan bagi membeli buah-buah nenas daripada pekebun-pekebun kecil yang akan dijual kepada kilang-kilang nenas.

Pecahan-kepala 4—Lembaga Tembakau Negara

Tuan Pengerusi, dalam tahun 1976 ini Lembaga Tembakau Negara adalah juga berkehendakkan peruntukan tambahan. Ini adalah kerana, sebagai yang diketahui, tembakau ialah satu perusahaan yang sedang berkembang dan baru diberi tekanan sebagai salah satu daripada usaha-usaha membantu meninggikan taraf ekonomi terutamanya petani-petani di luar bandar.

Peruntukan tambahan yang dikehendaki ialah sebanyak \$1,370,000. Wang ini akan digunakan seperti berikut:

(i) Pusat Pemasaran Tembakau

Pusat pemasaran tembakau adalah ditubuhkan bagi tujuan memberi kemudahan-kemudahan pemasaran daun-daun tembakau diawit di satu tempat di bawah kelolaan secara langsung oleh Lembaga Tembakau Negara. Cara ini dapat memastikan penentuan gred daun tembakau diawit dengan lebih sempurna serta penjualannya dengan harga yang berpatutan. Cara ini juga akan dapat mengelakkan penyimpanan stok-stok daun tembakau berlebihan serta menstabilkan harga dan amalan pemasaran yang sihat. Jumlah peruntukan yang dipohon ialah \$420,000.

(ii) Pusat Penerangan Wilayah Kuala Trengganu

Penanaman-penanaman dan pengawit-pengawit tembakau perlu diberi penerangan dan tunjukajar supaya pengeluaran dan mutu tembakau dapat diperbaiki. Bagi tujuan ini dalam tahun 1976 satu Pusat Penerangan Wilayah bagi Negeri Trengganu dan Pahang akan ditubuhkan di Kuala Trengganu dengan belanja sebanyak \$50,000.

(iii) Penyelidikan dan Pembangunan

Lembaga akan mula menjalankan projek-projek kemajuan dan penyelidikan mengenai perusahaan tembakau pada tahun 1976. Bidang penyelidikan itu termasuklah benih dan pengedaran kepada penanam, tanah, baja, penggunaan jentera dan racun serangga. Peruntukan yang diperlukan serta menstabilkan harga dan amalan

(iv) Rancangan-rancangan Latihan

Pegawai-pegawai Lembaga perlu juga mendapat latihan lanjut dalam perusahaan tembakau supaya mereka dapat menjalankan tugas-tugas dengan lebih berkesan. Untuk maksud ini, Lembaga sedang menyediakan rancangan-rancangan latihan untuk mereka itu yang dijangka akan menelan perbelanjaan sebanyak \$60,000. Menyedari tentang kekurangan kakitangan untuk menjalankan tugas-tugas Lembaga, Lembaga juga sedang mengadakan rancangan menawarkan biasiswa kepada calon-calon untuk menjalani kursus di Instituit Pertanian.

(v) Penyelidikan di Rancangan Tanah Kelantan

Di dalam beberapa projek rancangan tanah Negeri, Kelantan adalah dijangka beberapa peserta rancangan akan berminat untuk menanam tembakau. Lembaga akan memainkan peranannya di dalam hal ini dengan memberi nasihat dan lain-lain kemudahan yang perlu kepada peserta-peserta itu. Peruntukan yang diperlukan di sini ialah \$20,000.

(vi) Pembinaan Ibu Pejabat Lembaga Tembakau Negara

Lembaga sekarang ini bercadang mendirikan bangunannya sendiri bagi kegunaan ibu pejabat. Bagi tujuan ini, Lembaga memerlukan sebanyak \$500,000.

(vii) Penguatkuasaan, Perkhidmatan Nasihat dan Pengurusan

Aktibiti-aktibiti Lembaga Tembakau Negara telah bertambah dengan pesatnya bagi menjalankan usaha-usaha pembangunan seperti yang tersebut di

atas tadi, dan termasuk juga kerja-kerja penguatkuasaan dan perkhidmatan nasihat (extension services) serta pengurusan. Untuk melaksanakan tugas-tugas ini, pihak Lembaga memerlukan perbelanjaan sebanyak \$300,000.

Pecahan-kepala 15—Penanaman Semula Getah Sarawak

Peruntukan sebanyak \$533,000 adalah diperlukan bagi Sarawak iaitu untuk projek-projek penanaman semula/penanaman baru getah pekebun-pekebun kecil seluas 4,000 ekar, bagi penanaman semula getah estet seluas 5,000 ekar, dan penanaman baru iaitu bagi Yunit Pembangunan Pertanian seluas 830 ekar.

Pecahan-kepala 21—Tanaman Semula Getah Sabah

Begitu juga bagi tahun 1976 peruntukan sebanyak \$1 juta dikehendaki oleh Lembaga Tabung Getah Sabah iaitu untuk tanaman semula getah bermutu tinggi seluas 2,000 ekar, untuk tanaman getah baru seluas 666 ekar, dan untuk tanaman semula getah dengan lain-lain tanaman seluas 666 ekar.

Pecahan-kepala 26-36—Perhutanan, Semenanjung Malaysia

Tuan Pengerusi, Jabatan Semenanjung Malaysia adalah memerlukan tambahan wang sebanyak \$460,010 bagi projek pembangunan tahun 1976. Sebanyak \$350,000 adalah diperlukan bagi tujuan membayar kos pembinaan pusat latihan membalak di Trengganu dan pembelian alat-alat kelengkapan bagi kemudahan pelajaran dan latihan. Satu projek baru bagi penyelidikan setok tanaman adalah juga dijalankan dengan perbelanjaan sebanyak \$16,000 bagi mengadakan pagar tapak semaian, alat-alat kelengkapan dan lain-lain kerja pembangunan. \$19,000 adalah juga dikehendaki bagi satu lagi projek yang baru di dalam bidang penyelidikan perlindungan pokok dan barang-barang kayu. Satu peruntukan isyarat iaitu sebanyak \$10 adalah juga diperlukan bagi projek penyelidikan dan pembangunan kayu. Selain daripada itu satu bangunan tambahan adalah juga diperlukan bagi Ibu Pejabat Perhutanan yang menelan belanja lebih kurang \$75,000 dalam tahun 1976 ini iaitu bagi kerja-kerja penyediaan tapak dan asas bangunan.

Pecahan-kepala 45-49 Perhutanan Sarawak

Bagi pembangunan di negeri Sarawak pula, peruntukan tambahan tahun 1976 sebanyak 420,000 adalah diperlukan. \$280,000 adalah bagi kemudahan-kemudahan penyelidikan hutan, \$50,000 adalah bagi menjalankan rancangan kemajuan perusahaan hutan, dan dua projek baru iaitu \$50,000 bagi sekolah latihan membalak dan \$40,000 bagi penubuhan kawasan perlindungan binatang-binatang liar.

Pecahan-kepala 65—Kajibumi Semenanjung Malaysia

PENYIASATAN KAJIPUNCAIRBUMI

Pentingnya pencarian pembekalan air bawah tanah untuk berbagai projek-projek pembangunan adalah menjadi kenyataan dengan sendirinya, kerana tidak ada projek pembangunan boleh mengharapkan kejayaan jika pembekalan air yang cukup tidak ditentukan. Hingga ke tahun 1976 kerja-kerja ini telah dijalankan oleh Jabatan ini dengan perbelanjaan diperuntukan kepada J.K.R. Mulai tahun 1977 ke hadapan, adalah dicadangkan iaitu Jabatan ini akan menjalankan kerja-kerja ini dengan perbelanjaan sendiri. Dengan demikian, satu peruntukan isyarat sebanyak \$10 tahun 1976 untuk Jabatan ini adalah dikehendaki sekarang.

Pecahan-kepala 66—Kejuruteraan Kajibumi

Jabatan Kajibumi adalah sedang menjalankan projek-projek kejuruteraan seperti menyediakan keterangan permulaan kajibumi untuk berbagai kawasan-kawasan empangan dan sekim-sekim hydro-electric di seluruh negara. Oleh itu peruntukan sebanyak \$10,000 adalah diperlukan bagi membeli alat-alat kejuruteraan yang perlu.

Pecahan-kepala 76—Kajibumi Sarawak

BANGUNAN PEJABAT BARU

Bangunan Pejabat Jabatan Penyiasatan Kajibumi, Sarawak sekarang telah menjadi terlalu sesak dan tidak mencukupi bagi keperluan masa sekarang. Kerja-kerja kajibumi yang banyak di Sarawak telah bertambah.

Banyak kakitangan dan kelengkapan tambahan yang sophisticated telah diluluskan. Dengan itu, bangunan baharu yang mempunyai ruangan cukup adalah diperlukan.

Peruntukan sebanyak \$180,000 adalah dikehendaki untuk membeli tanah dan kerja penyediaan awal.

Pecahan-kepala 77—Penyiasatan Kajipuncairbumi

Pembekalan air tawar negeri Sarawak untuk penduduk-penduduk di pantai adalah bergantung kepada telaga-telaga permukaan. Sumber air seperti ini selalunya tidak dalam dan mudah kering pula. Dengan yang demikian, bagi mengatasi masalah kekurangan perbekalan air, maka punca-punca air di bawah tanah perlulah diselidiki. Projek ini menelan belanja sebanyak \$35,000 bagi tahun ini.

Pecahan-kepala 78—Penyiasatan Lanjutan terhadap Bijih Besi

Ada terdapat tanda-tanda sedikit sebanyak bijih-bijih besi di merata-rata tempat di Sarawak. Adalah perlu dijalankan penyiasatan feasibility secara mendalam bagi menentukan samada penimbunan bijih besi itu ekonomik atau sebaliknya bagi diusahakan. Peruntukan sejumlah \$20,000 adalah perlu bagi tahun 1976 untuk tujuan ini.

Pecahan-kepala 79—Penyiasatan Galian Radioaktif

Dengan tertubuhnya Pusat Kajian Atom Tun Dr Ismail, adalah dicadangkan supaya penyiasatan-penyiasatan dijalankan di Sarawak bagi mencari kemungkinan adanya bahan-bahan yang boleh digunakan bagi mengeluarkan tenaga nuklear seperti uranium. Menurut keterangan-keterangan kajibumi besar kemungkinan terdapatnya bahan-bahan ini di kawasan antara Sungai Sadang dengan Lupang, Sarawak. Bagi tujuan ini peruntukan sebanyak \$30,000 adalah diperlukan dalam tahun 1976.

Pecahan-kepala 85—Kajibumi Sabah

PENYIASATAN MENENTUKAN GALIAN

Dalam tahun 1976, dua projek baru penyiasatan-penyiasatan pemetaan dan logam telah dimulakan dalam kawasan utara dan tengah, negeri Sabah yang berjumlah kira-kira 800 batu persegi. Tambahan \$10,000 adalah diperlukan untuk meliputi kerja-kerja yang telah dimulakan itu.

Pecahan-kepala 86—Bangunan Pejabat Kajibumi Baru

Peruntukan isyarat sebanyak \$10 adalah dikehendaki bagi cadangan binaan bangunan Pejabat Kajibumi Baru Sabah supaya kerja-kerja persediaan reka bentuk dan tapaknya dapat dijalankan oleh J.K.R., Kota Kinabalu, Sabah di dalam tahun 1976 ini.

Pecahan-kepala 87—Alat Mengesan Logam

Jabatan ini juga memerlukan peruntukan sebanyak \$3,000 untuk membeli alat-alat saintifik bagi mengesan logam-logam pada contoh-contoh batu (Scientific Prospection Equipment).

Pecahan-kepala 94 dan 95—Jabatan Galian Malaysia

Jabatan Galian pula adalah memerlukan peruntukan tambahan sebanyak \$40,000 dalam tahun 1976. \$20,000 adalah bagi tujuan pencari-galian dan penilaian bijih timah dalam kawasan Tanah Simpanan Melayu bagi membantu pelombong-pelombong Bumiputra memastikan visibility kandungan bijih sebelum sesuatu usaha perlombongan dijalankan. \$20,000 lagi adalah diperlukan bagi kerja-kerja peringkat awal untuk membina bangunan makmal geoteknik di Ipoh.

Tuan Pengerusi, dengan ini, saya mohon supaya peruntukan sejumlah \$37,581,830 di bawah Kepala Pembangunan 19, Kementerian Perusahaan Utama diluluskan oleh Dewan.

3.30 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya bercakap berkenaan dengan Pecahan-kepala 1. Rancangan-rancangan Tanam Semula Getah. Perkara ini kerap berlaku dan selalu juga disebutkan dalam Dewan ini. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama yang mana banyak daripada pekebun-pekebun kecil yang telah mendapat perolehan daripada getah khasnya untuk rancangan tanam semula dan saya dapati rancangan tanam semula ini amat menguntungkan kepada pekebun-pekebun kecil dan saya berharap sangat pihak Kementerian Perusahaan Utama mengawasi dengan selebih-lebihnya supaya apa yang dimaksudkan dengan tanaman semula itu diterkelincarkan ke jalan yang lain-lain.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, dalam pandangan saya dan ini sedia kala berlaku dan selalu saya sebutkan, saya amat sedih dan dukacita kerana penanaman semula ini yang dapat dinikmati kepada orang-orang yang kebun getahnya ada geran walaupun dalam kebun getah ini tidak cukup syarat. Katakanlah, saya biasa dapati satu-satu kebun, satu-satu geran, satu-satu ekar yang sepatutnya ada sekian pokok getah tetapi banyak daripada pokok-pokoknya tidak ada, bahkan setengahnya menjadi syarat ada getah di situ tetapi oleh sebab dia ada geran maka orang yang ada geran tadi dapat mengadakan tanaman semula. Malangnya, yang tidak ada geran disebabkan minta tidak dapat dan berbagai-bagai berlaku macam dalam Pejabat Tanah kekurangan pegawai dan sebagainya, maka akibatnya kepada tuan-tuan tanah yang ada tanah sebenar tadi akan menjadi mangsa. Maka dengan sebab itu saya merayu dan saya mencadangkan kepada yang tidak bergerak itupun patut diberi tanaman semula dan bila wang ini hendak diberi, dipotongkan wang itu untuk diberi buat geran. Sebab saya berpendapat satu-satu ekar yang dapat tanaman semula tentulah tidak kurang daripada \$500, harus agak saya lebih daripada \$70 sedangkan buat geran satu ekar tidak sampai kepada \$100 tetapi oleh sebab saya kata tadi kadang-kadang hendak cari sekali gus ini payah bagi orang kampung ataupun bagi pekebun kecil dan kadang-kadang kalau ada wang pun cara penyelesaian di Pejabat Tanah itupun lambat, maka ini menjadi penanam semula ataupun pekebun-pekebun yang ada getah tadi rugi dengan sebab tidak ada geran.

Baru-baru ini, Tuan Pengerusi, telah menjadi satu masaalah. Saya amat dukacita kerana ada di antara pekebun-pekebun kecil yang tidak bergerak ini tidak dapat menjualkan getah melainkan terpaksa diminta geran daripada orang lain yang ada geran. Kalau orang itu ada kebun ataupun ada getah sekalipun tidak dapat menjualkan getah yang berkenaan. Dengan sebab itu, saya berharap kepada Kementerian berkenaan beri kemudahan dengan ada resit kenyataan membayar lesen walaupun T.O.L. patutlah diberi kemudahan kepada orang yang berkenaan. Jadi, kalau hendak cari geran, ada orang lain pula di situ, ada pula kita kata sebagai wang bola atau sebagainya yang akan dikenakan kepada pekebun-pekebun tadi.

Tuan Pengerusi, saya bercakap berkenaan dengan Lembaga Tembakau. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Perusahaan Utama khasnya kepada Menteri yang berkenaan yang saya tahu dalam dua bulan yang lepas telah ada satu perjumpaan daripada pengawit-pengawit tembakau seluruh Malaysia dengan Menteri yang berkenaan dengan harga daun tembakau yang tidak bagus dibuat oleh pengilang-pengilang. Saya berharap sangat kita dan rakyat Malaysia kebanyakan daripada pak tani, kalau dahulu dipandang harga padi naik berlumba-lumba menanam padi, hari ini pula memandangkan tembakau naik harga boleh dikatakan bukan sahaja di Kelantan, di Kedah, di Perlis pun sebahagian daripada Perlis ataupun saya berani kata dengan tepat, utara Perlis hari ini semua tempat menanam tembakau kerana maklumlah penduduk-penduduk kampung bila dapati apa sahaja tanaman yang menjadi hasil tetap mereka tanam, apa sahaja, bukan kata tembakau. Bila dengar tembakau naik harga masing-masing berlumba tanam tembakau tetapi bila bawa kepada pengawit, pengawit pula terpaksa berdolak seribu satu macam disebabkan pengilang tadi terlampau detail sangat tentang harga-harga dengan berbagai-bagai cara.

Sebagaimana saya katakan tadi bersyukur dengan pertolongan Menteri yang berkenaan dapat dinaikkan sedikit tetapi saya berharap lagi jangan kata orang sudah banyak daun tembakau sudah tidak berguna atau banyak jadi kacau-bilau di antara penanam dan pengawit dan banyak titik peluh pak tani sudah terbuang begitu, dikala itu barulah kita akan mengambil peluang dengan bersungguh-sungguh. Saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama yang saya tahu sudah mengambil daya-usaha biarlah mengambil daya-usaha seboleh-bolehnya awal lagi dan berharap sangat jangan jadi macam harga padi, pak tani menjual padi dengan begitu murah, pengilang-pengilang mendapat untung yang tinggi. Begitu juga ada berlaku kepada tembakau; penanam tembakau tanam begitu teruk, pengawit dan penanamnya mendapat untung sedikit, yang mendapat untung yang begitu banyak ialah pengilang-pengilang. Saya harap dengan daya usaha Menteri yang berkenaan dapat mengatasi perkara yang tersebut.

Perkara yang akhir, Tuan Pengerusi, Pecahan-kepala 34 berkenaan dengan Penyelidikan Perlindungan Pokok dan Barang-barang Kayu. Saya amat dukacita yang saya dapat tahu ada di antara hutan-hutan kita yang dirancang untuk pembangunan tetapi banyak kayu-kayu yang ditebang terbuang begitu sahaja sedangkan kita berkehendakkan banyak kayu. Biasa diseru oleh Allahyarham bekas Perdana Menteri kita, kita hendaklah menggunakan banyak daripada bahan kayu-kayu tetapi kalau kayu-kayu kita ditebang dengan tidak tentu arah, dengan tidak diselidiki, kadang-kadang satu hutan yang patut kita simpankan, kita tebang dan kayu itu kita tidak ambil maka ini mengakibatkan satu ketika yang akan datang kayu dalam Malaysia ini amat berkurangan. Dengan sebab itu, saya berpendapat orang akan menebang kayu tidak pilih kayu jati sahaja ataupun hutan di Templer Park sahaja dijaga dan siapa mengambil kena hukum. Pendek kata, kayu yang ada dalam hutan rimba sekalipun ditebang dengan tidak tentu arah, kayu itu akan terbiar begitu sahaja patutlah Kementerian yang berkenaan mengambil tindakan juga kerana menjaga pada masa akan datang.

3.36 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Pengerusi, sukacita saya menyentuh Kepala P. 19, Pecahan-kepala 15 di muka surat 33, Penanam Semula Getah di negeri Sarawak. Saya yakin kepada pihak yang berkenaan melaksanakan rancangan ini dengan mengambil perhatian berat kepada pekebun-pekebun kecil luar bandar supaya mereka diberi kesempatan mengambil bahagian sebagai penanaman semula getah yang dimaksudkan untuk menggantikan getah lama atau tua yang tidak begitu memberi hasil lagi.

Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum sebahagian besar pekebun getah lama termasuk juga getah baru di negeri Sarawak yang dipunyai oleh kaum bumiputra di kawasan pendalaman tidak mempunyai surat milik tanah atau geran, hanya mereka menanam di tanah dusun mereka sendiri yang diakui oleh undang-undang negeri itu sebagai hak kepunyaan mereka sendiri. Dari itu sukar untuk ditentukan berapa luasnya tanah atau kebun getah lama yang tidak memberi hasil lagi di negeri Sarawak yang bertaburan di merata

tempat di kawasan pendalaman. Walaupun demikian, ingin saya mengesyorkan kepada pihak yang berkenaan supaya memberi keutamaan kepada pekebun-pekebun getah lama yang berhampiran jalanraya seperti di kawasan saya di mana sekarang jalanraya besar telah boleh dipakai oleh bas dan teksi serta kenderaan-kenderaan lain serta juga di ulu-ulu sungai yang senang dilawati oleh pihak yang bertanggungjawab menjamin wang bantuan di dalam rancangan ini dapat memberi faedah kepada ekonomi rakyat dan negara. Di samping itu, saya juga berharap pihak yang berkenaan meneliti dan berwaspada supaya tidak terkena benih-benih getah yang tidak memberi hasil seperti yang kita harapkan.

Tuan Pengerusi, mengenai Pecahan-kepala 45, 46, 47 dan 48 di muka surat 35 berhubung dengan Penyelidikan Kayu dan Kemajuan Perusahaan Hutan serta Sekolah Latihan Perhutanan. Negeri Sarawak memang terkenal sebagai negeri hutan. Sumber hutan juga pada masa ini salah satu yang mendapat banyak tukaran wang negara asing. Hutan juga sangat penting bagi faedah rakyat di negeri itu sendiri, terutamanya rakyat luar-luar bandar yang menggunakan hampir 100% daripada bahan-bahan diperolehi dari hutan untuk dibuat rumah dan sebagainya. Dengan adanya undang-undang dan peraturan Jabatan Hutan Negeri Sarawak yang boleh saya katakan begitu berkesan, maka sumber-sumber hutan dapat dikekalkan untuk selama-lamanya. Dari itu sudah semestinya kakitangan Jabatan Hutan diberi latihan perhutanan yang lebih baik lagi bagi menjamin perlaksanaan dan mengawal hutan sebagai satu sumber yang penting terutamanya di zaman kemajuan sains dan teknologi supaya segala sumber hutan dapat digunakan dengan lebih banyak lagi di negara kita ini.

Saya ingin mengesyorkan kepada pihak yang berkenaan, terutamanya Yayasan Sarawak yang menerima cukai premium dari hasil pengeluaran kayu balak hendaklah memberi perhatian berat supaya mengambil lebih ramai lagi belia-belia yang berkecayaan, terutamanya bumiputra yang sangat-sangat kurang di bidang persekolahan tinggi supaya diberi biasiswa khas untuk memasuki universiti di bidang perhutanan samada di negara kita ini ataupun di negara lain bagi kepentingan masa depan kemajuan

perusahaan hutan benar-benar dapat digunakan oleh rakyat dan faedah negara untuk menukar bentuk daripada balak yang dieksport kepada alat perkakas kayu-kayan yang telah dibuat di negara ini dihantar ke pasaran dunia yang berkehendakannya yang juga boleh menambah peluang pekerjaan yang lebih banyak lagi kepada rakyat tempatan serta juga dapat mengawal sumber hutan sebagai satu sumber yang berkekalan sepanjang zaman.

Akhirnya, saya menyokong peruntukan Anggaran Pembangunan, 1976 seperti yang dikehendaki oleh Kementerian ini.

3.42 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungan): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap sedikit sahaja iaitu di bawah Pecahan-kepala 4—Lembaga Tembakau Negara.

Tuan Pengerusi, saya berasa gembira dengan keterangan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berhubung dengan satu peruntukan iaitu di bidang penyelidikan dan pembangunan. Saya amat bersetuju dengan rancangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri cuma peruntukan yang saya dengar sedikit sangat iaitu hanya \$20,000 sahaja. Jadi, saya rasa kalau boleh pada masa yang akan datang ditambah banyak sedikit, kerana di masa yang lalu iaitu tahun ini masalah penanaman tembakau ini menjadi satu masalah yang rumit, sebagaimana yang kita tahu sebanyak 120,000 orang petani yang menanam tembakau di negara kita ini terlibat dengan masalah-masalahnya. Masalah yang besar sekarang ialah tanaman itu adakah sesuai atau tidak dengan tanah tempat mereka menanam.

Yang kedua, apakah baja yang sesuai untuk digunakan pada tanaman-tanaman yang mereka tanam itu. Tahun ini banyak baja-baja yang disyorkan oleh pihak L.T.N. (Lembaga Tembakau Negara) melahirkan daun-daun yang kurang memuaskan, sampai enam jenis daun dan kadang-kadang sampai tujuh jenis daun yang hampir sama juga dengan digunakan baja-baja getah. Perkara ini kalau hendak disalahkan kepada pihak petani-petani tidak boleh dan juga kalau hendak disalahkan kepada pengawit-pengawit pun tidak boleh, kerana baja ini ditunjukkan oleh pihak L.T.N. sendiri. Jadi yang menjadi malangnya ialah daun ini

keluar dengan bermacam-macam jenis maka pihak pengilang menolak daripada pengawit, pengawit menolak daripada petani. Akhirnya, petani yang rugi sampai beribu-ribu ringgit dan sampai satu dua musim mereka menanam tembakau tidak mendapat apa-apa hasil. Ini amat mendukacitakan dan saya tidak tahu siapa yang bersalah dalam hal ini. Cuma yang saya tahu ialah petani sudah rugi, habis masa berhutang daripada pengawit, jadi sekarang hendak cari beras susah, pengawit pula ada yang mengandungi

Datuk Musa Hitam: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan. Adakah Yang Berhormat itu menyatakan bahawa pihak Lembaga Tembakau Negara telah mencadangkan dan menyuruh penanam-penanam tembakau menggunakan baja untuk tanaman getah? Itu yang dikatakannya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Pengerusi, baja yang digunakan sekarang ialah baja tembakau, iaitu baja Cap Ayam. Baja ini yang disyorkan oleh Lembaga Tembakau Negara, bukan baja getah—baja tembakau tetapi baja itu mengeluarkan daun sampai enam jenis iaitu hitam, kuning, hijau, hijau muda dan bermacam-macam lagi. Jadi, apakala pihak pengawit menyalai daun ini maka mutunya rendah dan tidak diterima oleh pihak pengilang dan ditolak. Yang teruknya ialah petani. Dalam masa beberapa bulan mereka telah bekerja tidak dapat satu hasil pun. Pengawit pula berhutang daripada pihak bank ataupun dari mana-mana punca. Pengawit itu boleh tahan, Tuan Pengerusi, kerana pengawit ini modalnya ada dan wang yang dia membuat pusingan ialah wang pinjaman.

Masalah kepada saya ialah petani-petani. Saya berharap pada masa yang akan datang pihak Lembaga Tembakau Negara biar cermat dalam penggunaan baja ataupun penggunaan baja yang sesuai dengan tanah supaya benar-benar mengeluarkan daun yang dikehendaki oleh pihak Lembaga Tembakau Negara sendiri. Saya harap perkara ini tidak akan berlaku lagi pada masa yang akan datang dan masalah yang dihadapi sekarang oleh pihak petani-petani dalam bidang tembakau ini hendaklah diambil perhatian samada dengan membuat tuntutan kepada pengeluaran-pengeluar baja yang menyebabkan petani rugi ataupun apa-apa langkah supaya petani-petani tidak menyesal untuk menanam

tembakau dan mereka menanam pula pada masa yang akan datang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

3.47 ptg.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, saya bangun turut sama menyokong dengan sepenuh-penuhnya di atas Anggaran Pembangunan Kepala P. 19 Kementerian Perusahaan Utama, muka surat 33, Pecahan-kepala 15—Menanam Semula Getah Sarawak.

Tuan Pengerusi, wang yang diperuntukkan pada tahun 1976 sebanyak \$1,033,000—Rancangan Menanam Semula Getah ini patutlah diperbesar kerana getah Malaysia diketahui banyak juga mengeluarkan hasil kepada negara dan di samping ini saya ingin bercakap dengan ringkas sahaja. Saya selalu diberitahu oleh pekebun-pekebun kecil yang berkehendak menanam semula getah. Kebanyakan orang yang berkehendak ini terdiri dari pekebun-pekebun kecil yang datang dari luar-luar bandar. Saya khuatir kerana kebanyakan pekebun-pekebun kecil itu tidak dapat peluang menerima bantuan menanam semula getah dari Kerajaan. Ini mungkin kadang-kadang kelambatan permintaan itu lambat dihantar kepada pejabat yang berkenaan dan oleh yang demikian saya ingin memberi pandangan sedikit kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan satu perkara yang sangat perlu yakni mengeluarkan notis kepada pekebun-pekebun kecil ataupun pengumuman dari radio dan notis-notis permintaan itu patutlah dilanjutkan sepanjang masa supaya pekebun-pekebun kecil yang jauh dari bandar dapat peluang menghantar permintaan itu kepada pejabat yang berkenaan.

Di sini juga saya minta Kerajaan memikirkan supaya permintaan pekebun-pekebun kecil dari luar bandar diambil perhatian dengan berat kerana apa yang didapati pada masa yang lalu kebanyakan wang yang diperuntukkan kepada penanam semula getah ini lebih banyak lagi terpulang kepada orang-orang yang kaya dan kaum yang kemiskinan ini sudah putih mata. Oleh yang demikian, kita tidak mahu perkara seperti ini berlaku kepada pekebun-pekebun kecil dan di sini saya sekali lagi merayu kepada

Yang Berhormat Menteri yang bertanggung-jawab supaya dapat mengambil perhatian yang berat di atas apa yang saya sebutkan di Dewan ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak, lepas itu saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.49 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Perusahaan Utama. Menyentuh P. 19, Pecahan-kepala 1 ceraian (iii) iaitu peruntukan yang diminta sebanyak \$26,000,000. Berhubung dengan perkara ini bagi pihak Kementerian yang berkenaan ialah untuk mengadakan rancangan tanah kelompok. Pada fahaman saya rancangan tanah kelompok yang diusahakan itu adalah merupakan menambah keluasan tanah kepada pekebun-pekebun kecil getah.

Di sini saya suka mencadangkan supaya Kementerian yang berkenaan dapat kiranya menambah lagi bilangan pekebun-pekebun kecil yang mana-mana Kerajaan Negeri yang telah memberikan atau mengurniakan tanah kepada satu-satu kawasan kelompok yang mana penyertaan ataupun peserta-pesertanya tidak mempunyai kebun getah dapat diusahakan oleh Kementerian yang berkenaan, kerana kebanyakan pekebun-pekebun ataupun bakal pekebun-pekebun kecil ini mungkin tidak mampu mengusahakan tanah yang berkenaan kerana mereka ini tidak mempunyai tanah getah ataupun tidak mempunyai gerannya sendiri. Mereka ini baru dapat tanah ataupun baru mendapat kurniaan tanah daripada Kerajaan Negeri dengan keluasan di antara 4 hingga 10 ekar. Saya rasa oleh kerana mereka ini tidak ada kemampuan untuk belanja menanam getah, jadi apalah salahnya Kementerian ini mengadakan satu peraturan ataupun satu peruntukan yang khas kepada tanah yang cara kelompok yang seumpama ini.

Selain daripada itu, ada sungutan-sungutan yakni benih yang disampaikan itu kebanyakan matanya sudah tidak ada, jadi bila mata sudah tidak ada, betul-betul tanam ranting. Jadi pekebun-pekebun kecil yang menerima bantuan ini mahu tidak mahu carilah anak-anak getah yang terpelanting dekat-dekat situ tanam sebagai sulaman supaya kebun mereka itu penuh juga dengan pokok-pokok getah.

Selain daripada itu, saya suka mencadangkan kepada pihak Kementerian Perusahaan Utama supaya dapat membekalkan dengan getah yang benar-benar bermutu kepada pekebun-pekebun kecil yang menerima tawaran rancangan Kerajaan ini. Saya rasa patut sangatlah peruntukan ataupun pemberian yang ada pada masa sekarang ini dinaikkan sedikit lagi, kerana memandangkan keadaan negara kita begitu memerlukan perbelanjaan yang banyak kepada sesuatu masa. Apa yang menjadi masalah yang besar sekali kepada pekebun-pekebun kecil ataupun pegawai-pegawai RISDA untuk pergi memajukan kawasan-kawasan yang berkenaan, saya difahamkan selalu menyatakan hendak pergi ke satu-satu tempat itu susah, kerana jalan tidak ada. Saya rasa kalau Kementerian ini berusaha supaya mengadakan satu peruntukan ke sesuatu kawasan yang besar ataupun yang luas sampai 200 ekar misalnya ke satu kawasan yang akan ditanam semula itu diadakan satu peruntukan khas membolehkan Kementerian ini mengadakan jalan mereka sendiri. Dengan yang demikian, dengan tidak secara langsung segala bahan-bahan untuk tanaman semula ataupun tanaman baru ini mudah dibawa dengan lori atau dengan kenderaan RISDA sendiri.

Di samping itu, bila sudah mengeluarkan hasil, tentulah Kementerian ini menggalakkan kepada pekebun-pekebun kecil dengan tanaman kontan. Jadi tentulah hasil yang keluar daripada kawasan yang ditanam semula tadi dengan tanaman kontan ini mudah dibawa keluar dan mendapat dengan harga yang baik. Dengan ini tentulah pihak Kerajaan mendapat keuntungan dan pihak petani atau pekebun-pekebun kecil sendiri pun mendapat kejayaan sambil mereka memelihara menanam getah, mereka dapat membawa balik hasil tanaman mereka dan dijual ke pasar.

4.04 ptg.

Datuk Musa Hitam: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi mengambil bahagian di dalam perbincangan peruntukan di bawah Kementerian saya.

Saya suka terutama sekali menyebutkan masalah-masalah yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Mukah

dan dari Batang Lupar berhubung dengan rancangan tanaman semula di Sarawak. Sebenarnya rancangan tanaman semula di Sarawak ini dikelolakan oleh Lembaga Getah di Sarawak dan tidak dikelolakan oleh RISDA, sebab masih belum dapat persetujuan lagi dengan negeri-negeri Sarawak dan Sabah untuk tanggungjawab RISDA diperluaskan ke negeri-negeri itu. Walau bagaimanapun, tidaklah berbeza dari segi dasarnya pada keseluruhannya iaitu tiap-tiap seseorang yang berkehendakan tanaman semula getah di kawasan masing-masing hendaklah membuat permohonan dan permohonan ini akan dapat dilayan asalkan menepati syarat-syarat yang tertentu yang dikenakan untuk seseorang mendapat bantuan tanaman semula. Dan saya sangatlah bersejua dengan Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar yang telah mengatakan bahawa ada terjadi sekarang di mana pekebun-pekebun kecil tidak mengetahui di atas masalah-masalah masa dan apakah syarat-syarat dan bagaimanakah cara mereka akan dapat bantuan sebelum mereka membuat permohonan. Ini akan kita cuba memperbaiki keadaan ini sungguhpun di Semenanjung Malaysia ini tidak menjadi soal oleh sebab telah dihebahkan tiap-tiap tahun oleh mereka yang berkenaan memberitahu kepada mereka yang hendak menanam semula pada keseluruhannya.

Soal yang kedua, yang saya suka menyebutkan di sini ialah soal kayu-kayan dan perhutanan iaitu soal-soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mukah juga dan Ahli Yang Berhormat dari Kangar. Saya suka menyatakan bahawa pada asasnya soal mengawasi penebangan ataupun penebasan sesuatu kawasan perhutanan itu sebenarnya ialah masih lagi di dalam tangan Kerajaan Negeri masing-masing, sungguhpun Jabatan Hutan yang memberi lesennya. Walau bagaimanapun, saya suka menyatakan bahawa di dalam beberapa bulan yang akan datang, satu dasar hutan negara yang meliputi seluruh negara kita akan dapat digubalkan dan dipersetujukan, saya harap oleh Kerajaan-kerajaan tiap-tiap negeri di dalam negara kita ini supaya tiap-tiap negeri akan dapat seberapa boleh mematuhi dan mengikuti apa juga garis dasar yang sudahpun digubal cuma menunggu persetujuan Majlis Hutan Negara. Jadi masalah-masalah penebangan dan penggunaan kayu-kayan dan kawasan serta masalah tanaman semula

dan sebagainya akan dapat dipastikan dengan tergubalnya dasar hutan negara pada keseluruhannya.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Mukah yang telah mengesyorkan supaya biasiswa dan sebagainya harus diberi kepada anak-anak negeri Sarawak untuk mempelajari pelajaran-pelajaran yang ada kaitan dengan kayu-kayan dan perhutanan. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Mukah, saya suka menyatakan bahawa dari segi Sarawak satu delegasi ataupun rombongan yang saya harap mengetuai ke negeri China pada tahun ini akan mengandungi wakil daripada Sarawak untuk mereka cuba menjual seberapa banyak bahan-bahan kayu daripada negeri Sarawak ke negeri China yang merupakan satu negara yang menggunakan banyak kayu-kayan daripada negara kita.

Soal yang ketiga, yang saya suka sebutkan di sini ialah berhubung dengan soal tembakau yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kangar dan dari Dungun. Saya suka menyatakan bahawa yang pertama sekali berhubung dengan soal harga yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar ini memanglah benar bahawa soal harga menjadi soal yang rumit. Walau bagaimanapun, kita telah dapat memastikan di dalam mesyuarat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan bahawa satu sistem telah dipersetujui oleh semua pihak-pihak penanam, pengawit dan juga pengilang dengan jasa baik pihak Lembaga Tembakau Negara untuk menentukan harga dan bagaimana cara harus digredkan tembakau itu.

Di sini saya suka menyatakan bahawa apa yang penting bahawa sesiapa yang hendak menanam tembakau ataupun mengawit tembakau haruslah mendapat lesen terlebih dahulu daripada pihak Lembaga dan dapat nasihat dan memastikan cara-cara bahawa mereka benar-benar faham atas selok-belok menanam tembakau ini oleh sebab tanaman tembakau ini ialah satu tanaman yang sukar hendak dijayakan sekiranya tidak dapat nasihat dan pengetahuan yang tertentu. Pada mulanya kita telah menentukan lebih kurang 56 gred tembakau yang dikeluarkan di dalam negara kita ini tetapi di dalam beberapa tahun yang lepas kita telah mengurangkan gred itu kepada 5 hingga 6 sahaja dan ini

menunjukkan bagaimana cara mengredkannya telah dapat dipastikan dengan lebih baik daripada masa-masa yang lepas.

Tetapi dari segi penggunaan baja dan sebagainya saya fikir masaalah quality atau mutu tembakau ini bukan sahaja bergantung kepada baja walaupun baja itu barangkali sesuai untuk tanaman tembakau, tetapi ada faktor-faktor lain yang harus dipastikan seperti tanah yang ditanam, iklim dan sebagainya, samada lebih hujan atau kurang atau panas dan sebagainya. Ini akan menentukan apakah mutu tembakau yang akan dikeluarkan oleh seseorang penanam itu. Dari segi peruntukan \$20,000 sahaja yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun untuk penyelidikan, saya menyatakan bahawa peruntukan ini harus dicampurkan dengan peruntukan \$50,000 iaitu peruntukan bagi Pusat Penerangan, oleh sebab hasil daripada penyelidikan ini akan dapat disebarkan kepada penanam-penanam tembakau dengan penerangan dan penerangan ini ialah berasaskan kepada pusat-pusat yang saya cadangkan didirikan di Kuala Trengganu sendiri. Jadi, masaalah ini saya harap pada masa-masa yang akan datang sekiranya didapati perlu akan kita minta tambahan daripada Dewan yang mulia ini.

Perkara yang keempat yang telah dibangkitkan yang saya suka sebutkan di sini ialah perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar dan Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak berhubung dengan tanaman semula getah. Soal tanam semula getah ini saya memanglah bersetuju yang menjadi rumit kepada mereka yang tidak ada geran, tetapi kita tidak dapat mengelakkan masaalah ini oleh sebab geran ialah satu sistem tanda menunjukkan yang seseorang itu benar-benar mempunyai tanah. Tetapi kita telah juga dapat memastikan bahawa di mana-mana kita dapat menentukan seseorang itu benar-benar sudah memiliki tanah itu belum dapat geran lagi daripada Kerajaan-kerajaan Negeri, pihak RISDA sedia membantu mencari wang ataupun meminjamkan wang kepada penanam-penanam pekebun-pekebun kecil ini setelah kita berbincang dengan Bank Pertanian. Satu sistem yang dikenalkan sebagai sistem "Breath Financing" akan dilaksanakan oleh pihak RISDA di mana pinjaman-pinjaman akan diberikan kepada pekebun-kecil yang ada geran tetapi tidak dapat geran itu kerana

dia tidak ada duit hendak membayar premium dan sebagainya. Walau bagaimanapun, duit itu akan ditolak daripada geran yang diberikan kepada mereka itu. Di dalam hal ini saya suka lah menyebutkan masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak iaitu permintaannya supaya peruntukan ini dinaikkan. Saya suka lah menyatakan bahawa tidak dapat dilayani oleh sebab baharu sahaja peruntukan ini dinaikkan kepada \$900 dalam setahun yang lepas. Asas permintaan ini ialah mengatakan bahawa kos pengeluaran semakin lama semakin tinggi, tetapi saya suka lah menasihatkan kepada pekebun-pekebun kecil bahawa satu daripada cara hendak mengekonomikan atau mencermatkan perbelanjaan mengikut wang yang diberikan sebagai geran kepada pekebun-pekebun kecil ini dengan cara menanam semula berkelompok seperti Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak sendiri menyebutkan di dalam ucapannya tadi.

Saya tertarik kepada perhatian yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak yang mengatakan ada kalanya benih-benih atau pokok yang diberi untuk tanaman semula itu tidak ada mata, jadi kena tanam dengan ranting sahaja. Saya suka menyatakan ini tidak harus berlaku. Kalau sekiranya berlaku saya harap Ahli Yang Berhormat atau pekebun-pekebun kecil akan dapat terus berhubung dengan pihak RISDA oleh sebab apa juga tanaman dan bahan tanaman yang diberikan kepada pekebun-pekebun kecil ini harus mengikut peraturan-peraturan yang tertentu, kadangkala barangkali benih itu kering dan sebagainya disebabkan oleh jauh perjalanan ataupun simpanan yang jauh dan sebagainya. Walau bagaimanapun, seperti saya katakan tadi tidak harus berlaku, kalau berlaku haruslah dibawa ke pengetahuan pihak RISDA dan kalau perlu dibawa ke pengetahuan saya sendiri untuk disiasat oleh sebab ada kemungkinan terjadi di kalangan pekebun-pekebun kecil yang tidak mengetahui atas hak-hak mereka sendiri.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya suka menyebut soal menjual getah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar, sebenarnya, saya tidak berapa faham oleh sebab setahu saya seseorang itu yang ada getah kalau hendak jual boleh dijual, samada soal ini ada hubungan dengan plesenan mendapat getah, itu adalah soalan lain yang ada peraturan-peraturan yang tertentu kalau seseorang itu hendak menjual

getah sebagai dealer, tetapi kalau seseorang itu hendak menjual getah dengan ada kebun getah mestilah menunjukkan bahawa dia benar-benar ada kebun getah dengan geran yang tertentu.

Sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi saya ucapkan ribuan terima kasih.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$37,581,830 untuk Kepala P. 19 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1976.

Kepala P. 20—

4.12 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Pengerusi, saya bangun mengusulkan supaya peruntukan tambahan sebanyak \$7,278,990 di bawah Kepala Pembangunan 20, Anggaran Pembangunan 1976 bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk Pecahan-kepala 2—Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia, Pecahan-kepala 3—Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan, Pecahan-kepala 5—Syarikat Batik dan Perusahaan Tangan Malaysia Berhad dan untuk Pecahan-kepala 6—Lim-bungan Kapal dan Kejuruteraan Malaysia Sendirian Bhd.

Pecahan-kepala 2—Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia

Pada tahun 1976 Anggaran tambahan pembangunan Perbadanan Kemajuan Pelancungan adalah sebanyak \$49,400 yang diutukkan secara langsung dan sebanyak \$6,488,990 sebagai pinjaman. Peruntukan sebanyak \$49,400 itu adalah dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan bagi kerja-kerja tambahan di Kompleks Bukit Nanas yang telahpun bermula dalam tahun 1975. Kerja-kerja tambahan yang dimaksudkan itu termasuklah:

- (i) membina dua buah cafeteria, satu di stesyen kereta kebel Jalan Raja Chulan dan satu lagi di stesyen kerusi angkut, Jalan Ampang;
- (ii) membina sebuah bilik setor/bengkel di sebelah Jalan Raja Chulan;
- (iii) membuat bumbong-bumbong untuk pelawat dan pekerja di sebelah atas bukit dan di sebelah Jalan Ampang;
- (iv) membina tangga-tangga ke pusat Kraft tangan.

Memandangkan bahawa kerja-kerja tersebut telah tidak dapat disiapkan dalam tahun 1975 maka perlulah peruntukan yang dipohon itu ditundakan ke tahun 1976 untuk digunakan bagi menyiapkan kerja-kerja yang sedang berjalan itu. Jumlah kos bagi kerja-kerja tambahan ini ialah sebanyak \$99,400 dan sebanyak \$50,000 telah dijelaskan bayarannya dalam tahun 1975. Jumlah sebanyak \$49,400 adalah diperlukan untuk membiayai baki kerja-kerja yang masih belum siap lagi itu.

Peruntukan sebanyak \$6,488,990 yang akan diberikan kepada Perbadanan Kemajuan Pelancungan secara pinjaman adalah merupakan wang yang diperlukan untuk pembangunan projek-projek pelancungan di negara ini. Perbadanan akan menggunakan peruntukan ini sebagai tabung pusingan untuk melaksanakan projek-projek yang "viable". Ini adalah satu daripada rancangan Perbadanan ini untuk membantu dan mempercepatkan proses-proses Kerajaan dapat tercapai penyertaan Bumiputra dalam industri pelancungan sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Pada dasarnya Perbadanan Kemajuan Pelancungan akan menggunakan wang ini bagi projek-projek pelancungan di kawasan kawasan yang kurang maju atau bagi projek-projek di mana pihak swasta enggan mengambil peranan yang utama ataupun bagi projek-projek yang harus dikendalikan oleh agensi Kerajaan.

Di antara projek-projek yang sedang dirancang untuk dimajukan adalah seperti berikut:

- (i) Komplek pelancungan di Rantau Abang dan di Tanjung Jara;
- (ii) Penambahan bilik Motel Desa di Trengganu;
- (iii) Sebuah Hotel di Johor Bahru (secara usahasama dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Johor);
- (iv) Sebuah Hotel di Melaka (secara usahasama dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka);
- (v) Kedai Bebas Cukai di Pulau Pinang.

Modal pelaburan ini adalah sebahagian dari modal yang diperlukan. Tambahan kepada modal terpaksa melalui sumber-sumber pinjaman.

Pecahan-kepala 3—Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian berpendapat bahawa sebuah Pusat Pembangunan Logam (Metal Industries Development Centre) adalah diperlukan untuk tujuan meninggikan teknologi dan kecakapan pengurusan dalam perusahaan Foundry (tools making) dan (metal working) serta lain-lain Enterprise yang berkaitan dari segi rekabentuk (design), pengeluaran (production) dan penggunaan (application) berbagai jenis (casting, dyes, moulds, tools, jigs, fixtures) dan pengeluaran kemudahan-kemudahan yang ujud. Perusahaan Foundry (tools making) dan (metal making) merupakan perusahaan terpenting bagi pembangunan perindustrian. Langkah-langkah meninggikan serta memajukan teknologi dan amalan perusahaan bagi sektor tersebut akan dapat mengukuhkan atas perindustrian negeri ini. Pusat ini apabila siap kelak, akan dapat memainkan peranan yang penting dalam mengujudkan keadaan yang baik bagi perkembangan perindustrian di Malaysia melalui permodenan teknik dan kelahiran tenaga kerja yang mahir. Khidmat nasihat dan latihan yang akan dikendalikan oleh Pusat ini akan juga dapat membantu pencapaian objektif Kerajaan memperluaskan penyertaan Bumiputra dalam bidang perindustrian.

Projek ini melibatkan anggaran Perbelanjaan sebanyak \$8.3 juta. Sumbangan Kerajaan Malaysia adalah sebanyak \$5 juta sementara U.N.D.P. memberi sumbangan sebanyak \$2.7 juta. Oleh kerana hanya peruntukan sebanyak \$10 sahaja diuntukkan di dalam Anggaran Pembangunan Sementara 1976 bagi projek ini peruntukan tambahan sebanyak \$640,590 yang dikehendaki ini adalah digunakan seperti berikut:

Personnel	...	...	...	\$ 15,000
Tanah	...	...	...	200,000
Memajukan Tanah	...	...	...	248,100
Consultants' Fee	...	...	...	127,500
Lain-lain	...	...	...	50,000
				\$640,600

Pecahan-kepala 5—Syarikat Batik dan Perusahaan Tangan Malaysia Berhad—\$100,000

Pinjaman \$100,000 ini telah diberikan kepada Malaysia Batik dan Perusahaan Tangan Berhad (M.B.H.B.) untuk menambah modal pusingan Syarikat Pekerja Tangan Pantai Timur Sendirian Berhad (East Coast Handicraft Sdn. Bhd.) yang merupakan anak syarikat M.B.H.B. Syarat-syarat yang dikenakan ke atas pinjaman ini adalah seperti berikut:

- (i) Tempoh Pinjaman ... 5 tahun.
- (ii) Faedah ... 7% setahun.
- (iii) Tempoh Kelepasan ... 1 tahun dengan faedah dipokokkan.
- (iv) Pembayaran Balik ... 4 Annuiti.

Terdahulu dari ini pinjaman sebanyak \$400,000 telah juga diberikan kepada M.B.H.B. pada tahun 1973 untuk menubuhkan Syarikat Pekerja Tangan Pantai Timur Sendirian Berhad ini. Syarat-syarat yang dikenakan ke atas pinjaman ini adalah:

- (i) Tempoh Pinjaman ... 7 tahun
- (ii) Faedah ... 6% setahun
- (iii) Pembayaran balik ... 5 Annuiti

Untuk makluman, syarikat ini membuat dan mengeluarkan pakaian (knit-wear). Wang pinjaman sebanyak \$100,000 ini telahpun dikeluarkan pada 31hb Mac, 1976 lalu melalui simpanan luar jangka.

Pecahan-kepala 6—Limbungan Kapal dan Kejuruteraan Malaysia Sdn. Bhd.

Kerajaan sekarang memiliki sebanyak \$10.2 juta atau 51% daripada modal dibayar M.S.C. yang kini berjumlah \$20 juta atas nama Ministry of Finance (Incorporated). Baru-baru ini M.S.C. telahpun menyatakan bahawa modal dibayar syarikat tersebut akan ditambah sebanyak \$10 juta lagi menjadikan \$30 juta semuanya. Tambahan modal ini dijangka akan dibuat pada penghujung tahun 1976 dan pada tahun 1977. Untuk mengekalkan peratus pemegangan saham syarikat tersebut Kerajaan perlu tambah pelaburan sebanyak \$5.1 juta ialah 51% daripada \$10 juta apabila dikehendaki nanti. Adalah dijangka separuh daripada tambahan modal ini akan diperlukan pada penghujung tahun 1976 dan selainnya dalam tahun 1977. Oleh yang demikian, supaya wang itu boleh dikeluarkan apabila dipohon

peruntukan tanda sebaik \$10 sahaja diperuntukan di dalam Anggaran Pembangunan 1976 bagi projek ini.

Kelulusan Parlimen adalah dipohon untuk wang tambahan sebanyak \$7,278,990 sebagai peruntukan tambahan untuk tujuan-tujuan tersebut di atas dan meminda jumlah peruntukan di bawah Anggaran Pembangunan 1976 daripada \$16,834,609 di bawah Kepala P. 20 kepada \$24,113,599.

4.18 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Pengerusi, saya suka menyokong segala permohonan yang dikemukakan ini dan saya sendiri sebab saya dari Pulau Pinang tertarik tentang perbelanjaan yang akan dibelanjakan untuk mengadakan Perbadanan Kemajuan Pelancungan menjual barang-barang tanpa cukai untuk pelancung dan sebagainya. Sambil menyokong pada dasarnya ini, saya suka juga membuat sedikit teguran iaitu di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ada terdiri satu Badan yang dinamakan Majlis Kebangsaan Pelindung Penggunaan-pengguna, yang pada anggapan saya ialah satu Badan yang paling mustahak pada masa dua, tiga tahun dahulu bila harga-harga barang-barang melambung dan bila ada kekurangan barang-barang yang ada orang menyorok dan sebagainya.

Pada hemat saya dalam tempoh lima tahun yang pertama ini di bawah Rancangan Malaysia Ketiga kita akan belanja tidak kurang daripada \$18 billion. Tidak dapat tidak dengan perbelanjaan yang begitu besar ada anasir-anasir dan pihak-pihak yang akan memperolehkan peluang untuk barangkali menaikkan harga mengadakan spekulasi dan membuat bermacam-macam perkara yang mungkin mendatangkan kenaikan harga dan kekurangan barang dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap di bawah Pecahan-kepala mana?

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Perkara 20, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Pecahan-kepala berapa?

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Kepala P. 20 jadi saya

Tuan Pengerusi: Sabar, sabar! Kita ini dalam Jawatankuasa, jadi di bawah butir-butir yang mana, di bawah Pecahan-kepala mana yang diucapkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: P. 20 kerana tidak ada termasuknya satu perkara antara P. 20 ini.

Tuan Pengerusi: Tidak bolehlah, itu boleh dicakapkan dalam masa diuntukkan dalam dasar am. Sekarang dalam Jawatankuasa, maka hendaklah dicakapkan apa yang disebutkan dalam ini, dan apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sahaja.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Kalau begitu saya minta maaf, sebenarnya saya hendak cadang begini. Sepatutnya di bawah Pecahan-kepala 8 ada berbagai-bagai Pecahan-kepala yang mana sepatutnya

Tuan Pengerusi: Mana ada Pecahan-kepala 8 di sini.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Akan tetapi oleh sebab waktu sekarang ini tanggungjawab atas perkara perlindungan pengguna itu ditanggungkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, saya terpaksa bangkitkan perkara ini di bawah perkara P. 20 ini.

Tuan Pengerusi: Tetapi tidak boleh, tidak boleh, tidak dibenarkan. Itu boleh dicakapkan dalam satu hari dahulu bila bincangkan dasar am. Ini sekarang dalam Jawatankuasa hendaklah apa yang ada Pecahan-kepala 1 sampai 6 sahaja. Itupun 1 sampai 6 yang apa diminta tadi sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Kalau begitu saya cuma dapat mencatatkan kesalahan saya yang tidak ada termasuk dalam ini; satu perkara yang patut membangkitkan atau mengaitkan berkenaan dengan melindungi pengguna-pengguna dalam suasana di mana harga tetap melambung. Setakat ini barangkali untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan dan mengenai perkara lain di bawah Kepala lain tidak menjadi soal.

4.21 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, dan di samping itu saya suka menyentuh Pecahan-kepala 2 dan 3.

Di bawah Pecahan-kepala 2 ini iaitu Perbadanan Kemajuan Pelancungan. Sebagai seorang wakil rakyat yang datang dari Kuala Selangor di mana juga diadakan satu kompleks pelancungan, maka saya suka membawa perhatian Kementerian Perdagangan dan Perindustrian kepada perkara-perkara yang tidak dikawal oleh Kementerian iaitu membiarkan syarikat-syarikat pelancungan daripada luar negeri yang mempunyai foreign base di luar negeri membuka cawangan-cawangan di Malaysia. Saya harap perkara ini dapat dikawal supaya syarikat-syarikat pelancungan tempatan mempunyai masa hadapan yang lebih lumayan kerana syarikat-syarikat pelancungan luar negeri ini dengan sokongan parent company yang begitu besar di luar negeri, senang sahaja menentang dan menghapuskan aktiviti-aktiviti syarikat-syarikat pelancungan tempatan. Untuk memperbaiki perkara ini saya harap dapat Kementerian yang berkenaan mengarahkan pendaftaran perniagaan ataupun pendaftaran syarikat-syarikat supaya jangan membenarkan pendaftaran syarikat-syarikat, yang saya maksudkan itu menubuhkan cawangannya di negara kita. Kalau tidak hendaklah didaftarkan dengan mereka berkongsi (joint venture) dengan orang-orang tempatan.

Pecahan-kepala 3, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh berkenaan dengan F.I.D.A. Saya alu-alukan aktiviti F.I.D.A. terutamanya untuk menggalakkan usahawan bumiputra yang memang kurang menceburkan diri di dalam bidang ini. Tetapi apa yang saya saksikan pada masa ini aktiviti-aktiviti F.I.D.A. untuk menubuhkan bangunan-bangunan industrinya tertumpu kepada pekan-pekan yang besar sahaja yang mana memang telah ada infrastructure yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri dan sebagainya. Mereka ini tidak hendak pergi keluar bandar. Saya berpendapat bahawa cara ini adalah bertentangan dengan dasar Kerajaan untuk merestrukturkan masyarakat kerana di luar bandar sana ada banyak kawasan-kawasan yang boleh digunakan

sebagai kawasan industri. Misalnya, sekali lagi saya bawa perhatian beliau kepada Kuala Selangor iaitu satu kawasan yang memang tidak kurang bahan-bahan agriculture ataupun bahan-bahan bercucuk tanam yang boleh digunakan di dalam industri yang memerlukan bahan-bahan mentah seperti kelapa, padi untuk didirikan industrinya di situ. Dengan cara ini bukan sahaja dasar Kerajaan untuk merestrukturkan society berjaya, tetapi boleh membawa perusahaan itu sebagaimana dicita-citakan oleh Kerajaan keluar bandar.

Lagi satu saya suka bawa perhatian Kementerian ialah berkenaan dengan F.I.D.A., F.I.D.A. hendaklah menentukan projek-projek yang viable untuk bumiputra supaya bumiputra boleh mencari sendiri siapakah patut mereka mempelawa untuk berkongsi dengan mereka. Usahawan bumiputra memang diakui kurang pengetahuan dan kurang mempunyai kontek, tetapi dengan adanya F.I.D.A. dapat menentukan projek-projek yang viable dan bekerjasama rapat di antara F.I.D.A. dengan Kementerian yang berkenaan dan juga Bank Pembangunan maka dapatlah peluang bagi usahawan bumiputra menyertai projek-projek yang viable.

Sekianlah sahaja teguran saya, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, selepas itu saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.26 ptg.

Tuan Lim Cho Hock (Ipoh): Tuan Pengerusi, ada dua perkara sahaja yang saya hendak cakap, iaitu Pecahan-kepala 2—Perbadanan Kemajuan Pelancungan.

Tuan Pengerusi, kadang-kadang ada tourist pergi ke kedai-kedai membeli barang-barang dengan cek, tetapi cek itu kadang-kadang bounced tidak mempunyai wang di bank. Tetapi businessmen itu tidak mendapat nama drawer dan alamatnya, keadaan yang demikian menyebabkan businessmen itu sudah kena tipu dan tidak boleh mendapat balik wang itu. Saya difahamkan sekiranya dia terkena tipu, apabila dia membuat satu report kepada polis, polis menjawab ini kes sivil sahaja, apa boleh buat tidak boleh tangkap drawer itu. Sekira businessmen itu meminta pihak bank menyiasat siapakah

drawer itu, pihak bank menyatakan itu adalah perkara confidential—tidak boleh beri nama dan alamat. Dengan sebab itulah kadang-kadang businessmen kena tipu dan ini menyebabkan imej kita tidak berapa baik.

Saya berharap Bank Negara atau Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bolehlah buat satu arahan kepada semua bank, semua cek hendaklah diberi nama dan alamat, kalau cek itu sudah bounced atau tidak diterima businessmen yang mendapat cek itu dapat tahu orangnya dan issue summon kepada dia. Perkara ini menyenangkan polis untuk mendapatkan nama dan alamatnya dengan senang dan boleh cari orang itu.

Perkara yang kedua, di stock exchange pada hari ini lebih kurang 10 atau 15 buah syarikat public sudah suspended kerana banyak directors yang bermain-main di dalam syarikat itu, dan banyak syarikat sekarang tidak boleh menjalankan lagi perusahaannya. Perkara seperti ini akan menjadi bankrupt disebabkan directors cuai dalam menjalankan syarikat-syarikat public. Saya harap

Tuan Pengerusi: Pecahan-kepala 2 ini berkenaan dengan Perbadanan Kemajuan Pelancungan.

Tuan Lim Cho Hock: Saya tahu.

Tuan Pengerusi: Kalau sudah tahu mengapa bercakap?

Tuan Lim Cho Hock: Saya bercakap berkenaan dengan dasar.

Tuan Pengerusi: Ucapan dasar sudah tidak ada lagi.

Tuan Lim Cho Hock: Tidak boleh bercakap lagi?

Tuan Pengerusi: Tidak boleh.

Tuan Lim Cho Hock: Kalau begitu, tidak mengapalah.

Tuan Pengerusi: Baik.

4.29 ptg.

Datuk Mohamad bin Rahmat: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas,

Kuala Selangor dan Ipoh, yang telah memberikan pandangannya mengenai peruntukan yang dipohon oleh Kementerian ini.

Mengenai masalaah kepentingan para pengguna minta dilindungi dalam masalaah kenaikan harga, perkara ini memang telahpun diambil tindakan oleh Kerajaan dengan terbentuknya Majlis Pelindung Pengguna-pengguna dan pendek kata masalaah ini selalu ada di dalam tindakan Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah menyebutkan bahawa banyak syarikat pelancungan asing menubuhkan cawangannya di Malaysia ini dan ini boleh jadi telah menyebabkan syarikat pelancungan tempatan terancam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekarang ini kita dapati bahawa agensi pengembaraan dan pelancungan di negara kita ini telah meningkat daripada setahun ke setahun dan memang perlulah kepentingan mereka ini dijaga pada setiap masa oleh kerana agensi pelancungan ini bukan sahaja menjalankan perniagaan pelancungan dan memperbaiki lagi mutu pelancungan yang ada di negara kita ini lebih-lebih lagi agensi-agensi yang ada ini telah dapat mewujudkan jumlah pekerjaan yang agak banyak, sejak tahun 1970 terdapat 5,200 orang yang terlibat di dalam pekerjaan agensi pelancungan dan pada akhir 1974 telah meningkat kepada 28,000 orang. Jadi dari segi pekerjaan wujudnya agensi pelancungan ini adalah penting dan saya setuju bahawa kepentingan agensi tempatan ini perlu dijaga dan atas cadangan beliau supaya syarikat pelancungan asing tidak dibenarkan membuka cawangannya di sini, saya fikir perkara ini perlu kita kaji dahulu dan memang ini molekul kalau sekiranya mereka itu hendak membuka cawangan di sini hendaklah mereka menjadikan sebagai perkara itu sejauh mana perkara itu dapat dibetulkan.

Mengenai FIDA adalah tidak benar bahawa FIDA tidak menggalakkan penubuhan perindustrian di luar bandar kerana tugas FIDA ialah menerima permohonan dan meluluskan permohonan dan masalaah meletakkan industri yang ada itu adalah diserahkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan diserahkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membuka seberapa banyak kawasan industri terutama di luar bandar. Sedangkan bagi pihak Kerajaan sendiri untuk menggalakkan penempatan industri di luar bandar

telahpun diadakan local incentive dari segi kedudukan tempat bagi industri di luar bandar itu dan kita harapkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketiga nanti di mana dalam Rancangan itu sebanyak 9,000 ekar kawasan industri baru akan dapat dibina dalam jangka masa rancangan itu bahawa masalaah membanyakkan kawasan industri di luar bandar akan dapat diatasi.

Masalaah FIDA hendak membantu bumiputra dari segi menjalankan projek-projek yang viable, perkara itu memang telah ada dalam tindakan FIDA sendiri dan suka saya maklumkan bahawa FIDA akan terus membantu dan mencari jalan bagi menentukan perusahaan yang sesuai bagi penyertaan bumiputra akan dapat diadakan daripada semasa ke semasa. Selain daripada itu, kita harapkan juga bahawa FIDA akan dapat menyusun satu senarai daripada pelabur-pelabur bumiputra yang berkemampuan untuk menjalankan usahasama dengan pihak asing di dalam projek-projek yang viable.

Tuan Pengerusi, mengenai masalaah daripada Ahli Yang Berhormat dari Menglembu, masalaah itu saya akui memang ada tetapi dari segi gejalanya, apa yang saya dapati tidaklah sebegitu buruk tetapi namun demikian kita harap perkara serupa itu dapat dikawal daripada semasa ke semasa dan kita harap juga bahawa pihak peniaga akan lebih berhati-hati di dalam mereka itu menghadapi pelanggan-pelanggan mereka.

Tuan Pengerusi, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas pandangan-pandangan yang telah diberikan.

Masalaah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$7,278,990 untuk Kepala P. 20 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1976.

Kepala P. 21 dan P. 55—

4.36 ptg.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan supaya Anggaran Belanjawan Pembangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di bawah Kepala P. 21 sebanyak \$942,010 dan Anggaran Belanjawan Pembangunan Muzium Negara di bawah Kepala P. 55

sebanyak \$990,000 bagi tahun 1976 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Dalam peruntukan pembangunan sebanyak yang diminta itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam tahun 1976 ini akan berusaha untuk mengadakan kemudahan latihan dan kemudahan kegiatan kebudayaan, belia dan sukan di seluruh negara. Di samping itu dengan anggaran yang diluluskan untuk Jabatan Muzium Negara maka dalam tahun 1976 Muzium Negara akan meneruskan kerja pemuliharaan dan pemeliharaan monumen dan kawasan bersejarah untuk menjalankan penyelidikan kaji purba di seluruh Malaysia.

Tuan Pengerusi, jumlah semua yang dipinda ialah sebanyak \$1,492,010. Dengan itu Tuan Pengerusi, saya sekali lagi mohon supaya Anggaran Pembangunan di bawah Kepala Pembangunan 21 dan 55 untuk tahun 1976 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

4.38 *ptg.*

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan di samping itu, saya suka menyampaikan perasaan saya bahawa dengan kita memandangkan bahawa aktiviti belia ini adalah satu perkara yang penting bagi negara kita, peruntukan yang dikemukakan oleh Kementerian tersebut sangatlah kecil dibandingkan dengan kepentingan Kementerian tersebut. Dengan sebab itu, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Pecahan-kepala 7, 8 dan 11. Saya suka mulakan dengan Pecahan-kepala 7 dan 11 iaitu Memperbaiki Stadium Merdeka dan juga jumlah token hanya \$10 untuk Institusi Sukan.

Kedua-kedua Pecahan-kepala 7 dan 11 adalah kerana kepentingan untuk memperbaiki pusat-pusat di mana belia kita boleh mencampuri dengan lebih aktif dan meluaskan aktiviti-aktiviti sukan.

Saya percaya bahawa jumlah token \$10 ini akan dapat diluluskan seberapa banyak yang dikehendaki oleh Kementerian apabila Kementerian memerlukannya di masa dikehendakinya oleh Kementerian. Tetapi apa yang saya suka membawa pandangan Kementerian ialah berkenaan dengan keadaan kebanyakan daripada belia-belia kita iaitu

orang-orang Malaysia yang badan (physically) kecil jika dibanding dengan orang-orang di sebelah Barat ataupun Timur Tengah, maka eloklah Kementerian dan pegawai-pegawai yang berkenaan yang bertanggungjawab yang melatih belia-belia kita ini di segi sukan menumpukan kepada sukan-sukan di mana belia kita boleh dan berpeluang untuk mencapai kemenangan. Misalnya, di mana curak sukan itu ada classificationnya. Misalnya, boxing ada classificationnya daripada heavyweight, lightweight ke featherweight. Jadi, kalau pemuda Malaysia masuk bertanding ke dalam sukan ini peluang kita untuk mencapai kemenangan memang cerah, kerana kalau kecil biar sama kecil kita boxing. Tetapi kalau kita masuk pertandingan football di mana classificationnya tidak ada, macam manakah kita hendak bertanding dengan orang-orang Eropah yang tingginya hingga 6' 6" walhal kita hanya 5' 2" hingga 5' 3" sahaja. Jadi elok kita tumpukan bidang ini supaya wang yang kita curahkan, walaupun kita hantarkan pasukan-pasukan kita ke negeri-negeri luar, boleh pemuda kita membawa kemenangan dan mengharumkan nama negeri kita.

Lagi satu perkara ialah saya suka Kementerian ini dapat membelanjakan wang dan minta seberapa boleh kepada pihak Kerajaan pada masa-masa yang dikehendaki bagi tujuan menghantar belia-belia kita keluar negeri. Bukan sahaja untuk meninjau keadaan sukan dan cara-cara mereka bermain tetapi juga pada segi kebudayaan dan sebagainya. Dengan cara itu belia-belia ini dapat meluaskan pengalaman dan di samping itu mengetahui keadaan negara lain dibandingkan dengan keadaan dan suasana negara kita dan kita dapat membentuk satu belia yang berdisiplin dan belia yang boleh membandingkan keadaan negara kita dengan negara lain.

4.43 *ptg.*

Tuan Oh Keng Seng (Petaling): Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh dalam Pecahan-kepala 4—Pusat Latihan Belia, Dusun Tua, Selangor di mana peruntukan sebanyak \$1 juta diberi bagi tahun 1976.

Tuan Pengerusi, saya suka tanya Menteri, dalam Pusat Latihan Belia ini adakah Kerajaan bercadang menyerap (absorb) semua kaum dalam latihan ini. Pada pendapat saya keadaan di Pusat Latihan ini sekarang

untuk semua kaum tidak memuaskan. Saya suka mencadangkan Kerajaan patutlah menyerap belia-belia dari kampung-kampung baru dan juga estet-estet untuk latihan di Pusat itu.

Tuan Pengerusi, lagi satu perkara ialah Kementerian Belia dan Sukan, tidak ambil perhatian dalam sukan-sukan seperti table-tennis, volley-ball, basket-ball, gymnastic dan swimming. Sukan-sukan ini telah diabaikan oleh Kementerian. Kementerian baharu ambil perhatian sedikit sahaja bahagian sukan seperti badminton dan juga hockey. Saya suka mencadangkan kepada Kementerian bahawa semua sukan adalah penting dalam negara kita dan patutlah beri bantuan sama kepada semua bahagian sukan.

Tuan Pengerusi, negara kita sangat terbelakang dalam sukan dunia. Hingga hari ini Malaysia belum dapat satu pingat gangsa pun di dalam Sukan Olympic, 1976. Semua 41 buah negara dalam Medall tally nampaknya Malaysia satu medal pun belum dapat. Saya haraplah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ambil perhatian yang berat dalam perkara ini. Sungguhpun sukan adalah penting kepada individual dari segi badan, ingatan dan disiplin tetapi sebagai sebuah negara, kita pun mahukan kejayaan dalam sukan dunia. Terima kasih.

4.46 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Pari): Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh Pecahan-kepala 1 muka surat 88 berkenaan dengan Muzium.

Segala barang-barang yang bersejarah hendaklah disimpan dan dijaga dengan rapi oleh pihak Muzium. Apa yang menarik perhatian saya ialah kepala keretapi dan sebuah kapalterbang yang ada di Muzium Negara pada masa ini. Kepala Keretapi yang ada di belakang Muzium dan kapalterbang yang ada di sebelah hadapan Muzium Negara terdedah pada hujan dan panas, sepatutnya pihak Muzium sudah membina sebuah bangunan khas untuk kepala keretapi dan sebuah bangunan khas untuk kapalterbang. Kalau dibiarkan begitu sahaja sepertimana yang ada sekarang ini, besar kemungkinan barang-barang yang bersejarah ini akan hapus tidak berapa lama lagi. Kalau benar-benar pihak Muzium hendak menjaga barang-barang ini pihak Muzium hendaklah

secepat mungkin mendirikan dua buah bangunan untuk kedua-dua barang yang saya katakan tadi.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

4.48 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Pecahan-kepala 11 dan 12 di samping saya menyokong tambahan peruntukan bagi Kementerian ini.

Perkara 11, saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri berkenaan sungguhpun cuma ada token \$10 sahaja tetapi saya berharap mudah-mudahan Kementerian ini boleh berjaya dan akan dapat pertimbangan daripada pihak Kerajaan untuk membina institusi sukan yang sudah sampai masanya bagi negara kita memerlukan institusi seperti itu. Kalau tidak maka mutu ataupun taraf sukan negara kita masih dalam keadaannya seperti yang ada hari ini, tidak begitu menggalakkan. Mudah-mudahan dengan adanya institusi sukan yang akan dibina itu kelak akan memberikan banyak facilities bagi ahli-ahli sukan dan belia-belia kita mengambil peranan dan boleh mewakili dan memberikan nama baik kepada negara dalam bidang sukan.

Perkara yang kedua ialah Pecahan-kepala 12—Projek Belia Peladang. Saya mendesak Kementerian terutamanya Yang Berhormat Menteri supaya dapat menukar-corakkan keadaan projek belia peladang yang ada pada hari ini yang hanya merupakan sebagai experimental project sahaja iaitu cara kerja berkelompok untuk belia-belia mengerjakan atau mengusahakan perusahaan pertanian dan lain-lainnya. Dalam keadaan desakan bahawa belia-belia tidak ada tempat duduk, tidak ada tapak rumah dan sebagainya, maka saya mengesyorkan supaya Kementerian ini akan berunding dan mencari kerjasama dengan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah supaya dapat memberikan keutamaan kepada mereka untuk mendapatkan tempat berkebun, berumah-tangga dan tidaklah kadar secara mengerjakan projek berkelompok, semata-mata kerana berlatih dan belajar bercucuk tanam.

4.51 *ptg.*

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan Pecahan-kepala 1, berkenaan dengan belia di dalam negara kita. Kementerian yang disebutkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, di peringkat Negeri dan daerah pun disebut Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri dan Daerah. Tetapi sehingga pada masa sekarang seorang sahaja yang diperuntukkan kepada peringkat daerah menjadi pegawai ke tiga-tiga jawatan Kebudayaan, Belia dan Sukan. Walaupun kawasan itu mempunyai satu kawasan yang luas yang saya sebut itu ialah daerah Larut/Matang sendiri yang mempunyai penduduknya hampir suku juta orang, tetapi Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan masih kekal seorang dan dialah yang mewakili pihak Kementerian, pihak Kerajaan supaya dapat memajukan kebudayaan, memajukan belia dan memajukan sukan di daerah tersebut.

Sehingga pada masa ini pada pandangan saya tidak tercapai hasil daripada apa yang diharapkan oleh Kerajaan, oleh negara dan oleh rakyat. Oleh itu, saya merayu lagi sekali dalam Dewan ini supaya khasnya di daerah Larut/Matang ini ditambah lagi sekurang-kurangnya seorang pegawai bagi membantu pegawai yang ada. Sebab yang saya katakan begini, sungguhpun ada kalangan-kalangan yang mengatakan masalah belia ini tidak menjadi masalah sangat oleh kerana belia ini kebanyakan ada di sekolah dan mereka itu dikawal oleh sekolah di bawah Kementerian Pelajaran tetapi kita jangan lupa yang menjadi masalah besar yang melibatkan nama negara sekarang ini mengatakan belia di dalam negara kita sekian-sekian peratus yang menjadi penagih dadah dan sebagainya yang paling ramai sekali terdiri daripada belia yang tidak bersekolah, belia sudah berhenti daripada sekolah, dan belia ini ada di mana-mana. Jika tidak ada sesiapa yang dapat memerhati dan mengawal belia-belia ini mereka akan berkeadaan begitu juga. Oleh sebab itu, saya merayu kepada pihak Kerajaan jika sekiranya kita mempunyai pegawai khasnya kita tumpukan kepada belia dan pegawai ini dapat memerhati, dapat mengkaji mengikut daerah masing-masing bagaimanakah penghidupan belia-belia yang tidak bersekolah, yang tidak bekerja ini, bagaimanakah cara hendak mendidik mereka, dapat perhatian daripada pihak Kerajaan supaya

dapat diselaraskan dengan kehendak-kehendak belia di tempat tersebut. Perkara ini pernah saya kemukakan dan ada pihak mengatakan tidak menjadi masalah kerana belia ini menjadi ahli-ahli persatuan. Tetapi, sebegitu ramai belia yang tidak bersekolah yang menjadi pengganggu khasnya di dalam bandar, di luar bandar tidak ramai yang menjadi ahli persatuan. Barangkali pada pendapat saya oleh kerana Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan ini seorang dan bertugas pada peringkat negeri dan daerah maka pegawai itu tidak cukup masa untuk mencari jalan bagaimana supaya belia-belia kita dapat menjadi ahli-ahli persatuan. Tetapi kalau pegawai ini ditambah ada kemungkinan pegawai ini juga bersama-sama dengan pihak ahli-ahli jawatankuasa belia di peringkat daerah dapat mencari jalan mengumpul belia ini dapat membantu masyarakat supaya keadaan belia yang ada di luar bandar, baik di dalam bandar yang pada masa ini kita dapati menyebabkan kerosakan moral dan sebagainya dapat diatasi dengan kerjasama oleh mana-mana pihakpun yang ada di peringkat daerah tersebut.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, dalam hal-hal lain, sungguhpun ada setengah-setengah tempat telah ada mencukupi tempat padang permainan dan sebagainya tetapi oleh kerana Pegawai Kebudayaan Belia dan Sukan yang saya katakan itu hanya seorang sahaja dia juga tidak dapat mencari jalan supaya memajukan sukan di peringkat daerah yang saya katakan tadi. Begitu juga oleh kerana dia tidak dapat menjalankan peranan yang baik bagi mencari kemajuan belia di daerahnya, kemajuan sukan dan begitulah dia tidak dapat mencari jalan bagaimana pula hendak memajukan di dalam kebudayaan. Jika sekiranya Kerajaan dapat mengambil perhatian berat bukan sahaja di dalam daerah Larut/Matang bahkan di mana-mana juga dapat menambahkan lagi pegawai-pegawai, saya percaya pada masa akan datang kedudukan kebudayaan khasnya belia di peringkat masing-masing dapat kita cari jalan diikhtiarkan supaya mereka ini menjadi kumpulan belia yang sihat dan dapat berada dalam masyarakat yang baik, khasnya pada masa akan datang.

4.56 *ptg.*

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan,

teguran dan juga nasihat serta cadangan-cadangan yang saya anggap sangat berguna dalam saya menjalankan tugas Kementerian ini. Semenjak saya ditugaskan di Kementerian ini memang saya merasai beberapa kekurangan yang terdapat dalam menjalankan usaha ini bagi memajukan kebudayaan, belia dan sukan dalam negeri kita ini. Saya juga diberitahu oleh Yang Berhormat Datuk Ali bin Haji Ahmad sebagai Menteri yang lalu bahawa peruntukan diberikan kepada Kementerian ini adalah terlalu kecil jika dibandingkan dengan kegiatan-kegiatan kebudayaan belia dan sukan yang sepatutnya direncanakan oleh Kementerian ini dalam menjalankan tugas dan memajukan lagi dalam bidang tersebut. Tetapi dalam keadaan kewangan yang amat terhad umpamanya memanglah agak sukar bagi Kementerian ini untuk menjalankan kewajipan dan tugas-tugas untuk mencapai kemajuan seperti yang diharapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dalam melatih belia-belie kita supaya maju dalam bidang sukan, ini ada satu masalah yang dapat oleh Kementerian ini kerana Kementerian ini tidak boleh secara langsung mencampuri akan rumahtangga persatuan-persatuan sukan yang ada di tanahair kita ini sebahagian daripadanya seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat wakil dari Petaling sebentar tadi. Kerana badan-badan sukan ini adalah berdiri sendiri dan mereka hanya meminta bantuan sahaja kepada Kementerian dan Kementerian sendiri tidak boleh mencampuri dalam soal memajukan sukan. Itu satu masalah saya rasa akan saya hadapi dan yang saya akan cuba atasi dengan badan-badan sukan dalam tanahair kita ini supaya kita dapat mencapai matlamat kemajuan juga akan dapat meninggi taraf dan nama baik negeri kita di luar negeri.

Memanglah tidak dapat dinafikan kelemahan-kelemahan kita dalam bidang sukan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor bahawa kita dalam bidang pertandingan Olimpik, Asian games malah SEAP games yang akan diadakan pada tahun depan persiapan-persiapan sedang direncanakan. Memang dalam pertandingan kita dengan orang-orang putih dan juga orang-orang kulit hitam di Afrika dan juga di Amerika itu memanglah sukar kita hendak lawan terutama dalam bidang athletic, tetapi dalam bidang-bidang yang lain seumpama pasukan bola kita walaupun

tahun ini kita tidak berjaya memasuki sukan Olimpik seperti tahun yang sudah, tetapi pasukan hoki kita walaupun dapat nombor 8, saya fikir juga telah termasuk dalam satu daftar pasukan hoki yang terkuat dalam dunia ini, tetapi dalam pada itupun kita harap dalam tahun-tahun yang akan datang ini dapat kita melatih pasukan kita ini supaya menjadi satu pasukan yang terkuat.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Parit mengenai pandangan berhubung dengan kepala keretapi dan juga kapal terbang di muzium yang terdedah itu. Saya merasakan ini patut memanglah untuk saya mengambil perhatian semoga pihak muzium dapat mencari jalan mengadakan sebuah rumah dan ini tidak dapat dinafikan dari kewangan juga. Jadi saya akan berunding dengan Pengarah Muzium Negara bagaimana masalah-masalah ini dapat diatasi.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang telah menyentuh mengenai institusi sukan dan projek belia peladang memanglah ini satu perkara yang akan dimajukan dengan seberapa boleh. Projek belia peladang ini satu perkara yang sangat penting untuk dilancarkan oleh belia-belie kita, kerana dari rancangan belia peladang ini telah dapat menghasilkan kira-kira 7,000 pekerjaan kepada belia-belie kita yang dahulunya penganggur dan pada Rancangan Malaysia Ketiga ini usaha-usaha ini akan dilipatgandakan lagi.

Berhubung dengan projek yang dikatakan projek kelompok (experiment) sahaja ini juga saya sedang berfikir dan sedang merancangkan satu cara yang lebih baik dan perundingan telahpun diadakan dan akan diadakan lagi dengan Kementerian Pertanian supaya dapat dikoordinasikan di antara projek-projek belia peladang ini dengan projek-projek persatuan peladang dan Lembaga Pertubuhan Peladang yang di bawah Kementerian Pertanian itu, malah Yang Berhormat Menteri Pertanian sendiri telahpun bersetuju supaya dapat dilantik satu Jawatankuasa yang mengkoordinasikan di antara dua Kementerian ini berhubung dengan projek yang tersebut.

Berkait dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Petaling juga mengenai latihan belia yang tidak mencorakkan pandangan perkauman dalam negeri ini, saya dapat tahu dan diberitahu bahawa memang

ada belia-belia daripada yang bukan Melayu dalam Pusat Latihan Belia di Dusun Tua ini tetapi jumlahnya memanglah agak kecil dan ini saya akan mengambil perhatian bagaimana caranya supaya soal ini dapat dibetulkan.

Berhubung dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Matang tentang kekurangan pegawai, ini memang amat dirasakan oleh Kementerian ini. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Larut dan Matang satu daerah yang besar yang penduduknya lebih kurang setengah juta orang mendapat seorang pegawai sahaja, memanglah ini tidak mencukupi, tetapi untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, ada daerah-daerah dalam Semenanjung Malaysia kita ini yang belum ada seorang pun pegawai iaitu dua daerah yang dipegang oleh seorang pegawai pun masih ada. Jadi memang sangat dirasakan dan ini juga mungkin salah satu sebab kenapa pasukan sukan kita tidak dapat dimajukan begitu juga projek-projek belia dan kebudayaan umumnya.

Berkait dengan belia-belia yang berhenti sekolah, ini adalah satu masalah yang amat besar yang dihadapi oleh negara kita, bukan sahaja sekarang malah pada tahun-tahun yang telah sudah dan hal seumpama ini akan lebih besar lagi masalahnya pada tahun-tahun yang akan datang. Saya juga sedang merancang bagaimana usaha dan cara-cara untuk menolong belia-belia yang baru berhenti sekolah ini dan kalau mungkin dapat diadakan latihan atau bimbingan dalam persekolahan seperti yang sekarang ini ada dijalankan di negeri Kedah. Saya nampak usaha-usaha itu adalah berjalan dengan baik dan kalau boleh negeri-negeri yang lain juga dapat mengadakan rancangan yang seumpama ini dan juga harapan saya kepada Ahli Yang Berhormat supaya dapat membuat satu syor atau cadangan-cadangan supaya dapat dihantar terus kepada saya bagaimana cara-cara, usaha-usaha kita untuk mengatasi masalah belia kita yang berhenti sekolah, masalah projek belia peladang, masalah sukan dan juga lain-lain yang ada berkait dengan Kementerian ini supaya dapat kita bincangkan bersama dan mencari jalan bagaimana usaha-usaha ini dapat kita majukan, lebih-lebih lagi pada masa akan datang. Di atas pandangan, cadangan dan syor Ahli-ahli Yang Berhormat semua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$942,010 untuk Kepala P. 21 dan \$550,000 untuk Kepala P. 55 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1976.

Kepala P. 22—

5.06 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Pengerusi, saya memohon mencadangkan supaya Anggaran Pembangunan Tambahan di bawah Kepala P. 22, Kementerian Pertahanan berjumlah \$244,612,980 diluluskan.

Semasa membentangkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Sementara Tahun 1976 berjumlah sebanyak \$125,611,040, Ahli-ahli Yang Berhormat telah dimaklumkan bahawa Anggaran Pembangunan Kementerian adalah digunakan bagi projek-projek pembinaan dan pembelian tanah dan juga pembelian kelengkapan yang dibiayai di bawah bantuan luar negeri. Pembelian kelengkapan yang menggunakan wang Kerajaan adalah disediakan di bawah Peruntukan Mengurus.

Peraturan ini telah diubah dan pembelian kelengkapan-kelengkapan yang besar untuk Angkatan Tentera seperti kenderaan kapal terbang, kapal Tentera Laut adalah dipindahkan di bawah Peruntukan Pembangunan. Jumlah yang dipindahkan adalah sebanyak \$214,999,980 dan Pecahan-pecahan-kepala di bawah Peruntukan Sementara ditambah sebanyak \$29,613,000. Dengan tambahan sebanyak \$244,612,980 maka jumlah Peruntukan Pembangunan Kementerian Pertahanan adalah dipinda kepada \$370,224,020 iaitu merupakan 23.9% dari jumlah yang diuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Ini adalah untuk memastikan supaya Angkatan Tentera diperbesarkan dan diperalatkan dengan segala kelengkapan yang perlu dengan seberapa segera bagi menghadapi ancaman yang kian bertambah. Dari jumlah di atas sebanyak \$150 juta adalah untuk pembinaan dan \$220 juta untuk pembelian kelengkapan.

Kementerian memberi perhatian yang berat kepada masalah perumahan Anggota-anggota Tentera. Sebanyak \$400 juta telah diperuntukkan bagi tempoh Rancangan

Malaysia Ketiga. Tambahan sebanyak \$26,843,000 adalah diminta bagi Pecahan-kepala 1, iaitu Perumahan Jentera-jentera pelaksanaan projek perumahan yang sebahagian besarnya diuruskan oleh Jabatan Kerajaan telah diperkemukakan untuk membolehkan perbelanjaan lebih kurang \$80 juta tiap-tiap tahun. Selain dari itu Kementerian juga berusaha mendapatkan kerjasama dari lain-lain Jabatan Kerajaan dan perbadanan seperti Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri, Dewan Bandaraya dan juga pihak swasta untuk membina atau membeli terus sebarang rancangan perumahan yang telah siap. Oleh kerana projek-projek perumahan Kementerian terdapat di merata negeri adalah diharapkan Kerajaan-kerajaan Negeri dapat memberi segala kerjasama terutama sekali dalam masaalah mendapatkan tapak bagi satu-satu projek. Kerjasama lain-lain agensi Kerajaan juga diperlukan untuk melaksanakan infrastructure mengikut jadual seperti bekalan api dan air supaya projek-projek Kementerian tidak tergendala.

Peruntukan bagi pembinaan Pengkalan Tentera Laut di Lumut juga perlu ditambah sebanyak \$2.73 juta untuk menjelaskan pembayaran yang diramalkan dalam tahun 1976.

Berkaitan dengan pembelian kelengkapan yang dipindahkan dari Peruntukan Mengurus, sebanyak \$66 juta diminta bagi pembelian berbagai kelengkapan tentera yang besar seperti kenderaan, meriam, senjata, peluru dan alat perhubungan. Kelengkapan-kelengkapan ini sangatlah diperlukan bagi penubuhan yunit-yunit baru dan pembesaran yunit-yunit yang sedia ada.

Tentera Udara Di Raja Malaysia memerlukan sebanyak \$70 juta bagi pembelian kapal terbang dan Helikopter dan \$4 juta untuk pembelian kelengkapan-kelengkapan yang berkaitan. Dengan tambahan pembelian helikopter pihak Tentera Udara akan dapat memberi bantuan yang lebih sempurna dalam operasi-operasi Tentera Darat.

Tentera Laut Di Raja Malaysia pula memerlukan \$70 juta untuk pembelian kapal-kapal dan \$5 juta untuk kelengkapan. Ini akan membolehkan pihak Tentera Laut mengawal kawasan perairan negara serta memberi perlindungan kepada kegiatan-kegiatan ekonomi terutama memberi perlindungan kepada nelayan-nelayan dan mengawal aktiviti pengeluaran minyak di perairan Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya memohon izin supaya Anggaran Pembangunan Kementerian Pertahanan di bawah Kepala P. 22 berjumlah \$370,224,020 diluluskan.

5.12 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan tambahan Kepala Pembangunan 22 dan saya mengambil peluang mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Pasukan Tentera di dalam negara kita yang telah berkhidmat begitu baik sekali yang telah mengawal keadaan negara dengan tenteram sepertimana yang ada sekarang.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Pecahan-kepala 6—Pusat Latihan dan Perumahan bagi Bakal-Bekas Tentera. Ini adalah satu pusat yang saya percaya dapat melatih mereka yang akan menjadi bekas tentera supaya apabila mereka berhenti daripada tentera kelak dapat menjalankan peranan penghidupan mereka sepertimana rakyat biasa dan saya berharap supaya matlamat Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi memajukan di dalam lapangan ini mendapat kejayaan sepenuhnya.

Selain daripada itu, saya ingin menyebut berkenaan dengan Pasukan Tentera yang akan menghadapi pada masa mereka bersara kelak. Di peringkat daerah misalnya, Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, itu sebenarnya kita telah luluskan dasar am yang dahulu.

Tuan Hashim bin Ghazali: Ya.

Tuan Pengerusi: Kalau hendak sebut sedikit bolehlah.

Tuan Hashim bin Ghazali: Ya, sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi: Tambahan untuk anggaran ini sudah tidak ada, sudah lulus semua sekali. Menyentuh sedikit boleh.

Tuan Hashim bin Ghazali: Tuan Pengerusi, berkenaan bagaimana keadaan-keadaan bekas tentera hendak menghadapi apabila mereka bersara daripada tentera dan mereka ini telah memohon tanah untuk membua^h tapak rumah apabila mereka bersara kelak.

Pada masa permohonan ini dibuat mereka selalu menyebut supaya diberi keistimewaan kepada mereka kerana mereka telah berkhidmat, dan Kerajaan telah berkali-kali mengatakan akan memberi keistimewaan kepada Pasukan Tentera ini apabila bersara. Tetapi di peringkat daerah ada satu Jawatankuasa Tanah yang selalu timbul masalah bukan sahaja tentera bahkan orang ramai sendiri yang kita sedia maklum, terutama sekali rakyat yang membuat rumah dengan secara setingan pada masa sekarang dan terpaksa mereka ini bersama-sama dengan rakyat yang ramai memohon tanah supaya dapat mereka membuat rumah apabila mereka bersara kelak. Oleh itu, telah menjadi masalah kepada pentadbiran di peringkat Negeri dan di peringkat Daerah bagaimana hendak menyelesaikan masalah ini. Oleh sebab itu, saya merayu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya memberi jalan bagaimanakah satu cara yang menasabah supaya Pasukan-pasukan Tentera ini apabila mereka memohon tanah dapat pula dikumpul oleh pihak Kementerian ini dan dapat diselaraskan dengan kehendak jawatankuasa di peringkat Negeri dan di peringkat daerah supaya mereka ini dapat tempat yang menasabah dan tidak boleh mereka ini menuduh ataupun menganggap pihak pentadbir di peringkat Negeri, pihak pentadbir tanah di peringkat daerah tidak memandang berat kepada mereka ini dan tidak pula mengambil perhatian sebagai mereka orang-orang yang telah berkhidmat yang begitu cemerlang dengan Kerajaan. Saya harap kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya mengambil perhatian ini dan tidak ada tuduh-menuduh daripada pihak tentera ini kepada pihak pentadbir yang saya katakan tadi.

Tuan Pengerusi: Jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.15 ptg.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak terimakasih atas pandangan ringkas yang diberi oleh Yang Berhormat dari Matang. saya sedar atas perkara kesulitan tentang untuk mendapatkan tapak terutama sekali untuk tapak rumah. Sungguhpun usaha-usaha telah sedang dijalankan oleh Kementerian ini dengan cara yang lain untuk menyusun soal pemilik rumah untuk bekas-bekas

perajurit, tetapi usaha yang sedang dijalankan oleh pihak Kementerian masih terlalu rendah ataupun terlalu sedikit untuk menampung keperluan semua bakal-bakal bekas perajurit ini. Walau bagaimanapun, saya berharap dapat kita perluaskan dan selaraskan seperti kehendak Ahli Yang Berhormat tadi.

Itulah sedikit jawapan saya atas pandangan yang telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$244,612,980 untuk Kepala P. 22 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1976.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana saya telah maklum sebentar tadi bahawa Kepala-kepala P. 23 dan P. 24 Dewan ini akan bahaskan selepas pada pukul 6.00. Jadi, sekarang kita langkah kepada Kepala P. 25 iaitu Kementerian Luar Negeri.

Kepala P. 25—

5.18 ptg.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Pengerusi, saya bangun di bawah nama Kementerian Luar Negeri sepertimana pada tahun yang lepas hanya ada satu kepala sahaja hendak dikemukakan iaitu P. 25 yang berjumlah \$10 million diluluskan. Sepertimana yang ditunjukkan di dalam Kertas Perintah 26 Tahun 1976 muka surat 5 peruntukan tambahan sebanyak \$8.7 juta adalah dikehendaki untuk projek-projek seperti yang tersebut di bawah ini:

(a) *New Delhi*

Menyelesaikan pembayaran-pembayaran kontrek bagi Kompleks Chancery.

(b) *Djakarta*

Untuk membeli sebidang tanah.

(c) *Bangkok*

Untuk Pembaikan dan Penghiasan Rumah Kediaman Duta.

(d) *Rome*

Untuk membeli rumah kediaman Duta Besar.

(e) *Wellington*

Untuk membina rumah kediaman Persuruhjaya Tinggi Malaysia.

(f) *Songkhla*

Untuk membina Kompleks Konsulat.

(g) *Belgrade*

Untuk membeli rumah kediaman Duta Besar.

Inilah perkara-perkara yang saya memohon sebanyak \$8.7 juta sebagai tambahan kepada permohonan saya dan saya bercadang hendak memohon kelulusan.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$8,700,000 untuk Kepala P. 25 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1976.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, Dewan tak cukup quorum.

(*Locing dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 hadir.*)

Kepala P. 26 dan P. 29—

5.25 ptg.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya membentangkan Anggaran Pembangunan (Tambahan) bagi tahun 1976 bagi Kementerian Kewangan yang meliputi anggaran Jabatan-jabatan yang termasuk di bawah portfolio Kementerian Kewangan dan saya mencadangkan supaya peruntukan berikut diluluskan:

Anggaran Pembangunan 1976

Kepala P. 26—Perbendaharaan	\$ 205,299,990
Kepala P. 29—Kastam dan Eksais Di Raja	8,941,000
	\$ 214,240,990

Kepala Pembangunan 26—Perbendaharaan

Peruntukan tambahan sebanyak \$205.3 juta adalah dikehendaki untuk perbelanjaan

di bawah pecahan-pecahan kepala seperti berikut:

Pembelian Tanah

Peruntukan sebanyak \$5.3 juta adalah diperlukan bagi perbelanjaan berhubung dengan pengambilan balik tanah di Ladang Bukit Kiara, Damansara untuk projek-projek Pusara Negara, perumahan dan taman awam. Pengambilan balik tanah ini bertujuan untuk mengelakkan kemungkinan membayar harga wang yang lebih mahal jika diambil balik dalam masa yang akan datang.

Pembelian Harta Modal

Tambahan sebanyak \$100 juta dikehendaki untuk pembelian harta-harta modal yang diperlukan dalam melaksanakan beberapa projek dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Kumpulan Wang Harta Modal

Peruntukan sebanyak \$100 juta dikehendaki untuk mengujudkan Kumpulanwang Pelaburan Bumiputra bertujuan mengambil dan menyimpan sebagai amanah saham-saham yang dikhaskan bagi orang-orang Melayu dan kaum bumiputra yang lain untuk dijual semula dengan tujuan menambahkan pemunyaan dan penyertaan orang-orang Melayu dan kaum bumiputra yang lain di bidang perdagangan dan perindustrian.

Kepala Pembangunan 29—Kastam dan Eksais Di Raja

Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja berkehendakkan peruntukan tambahan sebanyak \$8.9 juta bagi tahun 1976 bagi menampung perbelanjaan-perbelanjaan di bawah Pecahan-pecahan kepala yang berikut:

Pejabat-pejabat dan Rumah-rumah Kediaman.

Tambahan peruntukan sebanyak \$4.0 juta diperlukan untuk tujuan ini. Sebanyak \$3.4 juta daripada jumlah ini diperlukan untuk bayaran kemajuan bagi projek Pejabat Kastam di Kota Bharu dan Ipoh dan untuk yunit rumah-rumah bagi Pegawai-pegawai Kastam di Ipoh, Trengganu, Pelabuhan Kelang, Butterworth, Johor Bahru dan Rantau Panjang. Ini termasuklah pembelian rumah-rumah yang telah siap bagi Pegawai-pegawai Kastam di Johor Bahru.

Baki sebanyak \$600 ribu adalah diperlukan bagi perbelanjaan berkaitan dengan projek-projek pejabat dan rumah-rumah kediaman di Sabah dan Sarawak.

Kenderaan-kenderaan dan Kelengkapan

Tambahan peruntukan sebanyak \$2.4 juta adalah dikehendaki untuk mengalatkan Jabatan Kastam di Semenanjung Malaysia dan di Sabah dengan kenderaan-kenderaan dan kelengkapan-kelengkapan seperti kenderaan darat, kapal-kapal kecil, injin moto sangkut, alat-alat perhubungan dan senjata api dengan tujuan melicinkan lagi kerja-kerja mencegah penyeludupan.

Kompleks Kastam dan Jejambat, Johor Bahru

Tambahan peruntukan sebanyak \$2.5 juta adalah untuk bayaran-bayaran Kemajuan Kerja-kerja pelebaran Tambak dan bangunan Komplek Kastam di Johor Bahru.

Tuan Pengerusi, sebelum daripada ini bagi jawapan selanjutnya, jika ada perbincangan, maka Timbalan Menteri Kewangan akan menjawabnya.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

5.30 ptg.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh Pecahan-kepala 1—Pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi pembangunan.

Saya suka hendak menyentuh dalam Pecahan-kepala 1 mengenai Free Trade Zone di Sungai Way. Di Free Trade Zone, Sungai Way ada beberapa masalah. Yang pertama, ialah mengenai tanah di Perusahaan Bebas itu, dan saya dapat tahu masalah tanah belum diselesaikan lagi. Syarikat-syarikat di Perusahaan Bebas Sungai Way ada membuat komplain bahawa hingga sekarang hak milik, beberapa hak milik belum dikeluarkan dan diuntukkan kepada mereka. Ini adalah satu perkara yang penting, sebab jikalau syarikat-syarikat itu tidak ada hak milik, mereka tidak boleh meminjam wang dari bank atau pihak kewangan.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, saya dapat tahu Free Trade Zone Sungai Way pihak P.K.N.S. yang bertanggungjawab atas

pentadbiran dan sebagainya, malangnya saya menyatakan pihak P.K.N.S. hingga sekarang belum siapkan kira-kira Free Trade Zone Sungai Way. Ini satu kelambatan. Saya harap Kerajaan ambil perhatian. Tuan Pengerusi, di Perusahaan Bebas Sungai Way juga ada masalah seperti kekurangan perumahan dan kekurangan kemudahan sosial kepada pekerja-pekerja. Ini adalah sangat penting oleh kerana pekerja-pekerja yang bekerja di perusahaan bebas ini adalah datang dari tempat yang jauh, dari kampung-kampung. Jadi mereka selepas kerja tidak ada tempat-tempat permainan, ini menjadi satu masalah sosial.

Tuan Pengerusi, di perusahaan bebas ada lagi satu masalah iaitu pekerja ada komplain kepada saya bahawa mereka yang duduk di kawasan Sungai Way sangatlah susah pergi bekerja di kilang-kilang sebab pada masa sekarang ada satu pintu sahaja dan jika mereka jalan kaki ke pintu itu sangat jauh. Mereka berharap

Tuan Pengerusi: Pintu apa Yang Berhormat, pintu ke Industrial Estate atau pintu apa?

Tuan Oh Keng Seng: Pintu masuk ke kilang

Tuan Pengerusi: Pintu pagar kilang.

Tuan Oh Keng Seng: Ada satu pintu sahaja untuk pekerja-pekerja masuk, tetapi dalam tempat ini ada pintu lain yang kecil (sub-gate) dekat rumah mereka. Saya harap pihak Treasury ambil perhatian komplain dari pekerja-pekerja dan membuka sub-gate dekat dengan Sungai Way New Village. Inilah harapan pekerja-pekerja.

Tuan Pengerusi, lagi satu perkara saya hendak bercakap dalam Pecahan-kepala 7—Bumiputra Investment Fund. Kerajaan telah menguntukkan sebanyak \$100 juta kepada Kumpulan Wang ini. Saya harap Kerajaan juga memberi peluang kepada orang-orang yang bukan bumiputra dalam usaha perusahaan, kerana bukan bumiputra sahaja hendak berniaga dalam perusahaan. Banyak orang yang bukan bumiputra berharap juga peluang untuk menjalankan perusahaan dalam Third Malaysia Plan.

Tuan Pengerusi, ada satu masaalah telah berlaku apabila Kerajaan menjalankan Rancangan Malaysia Ketiga iaitu Kerajaan memaksa pihak swasta memberi 30% saham kepada bumiputra. Saya dapat tahu pihak swasta hingga sekarang susah mencari bumiputra mengambil bahagian dalam projek-projek mereka. Sungguhpun projek-projek itu ada untung tetapi sangat kurang orang bumiputra hendak participate dalam projek-projek itu. Inilah masaalah mereka. Saya harap Kerajaan boleh relax syarat-syarat itu.

5.36 ptg.

Dr Tan Chee Khoo (Kepong): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bercakap sedikit sahaja atas Kepala P. 31 Pecahan-kepala

Tuan Pengerusi: Kita belum sampai lagi Kepala P. 31, Yang Berhormat, kita baharu Kepala P. 26 dan 29.

Dr Tan Chee Khoo: Saya minta maaf, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Jadi, postpone dahululah. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

5.37 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu izinkan saya meminta maaf kepada Dewan ini sebab salah duga kedatangan giliran Kementerian Kewangan dalam perbahasan ini dan seterusnya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri yang telah menerangkan apa yang patut diterangkan oleh saya sendiri. Saya suka juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling yang telah membangkitkan satu dua perkara.

Yang Pertama berkenaan dengan Free Trade Zone Sungai Way. Perkara ini telah dibangkitkan sebanyak dua kali dahulu dalam perbahasan dalam Dewan ini juga dan jawapan yang sesuaipun telah diberi juga dalam masa itu. Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, saya akan mengambil perhatian juga dalam perkara itu. Mengenai social amenity dan aduan yang mengatakan pagar kilang yang mempunyai satu pintu sahaja, aduan ini sebenarnya hendaklah ditujukan

kepada pihak kilang itu untuk dibaiki. Walau bagaimanapun, saya akan mengambil perhatian juga sekiranya Ahli Yang Berhormat sanggup membuat satu aduan sebagai Wakil Rakyat secara langsung kepada kilang itu dan jika pihak kilang itu kurang mengambil perhatian atas perkara itu, saya minta beliau edarkan aduan itu kepada saya untuk perhatian selanjutnya.

Berkenaan dengan pengambilan perniagaan kaum bumiputra, ini adalah satu perkara yang memang bukan Kerajaan memaksa pihak-pihak yang dikatakan itu untuk memberi 30% kepada kaum bumiputra. Setahu saya belum ada satu kes pun yang Kerajaan telah memaksa pihak yang berkenaan itu memberi 30% kepada kaum-kaum bumiputra. Pihak Kerajaan hanyalah minta kerjasama daripada kaum peniaga itu supaya akhirnya kaum bumiputra itu dapat mengambil bahagian dalam perniagaan sehingga 30%.

Tuan Pengerusi, itu sahajalah dan lagi sekali saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$205,299,990 untuk Kepala P. 26 dan \$8,941,000 untuk Kepala P. 29 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1976.

Kepala P. 31—

5.40 ptg.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Pengerusi, saya memohon agar anggaran Belanja Pembangunan 1976 bagi Kementerian Perusahaan Awam di bawah Kepala P. 31 yang berjumlah \$202,838,020 diluluskan oleh Dewan ini. Dari jumlah ini \$54,905,020 telah diluluskan terdahulu sebagai Anggaran Pembangunan Sementara 1976 bagi Kementerian ini. Peruntukan ini adalah bagi membiayai Belanjawan Pembangunan bagi MARA, UDA, L.P.N., FIMA dan juga 13 Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri serta Bank Pembangunan.

MARA

Bagi mencapai matlamat yang ditugaskan, MARA memerlukan peruntukan pembangunan sebanyak \$60,907,000 bagi membiayai

aktiviti-aktiviti bagi latihan dan pendidikan, perdagangan dan perusahaan perkhidmatan, pengangkutan khidmat nasihat dan pembangunan enterprises dan juga Lembaga Kraftangan Malaysia.

Bagi tujuan mencapai matlamat 30% penyertaan Bumiputra di sektor pengurusan, MARA juga memainkan peranan penting dengan mengadakan strategi memajukan dan memperkembangkan rancangan latihan dan pendidikan supaya dengan ini akan melahirkan tenaga kerja Bumiputra di peringkat pengurusan, iktisad dan teknikal. Untuk mencapai matlamat ini biasiswa latihan dan pinjaman pelajaran akan terus dikendalikan untuk pengajian-pengajian sains dan sosial.

Di samping melahirkan golongan pengurusan iktisad dan teknikal MARA juga berusaha untuk melahirkan golongan tenaga kerja mahir di dalam bidang-bidang elektrik, mekanik serta berbagai-bagai jenis pertukangan melalui Instituti Kemahiran MARA. Pada tahun ini 2 buah Instituti Kemahiran MARA lagi iaitu di Lumut dan Kuantan akan mula menerima penuntut-penuntut, oleh itu jumlah Instituti Kemahiran MARA yang ada pada tahun 1976 ialah 8 buah.

Selain daripada mengutamakan biasiswa kepada penuntut-penuntut sains dan teknologi peranan Maktab Rendah Sains MARA juga penting bagi menambahkan minat penuntut-penuntut Bumiputra mengambil jurusan sains dari tingkatan bawah lagi. Dari keputusan peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran yang diadakan pada tahun 1974 dan 1975 bahawa penuntut-penuntut Maktab Rendah Sains MARA telah menunjukkan keputusan cemerlang yakni 100% lulus.

Pada tahun ini Maktab Rendah Sains MARA akan mengambil kira-kira 450 penuntut baru menjadikan jumlah pelajar seramai 1,712 orang bagi ketiga-tiga Maktab yang sedia ada itu. Sementara itu Maktab Rendah Sains MARA di Kulim dan Kuala Trengganu masih lagi di dalam pembinaan. Peruntukan pembangunan yang diperlukan untuk Maktab Rendah Sains itu, ialah sebanyak \$6 juta.

Mengenai aktiviti pinjaman MARA pula memandangkan kedudukan kewangan pada tahun lepas adalah kurang baik, maka MARA telah menumpukan perhatian kepada pinjaman-pinjaman kecil sahaja. Pada masa sekarang dengan adanya kedudukan

kewangan yang bertambah baik serta pembayaran balik dari peminjam-peminjam adalah memuaskan, maka semenjak pertengahan tahun ini, jumlah pinjaman yang diberi oleh MARA telah kembali seperti biasa. Di samping itu bagi pinjaman-pinjaman yang berulang dan juga pinjaman yang lebih tinggi daripada hadnya MARA akan membantu peniaga-peniaga tersebut dengan cara menyalurkan permohonan pinjaman mereka kepada Perbadanan Jaminan Kredit iaitu C.G.C. Dari segi pelaksanaan aktiviti pinjaman ini, dan untuk memastikan Bumiputra yang diberi pinjaman ini mendapat faedah yang berkesan dan MARA mendapat balik pinjamannya maka MARA akan melaksanakan skim kredit yang dipimpin atau "supervised credit scheme".

Bagi bidang perusahaan dan perdagangan pula, pada tahun ini MARA memerlukan sebanyak \$24.225 juta bagi aktiviti-aktiviti pembinaan rumah kedai, Kompleks Kewangan dan pelaburan di dalam syarikat-syarikat. Pembinaan rumah-rumah kedai akan diteruskan pada tahun ini di tempat-tempat yang sesuai terutama di pekan-pekan kecil bagi menggalakkan Bumiputra berkecimpung di dalam perniagaan. Oleh itu sejumlah \$3.005 juta adalah diperlukan pada tahun 1976 ini. Di samping itu Kompleks Kewangan Malaysia pula memerlukan kira-kira \$20,020 juta untuk kegiatan-kegiatan bagi menggalakkan dan menambahkan penyertaan hak milik modal Bumiputra di dalam syarikat-syarikat Berhad di Negara ini. Sementara \$1.2 juta untuk dilaburkan di dalam syarikat-syarikat.

Bahagian Pengangkutan pula pada tahun 1976 ini akan memerlukan sebanyak \$1,485,000 bagi menggantikan bas-bas yang lama yang tidak boleh digunakan lagi. Sementara itu \$850,000 adalah untuk pelaburan di dalam syarikat-syarikat kenderaan bas.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Lembaga Kraftangan pula akan terus memainkan peranan untuk membimbing dan melatih Bumiputra di dalam perusahaan kraftangan. Lembaga ini memerlukan \$1,167,000 Perbelanjaan Pembangunan bagi Pusat-pusat Kayu Kraft, tembikar, buluh, rotan dan kraftangan. Di samping itu pada tahun ini bagi memastikan bahawa hasil

usaha kraftangan mendapat pasaran yang baik, Lembaga Kraftangan Malaysia akan membuka satu cawangan di Singapura yang bertempat di Pusat Pemasaran dan Jualan Kraftangan yang bertujuan memasarkan hasil-hasil kraftangan.

Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA)

Pada tahun 1976 UDA telah diperuntukkan sebanyak \$30 juta sebagai belanja pembangunannya dan \$2 juta yang telah diluluskan terdahulu itu adalah sebagai grant daripada Kerajaan bagi Belanja Mengurus. Program-program yang akan dijalankan oleh UDA pada tahun 1976 ini tidak banyak berbeza dengan program-program yang dijalankan pada tahun 1975 iaitu terdiri dari program pembelian bangunan dan ruang-ruang perniagaan yang sedia ada, pembelian ruang perniagaan di dalam pembinaan, penyertaan dalam perniagaan, pembangunan bandar secara menyeluruh dan juga pelaburan tanah. Pada tahun ini saiz pembangunan bagi aktiviti-aktiviti pembangunan tersebut adalah \$80 juta dan sebahagian besar daripada projek adalah merupakan projek sambungan daripada Rancangan Malaysia Kedua. Sungguhpun pinjaman dari Kerajaan adalah tidak mencukupi untuk membiayai saiz aktiviti pembangunan yang memakan belanja \$80 juta itu tetapi UDA akan mendapatkan punca-punca luar iaitu melalui pinjaman daripada bank-bank perniagaan dan punca-punca kewangan-kewangan sendiri iaitu hasil daripada projek-projeknya. Pada keseluruhannya di dalam Rancangan Malaysia Ketiga UDA akan menumpukan perhatian ke Ibu-ibu Negeri melalui usahasama dengan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri yang dinamakan PERUDA.

Lembaga Padi dan Beras Negara (L.P.N.)

Tuan Pengerusi, pada tahun ini Lembaga Padi dan Beras Negara memerlukan sebanyak \$14,410 juta sebagai peruntukan belanja pembangunan di mana \$9,384,000 telah diluluskan terdahulu sebagai perbelanjaan sementara. Peruntukan tersebut diperlukan untuk menyiapkan pembinaan ke atas 6 buah Komplek Kilang Padi iaitu 2 buah integrated komplek di Rancangan Perairan Kemubu, Kelantan, sebuah integrated komplek di Rancangan Perairan Besut, Trengganu, 2 buah integrated komplek di Tanjong Karang, Selangor dan sebuah integrated Komplek di

Krian, Perak. Komplek-komplek tersebut yang telah dijalankan semenjak pertengahan Rancangan Malaysia Kedua lagi dijangka akan siap kesemuanya pada tahun ini. Di samping peruntukan 1976 juga diperlukan untuk menyediakan tapak gudang beras di Sarawak.

Suka juga saya menerangkan di sini iaitu apabila siapnya pembinaan keenam-enam buah kompleks tersebut dalam tahun 1976, L.P.N. akan mempunyai 28 buah komplek-komplek mengering/mengilang padi dengan daya mengering sebanyak 476,000 tan dan daya mengilang pula sebanyak 254,000 tan padi setahun. Di samping itu dengan bertambahnya kilang-kilang memproses padi, L.P.N. akan melipatgandakan aktiviti pembelian padi yang mana akan meningkat kepada 194,000 tan pada tahun 1976 berbanding dengan 55,000 tan pada tahun 1974.

Tuan Pengerusi, mengenai FIMA pula, Kumpulan FIMA Sdn. Bhd. telah diberi tugas-tugas untuk memaju dan menggalakkan pertumbuhan perusahaan-perusahaan yang berasaskan pertanian. Oleh itu pada tahun ini FIMA telah diperuntukkan \$4 juta bagi menjalankan projek-projeknya.

FIMA sedang giat mengusahakan 6,378 ekar ladang gajus di Besut, Trengganu dan 2,622 ekar lagi di Pahang. Sebuah kilang memproses biji gajus akan didirikan di Besut bermula pada tahun ini. Di dalam kajian FIMA, tanaman gajus boleh diusahakan dengan kos yang berpatutan di tanah-tanah pasir oleh penduduk-penduduk tempatan terutamanya nelayan-nelayan di sekitar ladang FIMA di Trengganu. Ini bukan sahaja akan menambahkan peluang pekerjaan kepada nelayan-nelayan tetapi juga akan meninggikan pendapatan mereka. Oleh itu, FIMA sedang merancang untuk membekalkan benih gajus bermutu tinggi kepada penduduk-penduduk di sekitar kawasan ladang gajus supaya mereka dapat menanam dan mengeluarkan biji gajus untuk keperluan kilang FIMA di Besut.

Di samping itu FIMA memerlukan peruntukan bagi kajian kemungkinan yang sedang dijalankan untuk mendirikan sebuah kilang memproses minyak kelapa sawit di Kuantan atau di Temerloh. Kilang itu adalah untuk mengeluarkan minyak masak, margarine dan ghee. Projek ini akan memberi pekerjaan kepada penduduk-penduduk

di kawasan tersebut di samping boleh membantu bagi menyelamatkan tukaran wang luar.

Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri

Mengenai belanjawan pembangunan bagi Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, peruntukan bagi tahun ini bagi Semenanjung Malaysia ialah sebanyak \$50 juta, Sarawak \$16 juta dan Sabah \$15,521,000. Boleh dikatakan pelaburan yang dibuat oleh P.K.E.N. yang mendapat bantuan dari Kerajaan Pusat di dalam Rancangan Malaysia Ketiga adalah terdiri dari aktiviti-aktiviti pembangunan industri. Syarikat perniagaan, pembangunan kawasan perindustrian, perumahan, pembinaan hotel, pembinaan rumah-rumah kedai dan juga pelaburan di dalam ladang-ladang atau projek pertanian. Aktiviti yang disebutkan di atas adalah berbeza antara satu P.K.E.N. dengan P.K.E.N. yang lain disebabkan oleh keadaan ekonomi, tanah dan punca-punca pengeluaran satu-satu tempat itu.

Bank Pembangunan

Tuan Pengerusi, pada tahun ini Bank Pembangunan memerlukan \$10 juta bagi memberi pinjaman kepada peniaga-peniaga bumiputra bagi membiayai pembelian modal tetap untuk sebuah projek perusahaan baru atau yang hendak diperbesarkan.

Tuan Pengerusi, saya memohon peruntukan pembangunan seperti yang tersebut di atas diluluskan oleh Dewan ini.

5.54 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya cadangkan untuk dikemukakan pindaan yang ditujukan untuk memotong \$10 dari sejumlah \$13 juta yang diperuntukkan di bawah Kementerian Perusahaan Awam di bawah Pecahan-kepala 6 (i) (a) yang berkaitan dengan biasiswa bagi MARA.

Saya sangat terperanjat ketika mendengar jawapan dari Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam pada hari Jumaat yang lepas bahawa MARA telahpun memberikan biasiswa kepada 464 orang penuntut yang melanjutkan pelajaran mereka di England, iaitu mengaji kursus di peringkat General Certificate of Education Advanced Level. Diketahui bahawa setiap penuntut MARA

akan menelan perbelanjaan Kerajaan sebanyak \$6,600 setahun tidak termasuk elaun pakaian dan tambang pergi balik kapal-terbang. Berasaskan kursus ini yang akan menelan belanja sebanyak \$5 juta setahun, apa yang memeranjatkan ialah kursus G.C.E. yang berperingkat tinggi atau G.C.E. "A" ini adalah setaraf dengan standard H.S.C. atau S.T.P. (Sijil Tinggi Pelajaran) yang ada di Malaysia hari ini. Sebenarnya, mereka boleh ditempatkan di kolej-kolej dan institut-institut tempatan untuk menuntut H.S.C. atau S.T.P. Tetapi apakah sebabnya seramai 464 orang penuntut ini seharusnya dihantar ke England kerana mengikuti kursus G.C.E. (Advanced) dengan peruntukan wang sebanyak \$5 juta ini. Nampaknya ini adalah merupakan satu contoh yang tidak baik untuk menunjukkan bagaimana sumber awam yang berkurangan (scarce resources) ini disalah peruntukan juga memperlihatkan bagaimana wang rakyat dibazirkan.

Kerajaan seharusnya menjelaskan bahawa apakah sebabnya seramai 464 orang penuntut ini tidak boleh mengikut kursus H.S.C. atau S.T.P. di Malaysia. Adakah ini merupakan satu pengakuan bahawa H.S.C. atau S.T.P. tidak mempunyai standard yang mencukupi untuk membolehkan calon-calon diperakui dan diterima bagi mengaji di universiti-universiti U.K. Atau adakah ini merupakan tujuan untuk mengeluarkan penuntut-penuntut MARA yang berlagak sebagai English gentlemen. Saya ingin sekali mengetahui bahawa di antara 464 orang penuntut-penuntut ini berapakah daripadanya adalah terdiri daripada anak Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Pemimpin-pemimpin UMNO yang berperingkat Kebangsaan dan Negeri; dan berapakah daripadanya adalah berasal daripada anak kaum petani dan nelayan.

Saya juga meminta Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini bahawa berapakah penuntut-penuntut telahpun dihantar oleh MARA ke U.K. untuk mengikuti kursus G.C.E. Ordinary yang setaraf dengan peperiksaan M.C.E./S.P.M. Saya menyeru pihak Kerajaan bahawa baikpun MARA atau lain-lain badan Kerajaan sekalipun pemberian biasiswa kepada penuntut-penuntut untuk menghadiri peperiksaan seperti G.C.E. (Advanced) di England ini hendaklah dihentikan segera. Pada hakikatnya wang serupa ini lebih berguna dibelanjakan untuk

memberi biasiswa-biasiswa MARA kepada orang-orang yang melanjutkan pelajaran di U.K. di mana kursus-kursus yang dijalani ini tidak diadakan di Malaysia.

Kerajaan seharusnya membetuli prioriti-nya, segala langkah yang diambil untuk memberi biasiswa kepada rakyat Malaysia bagi mengaji kursus seperti G.C.E. (Advanced) atau Ordinary di U.K., walau bagaimanapun alasannya langsung tidak dapat diterima.

Tuan Pengerusi: Kalau tidak ada perbahasan, saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.57 ptg.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Pengerusi, sebagaimana yang saya sebutkan dalam ucapan saya tadi soal objektif MARA melalui Bahagian Latihan dan Pendidikan-nya ialah untuk menambah bilangan bumiputra yang terlatih. Di samping itu mempertinggikan mutu kelayakan yang sudah ada. Satu daripada cara mencapai tujuan ini ialah dengan memberi biasiswa kepada yang layak.

Tuan Pengerusi, di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, MARA telah bercadang mewujudkan 21,000 orang tenaga terlatih di peringkat pengurusan dan ikhtisas (managerial and professional group). Oleh itu MARA perlu mengeluarkan seramai 4,200 orang tiap-tiap tahun dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Satu lagi sebab mengapa kita terpaksa menghantar penuntut-penuntut keluar negeri ialah kerana dasar kemajuan yang pesat di dalam pembangunan negara kita pada masa ini banyak bidang-bidang baru yang belum ada disediakan oleh universiti-universiti dan pusat-pusat pengkajian tempatan. Jadi kita menghantar mereka itu seperti mempelajari dalam bahagian petrol chemical, marine engineering, civil aviation yang belum ada lagi dalam negara ini. Seperti Yang Berhormat tentu bersetuju melalui pengeluaran penuntut-penuntut dari universiti-universiti tempatan dan luar negeri sudah tentu akan dapat mempercepatkan tercapainya matlamat mengadakan bilangan tenaga bumiputra yang terlatih di dalam bidang-bidang yang tertentu. Adalah didapati di masa-masa yang sudah penuntut-penuntut bumiputra dalam jurusan sains tempatan tidak

dapat mencapai kejayaan yang memuaskan. Tetapi apabila penuntut-penuntut ini dihantar ke seberang laut keputusan yang didapati selalunya sangatlah memuaskan. Mungkin ini menyebabkan mereka dapat pandangan yang luas (exposure) dan juga dapat satu environment yang sangat sesuai, sangat sempurna bagi mereka yang datang daripada luar bandar.

Saya maklumkan kepada Yang Berhormat iaitu setakat yang saya tahu tidak ada seorang pun anak Menteri yang dihantar oleh MARA untuk mempelajari di seberang laut. Kalau anak-anak Ahli-ahli Parlimen, memang bukan semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada wang. Bagi Ahli-ahli Parlimen yang tidak ada wang, kalau anak mereka layak, dipilih dan dihantar, tetapi pilihan ini dibuat sama rata dengan anak-anak orang-orang luar bandar.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Untuk penjelasan bagi Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya anak saya juga berada di England dengan dibayar oleh MARA tetapi dihantar ke England sebelum saya jadi Menteri. Kalau hendak ditarik balik, bolehlah buat cadangan supaya ditarik balik.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Minta maaf, Tuan Pengerusi, sebenarnya saya tak sedar anak Yang Berhormat Menteri Pelajaran dihantar ke England dengan belanja MARA tetapi sebelum beliau menjadi Menteri lagi diberi biasiswa itu. Dan saya beri pengakuan di sini kepada Ahli Yang Berhormat iaitu lebih daripada 90% anak-anak yang dihantar ke luar negeri ialah dari luar bandar, bermakna anak-anak petani dan anak-anak nelayan.

Lagi satu saya suka menyatakan anak-anak yang dihantar sungguhpun mengambil H.S.C. level mereka akan dapat tempat di dalam universiti terutama di England dan juga di negara-negara lain, dan lagi tempat-tempat dalam H.S.C. dalam Malaysia ini dengan sebab ramai penuntut hendak masuk belajar maka tempat itu adalah terhad. Oleh itu, dengan kita dapat menghantar sedikit anak-anak kita ke luar negeri, maka kita dapat menyelamatkan tempat-tempat itu untuk anak-anak yang lain boleh masuk dalam H.S.C. dalam negara kita ini. Mengenai priority, Ahli Yang Berhormat menyatakan kita tidak menentukan, sebenarnya

kita telahpun menentukan iaitu priority mengikut di mana kelayakan penuntut, bidang itulah MARA menghantar anak-anak itu belajar. Sungguhpun pada mulanya mereka masuk juga di peringkat G.C.E. "A" Level, tetapi mereka akan dapat tempat dalam universiti di dalam negeri seberang laut.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja penjelasan saya.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

6.05 ptg.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin sentuh sedikit sebanyak atas jawapan daripada Menteri berkenaan atas Usul Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Pengerusi: Usul mengenai pindaan itu sudah habis.

Dr Tan Chee Khoon: Tetapi di dalam perbincangan mengenai MARA, saya hendak sentuh sedikit atas perkara itu.

Tuan Pengerusi: Baiklah, itu tidak mengapa.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Pengerusi, saya memang menyokong apa-apa peruntukan, apa-apa langkah dan usaha yang diambil oleh Kerajaan supaya kita boleh menambahkan ahli-ahli teknikal dan profesional bumiputra. Apa yang saya hendak dapat penjelasan daripada Menteri yang berkenaan, murid-murid yang dihantar oleh MARA supaya mereka boleh dilatih di luar negeri, di England mereka tidak boleh dapat peluang untuk dilatih di tanahair kita ini.

Pertamanya, kalau sekiranya mereka boleh dilatih umpamanya di I.T.M. mengapakah perlu mereka dihantar ke England sedangkan mereka boleh dilatih di dalam bidang yang boleh mereka dapat latihan dalam negeri ini.

Kedua, Menteri berkenaan menyatakan murid itu dihantar ke England supaya mereka boleh dilatih dan mengambil peperiksaan G.C.E. A level/O level. Beliau menyatakan ini perlu oleh sebab tempat yang ada di tanahair kita terhad. Saya hendak menyatakan dan Menteri Pelajaran ada di hadapan saya, mengapakah Kementerian Pelajaran tidak memperluaskan menambah

tempat-tempat untuk S.T.P. dan S.P.M. supaya murid-murid boleh mengambil atau dilatih untuk mengambil peperiksaan M.C.E. (O) Level atau S.T.P. (A) level dan Kerajaan tak payah belanja begitu banyak wang untuk murid-murid itu. Sememangnya saya bersetuju dengan Menteri yang berkenaan apabila beliau katakan kalau kita hantar murid-murid kita ke luar negeri dapat meluaskan pandangan. Ini memang benar tetapi dengan apa perbelanjaan, at what cost. Itulah saya berharap Menteri berkenaan boleh menimbangkan sebelum kita menghantar murid-murid kita ke luar negeri jika mereka ada peluang untuk mengadakan latihan di tanahair kita.

Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh sedikit tentang MARA dan juga UDA. Tujuan kedua-dua perbadanan itu adalah supaya menolong peniaga-peniaga kecil bumiputra. Tujuan itu memang disokong oleh semua golongan di tanahair kita. Tuan Pengerusi, malam kelmarin saya balik dari Port Dickson dan singgah di Kajang hendak makan satay tetapi tempat peniaga kecil itu tidak begitu memuaskan, alat perkakasnya sudahlah goyang kakinya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat singgah pukul berapa?

Dr Tan Chee Khoon: Saya singgah pukul 8.30 malam dan kebersihan pun kurang, oleh itu saya berharap UDA dan MARA boleh membina sebuah kompleks satay di Kajang dan kita peminat-peminat satay bukan datang daripada Kajang sahaja tetapi kebanyakan datang dari Kuala Lumpur pergi ke Kajang, menaiki kereta—15 batu, makan di sana dan balik. Tetapi, Tuan Pengerusi, kalau sekiranya mereka pergi ke sana dan duduk di bangku lalu jatuh dan bagi orang tua mungkin menyebabkan patah tengkuk bukannya susah. Oleh itu saya menyeru kepada Menteri berkenaan supaya beliau boleh menasihatkan UDA atau MARA membuat kompleks satay yang ada kemudahan seperti perkakas lepa lengkap supaya mereka boleh majukan lagi perniagaan satay.

6.09 ptg.

Tuan Embong bin Yahaya: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong perbelanjaan Kementerian Perusahaan Awam yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan.

Saya hendak sentuh Pecahan-kepala 6 berkenaan Ceraian (1) Pelajaran dan Latihan. Walaupun di sini diletakkan \$13 juta untuk latihan dan pelajaran kepada MARA sebagai biasiswa kepada bumiputra, janganlah kita menganggap bahawa peruntukan ini satu peruntukan yang besar, saya pandang \$13 juta masih tidak cukup kalau sekiranya Kerajaan benar-benar hendak memajukan pelajaran bumiputra. Janganlah kita menganggap bahawa peruntukan ini satu peruntukan yang besar. Saya pandang \$13 juta masih tidak cukup. Kalau sekiranya Kerajaan benar-benar hendak memajukan pelajaran bumiputra janganlah kita memandang seperti pemandangan Pembangkang tadi hantar 400 orang disangka sudah banyak bagi satu dua tahun ke hadapan atau sebelumnya. Tetapi dalam masalah pelajaran bumiputra mestilah dipandang daripada sejarah 150 tahun dahulu.

Di masa penjajah memerintah kita, begitu lama bumiputra tertindas dalam pelajaran tinggi. Sebelum perang, berapa orang bumiputra masuk ke dalam universiti? Selepas perang masa awal merdeka tidak sampai 10% dalam universiti. Sekarang kita baharu merdeka 18 tahun hendak mengejar dalam masa 20 tahun, kecenderungannya 90%. Inilah saya minta supaya MARA ataupun Kerajaan memberi perhatian yang besar kepada biasiswa, dan saya menyokong penuh rancangan MARA menghantar anak bumiputra untuk mendapat pengalaman keluar negeri. Dalam apa subject sekalipun hatta mengambil kursus pra-universiti dan lain-lain. Saya percaya makin banyak dibuat begitu makin baik. Sebab anak muda yang baru lepas sekolah ini yang berlatih keluar negeri akan dapat pengalaman yang lebih dan kalau mereka berjaya terus boleh masuk ke universiti dengan tidak payah lagi memerlukan belanja tambang yang lain. 400 orang bukan banyak. Daripada wang sebanyak \$13 juta berapa ratus orang sahaja yang dapat kalau kita kira untuk belanja setahun \$10,000 seorang kalau tiga tahun baharu \$30,000. Berapa orang sahaja yang kita dapat. Jadi, saya harap MARA memberi perhatian penuh, kalau boleh hantar seberapa banyak anak-anak bumiputra keluar negeri.

Kita nampak anak-anak bumiputra yang belajar di luar negeri lebih baik kelulusannya daripada yang belajar di universiti di sini. Saya tidak tahu mengapa jadi begitu. Inipun

perlu dibuat satu kajian oleh Kerajaan. Mengapa anak-anak kita yang belajar di dalam negeri kebanyakan lemah. Tidak sampai berapa peratus kelulusannya, sebagaimana yang pernah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Tetapi anak-anak kita yang pergi belajar keluar negeri seperti Amerika Syarikat dan lain-lain yang dihantar oleh MARA kebanyakannya mendapat kejayaan sampai 90% hingga 100%, cemerlang. Jadi, ini menunjukkan bahawa cara mengajar di luar negeri terhadap anak-anak kita khasnya anak-anak bumiputra adalah jauh lebih baik. Boleh jadi cara mengajar yang diberi oleh lecturer itu bebas, tidak terpendang di hadapannya bahawa ini anak bumiputra, tidak dipandang kamu datang daripada mana, tetapi kamu hanya menuntut kalau kamu sungguh-sungguh kamu akan berjaya. Tetapi di Malaysia masih ada pandangan lain biar saya sebut perkataan "diskriminasi" ini ada di dalam universiti.

Berapa banyak anak-anak bumiputra yang masuk dalam kelas sains daripada 100 orang sampai ke peringkat akhir tinggal 5 orang sahaja. Sama sekali tidak ada memberi pertolongan kepada anak-anak kita di dalam pelajaran sains. Tidak lulus, terus buang. Tetapi anak-anak kaum lain dididik, diajar melalui institusi-institusi sebelah malam dan sebagainya dan macam-macam latihan pelajaran. Tetapi anak-anak Melayu seolah-olah terbiar langsung. Kalau sekiranya keadaan pengajian tinggi kita terjadi macam ini di Malaysia, saya lebih suka kalau MARA hendak menghantar pelajar keluar negeri, hantarlal biar berapa banyak belanja sekalipun, kerana di dalam negeri kita sendiri anak-anak bumiputra tidak terjamin mendapat pelajaran sains yang baik. Bandingkan sahaja dengan Tunku Abdul Rahman College tahun yang lepas 100% mendapat kelulusan dalam sains. Bandingkan sahaja anak Melayu di Universiti Malaya tidak dapat 5% yang lulus dalam sains. Tidak payah banding dengan Universiti, kita bandingkan dengan Instituit Teknologi MARA sahaja berapa peratus anak Melayu yang lulus bahagian sains? Tidak sampai 10%. Di sinilah yang kita minta Kerajaan mesti kaji dengan sehalus-halusnya cara pendidikan, pengajaran dan latihan di negara kita sendiri. Walaupun berapa banyak kita

belanjakan wang, hatta beratus juta sekali-pun kalau keadaan ini terjadi terus-menerus saya percaya bumiputra tetapi sentiasa ketinggalan.

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat bataskan sedikit perbahasan di dalam Jawatankuasa ini.

Tuan Embong bin Yahya: Suruh saya cepat?

Tuan Pengerusi: Ya, minta ringkaskan sedikit, jangan diulang-ulang.

Tuan Embong bin Yahya: Jadi, saya hendak menegaskan di dalam bahagian biasiswa MARA khasnya latihan. Saya sentuh sedikit lagi berkenaan dengan latihan kemahiran. Walaupun dibuat beberapa latihan kemahiran tetapi saya nampak anak-anak Melayu yang dilatih dalam latihan itu tidak tahu ke mana perginya. Di dalam latihan kemahiran pembinaan tidak nampak anak-anak bumiputra yang dilatih oleh MARA ini masuk bekerja sebagai kontraktor. Di dalam lapangan apa orang ini masuk saya tidak tahu, barangkali Yang Berhormat Menteri boleh menjawabnya. Dalam lapangan letrik pun kita tidak nampak juga lagi. Dalam lapangan minyak pun kita tidak tahu, barangkali dalam lapangan bank nampaklah sedikit. Dulu tidak ada anak Melayu yang duduk di counter bank, sekarang sudah ada yang datangnya daripada MARA. Dalam lapangan getah pun barangkali baru dua tiga yang masuk dalam bahagian sains.

Jadi saya rasa janganlah kita membuat kesilapan hanya kita mengadakan institusi tetapi anak-anak kita yang keluar dari institusi ini tidak tahu ke mana perginya. Tidak ada lapangan yang mereka hendak masuk, sebab segala perusahaan dan perindustrian itu sudah di dalam tangan orang lain. Jadi kalau sekiranya keadaan ini tidak dibetulkan dan tidak dibaiki, saya rasa berapa ratus orang pun kita latih mereka akan mengadu kepada Kerajaan balik kerana tidak ada pekerjaan. Oleh kerana sekarang kita telah masuk dalam lapangan perusahaan petrolium, dalam lapangan teknologi, jadi saya mintalah MARA betul-betul memikirkan pada masa yang akan datang ini menghantar seberapa banyak anak bumiputra ke dalam lapangan yang akan diterokai oleh negara kita sendiri.

Satu contoh dalam lapangan TV. Berapa tahun sudah Malaysia ini mempunyai TV. Saya tidak tahu samada MARA ada melatih atau tidak penuntut-penuntut kita di dalam lapangan talivisyen ini, tetapi tidak ada kita nampak sebuah kedai talivisyen bumiputra, tidak adapun bumiputra yang membetulkan TV. Dia hendak buka kedai radio pun susah. Jadi di mana tempat untuk kita melatih anak-anak kita. Oleh itu, saya harap pihak MARA cuba seberapa day-upaya lagi melatih seberapa banyak anak-anak kita bukan sahaja di dalam negeri tetapi juga keluar negeri serta mengumpulkan anak-anak kita yang terlatih dalam satu-satu jurusan seperti dalam pembinaan, dalam contractor, dalam lapangan talivisyen, dalam lapangan getah, kelapa sawit, timah, perlombongan dan lain-lain. Pada hari ini kita dalam keadaan macam ini juga walaupun sudah beberapa tahun dalam latihan. Saya harap Kerajaan memikirkan dengan cara serious kedudukan keadaan itu, sebab saya nampak peranan bumiputra pada masa yang akan datang sudah berapa kali saya sebutkan di dalam Parlimen ini hanya tergantung kepada latihan semata-mata. Sekiranya kita abaikan latihan ini dan tidak betul-betul membendung jurusan-jurusan yang dilatih, maka harapan itu akan menjadi hampa juga.

Saya rasa setakat inilah sahaja kerana masa tidak mengizinkan, saya menyokong penuh perbelanjaan ini dan saya harap lagi sekali bahawa dalam lapangan biasiswa MARA akan terus-menerus menambah kewangannya untuk membolehkan bukan sahaja 300 bahkan 3,000; 4,000 atau 10,000 orang setahun anak-anak Melayu d'hantar keluar negeri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, selepas itu Yang Berhormat dari Kangar dan selepas itu saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.19 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit mengenai Pecahan-kepala 4—Perbadanan Pembangunan Bandar.

Pada hemat saya, Tuan Pengerusi, jumlah sebanyak \$30 juta sebagai Belanja Pembangunan dan \$2 juta sebagai Belanja Mengurus bagi UDA tidaklah mencukupi.

Tuan Pengerusi, sungguhpun progre-program yang akan dilaksanakan oleh UDA pada tahun 1976 adalah sama dengan progre-program pada tahun 1975, tetapi UDA hendaklah bergerak dengan lebih luas lagi di ibu-ibu negeri dan daerah-daerah yang besar di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Umur UDA jika dibezakan dengan lain-lain ejensi sungguhpun belum lagi sampai 5 tahun tetapi pada masa yang singkat itu adalah tidak dapat dinafikan bahawa UDA telah melaksanakan banyak projek yang mendatangkan faedah kepada rakyat. Apa yang diperuntukkan kepada UDA pada tahun ini ialah hanya lebih kurang 37% dari perbelanjaan anggaran aktiviti pembangunan yang dijangka memakan belanja \$80 juta. Sungguhpun UDA boleh mendapatkan punca-punca kewangan luar tetapi pembayaran bunga yang akan dikenakan boleh jadi lebih tinggi dan ini akan menyebabkan UDA menjual atau menyewa ruang-ruang niaga kepada bumiputra, sebagai contoh dengan harga yang tinggi dan dari segi Dasar Ekonomi Baru ini tidak patutlah digalakkan. Jika sedemikian sehingga tahun 1990 saya berpendapat bahawa Kerajaan pun tidak dapat memenuhi penyertaan 30% bumiputra di lapangan pembangunan hatta perniagaan.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu \$2 juta untuk perbelanjaan pengurusan pula tidaklah mencukupi. Jika kita hendak UDA bergerak di semua negeri-negeri di Malaysia ini tetapi dengan peruntukan belanja pengurus yang kecil ini UDA pada hemat saya bukan sahaja tidak dapat membayar gaji kepada kakitangan yang sepatutnya bertambah mengikut dengan kegiatannya tetapi tidak dapat menjalankan pentadbirannya dengan licin.

Tuan Pengerusi, di samping itu juga satu-satu projek-projek seperti pembinaan kompleks yang dijalankan oleh UDA bukanlah kecil tetapi akan menelan belanja yang besar. Projek-projek seperti Perhentian Puduraya dalam kawasan saya, bangunan Zainal Abidin dan kompleks pertama sebagai contoh telah dan akan memberi faedah yang besar kepada semua golongan rakyat dari segi menyusun semula masyarakat. Saya sendiri ada membuat lawatan ke projek Perhentian Puduraya dan pada pendapat saya projek ini akan menelan belanja lebih

kurang \$15 juta hingga \$20 juta, ini tidaklah termasuk projek-projek lain yang akan menelan belanja yang lebih lagi.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, apa yang saya katakan ada peruntukan yang akan diberi kepada UDA memanglah tidak mencukupi dan saya berharap jika peruntukan ini dapat disemak semula dan dinaikkan sehingga menjadi \$62 juta atau tiga suku atau lebih kurang 75% daripada perbelanjaan anggaran aktiviti-aktiviti pembangunan pengurusan bagi pendapat saya ini adalah lebih baik lagi.

6.24 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong Anggaran Pembangunan Kementerian Perusahaan Awam dan saya bercakap dalam Pecahan-kepala 6. Tuan Pengerusi, berkenaan dengan biasiswa MARA saya sangatlah menyokong dan seboleh-bolehnya patut dibanyakkan lagi. Sebagai seorang rakyat yang datang dari luar bandar saya amat bersyukur kepada Tuhan, kerana sejak berjalannya biasiswa MARA kepada penduduk-penduduk luar bandar, saya dapati hari ini banyak penduduk-penduduk yang tidak mendapat peluang menuntut ke Universiti dan sebagainya telah dapat masuk Universiti. Di samping itu, Tuan Pengerusi, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Ledang tadi saya juga bersetuju iaitu patutlah kita awasi perbuatan curang ataupun sabotaj daripada pendidik-pendidik, kita awasi betul-betul supaya wang yang kita keluarkan tidak membazir dan saya harap Kementerian itu yang berkenaan seboleh-bolehnya menambah lagi biasiswa itu.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pinjaman, saya difahamkan setengahnya daripada orang yang dapat pinjaman daripada MARA tentang pelajaran tidak mencukupi. Kita sama-sama tahu, Tuan Pengerusi, kalau makan kita tidak cukup bekerja pun tidak kuat. Saya percaya, Tuan Pengerusi, bersetuju dengan saya ada disebut dalam suatu hadith; kalau orang itu miskin harus dia menjadi kafir terus. Jadi, biarlah benda ini kita tambah lagi

Tuan Pengerusi: Apa bunyi ayat yang di hujung itu. Saya tidak dengar perkataan, yang hujung itu.

Tuan Shaari bin Jusoh: Dalam hadith, kalau tidak silap saya, Tuan Pengerusi, saya ingat lagi, kalau tidak silap Tuhan

Tuan Pengerusi: Hadith?

Tuan Shaari bin Jusoh: Kalau tidak silap saya seorang, itu kalau difikir boleh jadi dia dekat dengan kafir. Bila tidak ada wang seribu satu macam boleh jadi. Saya katakan tadi kalau dia tidak ada wang anggotanya pun tidak kuat

Tuan Pengerusi: Bukan macam itu, bunyinya. Hadith itu ialah kemiskinan ini hampir membawa kekufuran.

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya tahu, Tuan Pengerusi faham, sebab itu saya berani kata, kalau saya silap, tolong diperbetulkan.

Tuan Pengerusi: Tidak payahlah, teruskan!

Tuan Shaari bin Jusoh: Jadi, sebagaimana saya katakan tadi ada didapati pinjaman yang tidak begitu mencukupi dan diharap pihak yang memberi pinjaman patutlah ditambah, kerana kita percaya selepas mereka ini dapat kelulusan mereka dapat membayar balik wang yang berkenaan. Tetapi kalau setengah sambil belajar mengakibatkan mereka tidak boleh tumpukan kepada pelajaran. Itu saya harap patut dikaji semula kalau ada pinjaman yang diberi, dan kalau benda yang ditolong di masa depan oleh sebab beberapa hal patutlah dikaji semula seberapa bolehnya kalau mereka itu bumiputra, kerana bumiputra kita sangat lemah dari segi pelajaran apatah lagi segi kewangan. Syukurlah kita bantu mereka walaupun ada setengahnya membangkang, Tuan Pengerusi, selagi dunia dinamakan dunia tidak ada orang yang bersetuju 100%. Jadi, kita buatlah apa yang kita fikir patut.

Akhirnya sekali, Tuan Pengerusi, saya tidak mahu hendak bercakap panjang tentang khidmat nasihat dan pembangunan. Saya syurkan kepada Kementerian yang berkenaan tentang nasihat ini selain kita adakan kursus sehari dua patut kita adakah kursus yang lengkap, terutama dari segi pertukangan, kerana Kerajaan hendak meninggikan taraf bumiputra terutama di segi perindustrian, dari segi perniagaan, pembangunan dan sebagainya. Kita tidak menafikan orang kita

ada yang hendak berniaga menjadi pemborong, tetapi bila dapat satu pemborong dia terpaksa buat bangunan dan tentang pertukangan bumiputra terlampau kurang dan tidak ada terus. Kalau hendak belajar dari orang bukan bumiputra, dia hendak ajar yang pandai-pandai itu dia hendak jaga sedikit lebih-lebih lagi pelajaran itu kepada orang yang bukan bangsanya sendiri. Dengan sebab itu bumiputra dari segi pertukangan terlampau kurang. Saya harap kepada Kementerian yang berkenaan kita jangan buat satu dasar kalau hendak latih tukang, kita hendak ambil daripada penuntut L.C.E. dan sebagainya. Kita tengok kalau dia ada kemahuan, sebab ada setengah orang menjadi millionaire, terutama daripada bukan Melayu setengahnya tidak pandai.

Ada juga Melayu tidak tahu menulis kadang-kadang dia pandai kerana kecenderongannya sesuatu lapangan tetapi kita kadang-kadang hendak latih ambil calon L.C.E. dan S.P.M. walhal mereka itu tidak ada cenderung lapangan kemahiran seperti kata Wakil dari Ledang tadi. Dia itu tidak ada kerja dihantar pergi berkursus berkenaan dengan TV, dia tidak ada kecenderungan tetapi oleh sebab tidak ada kerja lain cuma duduk makan angin sahaja, mereka pergi berkursus. Bila balik tidak ada kerja, kursus tinggal kursus. Kadang-kadang pelajar kita dihantar pergi berkursus berbagai-bagai latihan baik pertukangan mereka pergi ke I.T.M., ada setengahnya tidak balik, tidak dapat kerja lain duduk di I.T.M. tiga empat tahun. Kalau hendak menjadi tukang atau buruh kasar walaupun permulaan gajinya rendah akhirnya akan naik tinggi, dia tidak mahu kerana dia seorang pelajar tidak patut menjadi buruh kasar. Dengan sebab itu, saya berpendapat kita tengok kalau bumiputra terutamanya, dia ada kemahiran tukang walaupun dia kelulusan setakat darjah III sekolah Melayu kita beri kursus itu, kerana kebolehan manusia ini bukan semacam, ada setengahnya dia tulis pandai, setengahnya menjadi tukang pandai. Ada yang cakap pandai, tetapi suruh buat kepok buruk tidak tahu. Jadi kebolehan manusia ini kita tidak ada nafikan, Tuan Pengerusi. Dengan sebab itu, saya harap Kementerian yang berkenaan meninggikan taraf bumiputra terutama dari segi pembangunan, perindustrian seperti saya katakan tadi, saya dapati banyak bumiputra yang kurang terutama tukang-tukang patutlah kita buat

kursus yang lengkap dan janganlah buat kursus sehari dua, tetapi biarlah kursus bagi faedah yang tepat seperti kata pepatah Melayu: Kalau hendak celup pekasm biarlah sampai ke pangkal lengan. Biar kita keluarkan wang banyak asalkan benda ini berjaya.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya menyokong Anggaran Pembangunan 1976.

6.30 ptg.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih atas teguran-teguran dan pengesyoran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya menjawab dengan ringkasnya berkenaan dengan teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong suka saya maklumkan iaitu amalan kenapa yang boleh mendorong MARA menghantar penuntut-penuntut ke United Kingdom ataupun England ialah dengan sebab amalan di sana bagi penuntut-penuntut yang hendak masuk ke universiti biasanya ditemuduga semasa mereka belajar lagi. Jadi kalaulah MARA menghantar penuntut-penuntut belajar di sana yang bukan G.C.E. "A" level sebagai yang disifatkan sama dengan taraf H.S.C. di sini, tetapi sebenarnya di sana mereka mengadakan kursus "O" dan "D" level iaitu dengan temuduga semasa mereka belajar di sana senang mereka dapat tempat di dalam universiti-universiti terutama Universiti Teknologi di sana dan mereka yang masuk kursus "O" dan "D" level ini ialah untuk masuk ke Maktab Teknik (Technical Colleges) di United Kingdom.

Saya suka maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu sekiranya kita menghantar semua penuntut-penuntut MARA ke universiti-universiti tempatan, ini bermakna quota untuk bukan bumiputra terpaksa disedikitkan lagi kalau kita ambil banyak bumiputra masuk di dalam universiti-universiti tempatan. Dengan menghantarkan sebilangan kecil kepada universiti-universiti di luar negeri maka dapatlah juga Kerajaan terutama Kementerian Pelajaran menyimpan quota bagi mereka yang bukan bumiputra untuk masuk ke universiti-universiti tempatan.

Berkenaan dengan pengesyoran Ahli Yang Berhormat supaya samada UDA ataupun MARA mendirikan kompleks satay di

Kajang itu, saya memanglah bersetuju. Saya sendiri pun telah beberapa kali berhenti di Kajang untuk makan satay dan memanglah tempat itu tidak berapa bersih, barangkali saudara saya Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang ada di hadapan saya ini tentulah suka melihat tempat itu cukup dengan kebersihannya tetapi ada masalaah-masalaahnya kalau sekiranya UDA ataupun MARA membuat kompleks satay tentulah sewa akan naik. Jadi tentulah penjaja-penjaja bumiputra terpaksa membayar sewa yang lebih mahal dan tentulah harga satay pun lagi mahal, maka haruslah tidak begitu popular seperti sekarang ini orang-orang pergi makan satay di sana tetapi perkara ini walau bagaimanapun akan dikaji.

Tuan Pengerusi: Bila bangunan besar harga akan dinaikkan, dan kalau tak hendak harga mahal, satay boleh dikecilkan.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Kalau satay kecil, Tuan Pengerusi, barangkali haruslah juga mereka kata ini mahal, tidak guna kita memandu kereta 30 batu jauhnya pergi ke Kajang hendak makan satay kalau harganya lebih mahal daripada harga di Kuala Lumpur. Walau macammanapun, pengesyoran ini saya akan mengambil perhatian dan kita akan kaji, halusi dan insya Allah, barangkali kalau tanah tidak menjadi masalaahnya dapatlah kita mendirikan bangunan, bukanlah bangunan yang mahal, barangkali yang lebih bersih dan teratur pada masa akan datang.

Mengenai pengesyoran Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ledang dan Kangar untuk membanyakkan biasiswa, memanglah sentiasa dalam perhatian MARA dan dalam Rancangan Malaysia Ketiga MARA telah mendapat peruntukan yang lebih besar daripada Rancangan Malaysia Kedua. Ini menunjukkan Kerajaan memang bersimpati untuk mengisgi atau menampungkan bumiputra dalam lapangan professional dan iktisas seperti saya sebutkan dalam ucapan saya sebentar tadi.

Berkenaan dengan latihan kemahiran pula memanglah pihak MARA mengawasi di manakah bidang-bidang yang patut diberi keutamaan (priority). Jadi di sinilah diadakan kursus-kursus terlebih awal daripada kursus-kursus yang lain. Memang ada mereka yang telah lulus dari I.T.M. ataupun dari Institusi Kemahiran MARA yang telah

mengambil bahagian matapelajaran dalam pembinaan rumah-rumah dan juga memasang lampu letrik ataupun wire letrik, mereka ini kebanyakannya memasuki dalam Jabatan Kerjaya, cuma sedikit sahaja masuk dalam bidang swasta, oleh sebab barangkali kontraktor-kontraktor ataupun pemborong bumiputra belum begitu banyak lagi pada masa ini. Apabila banyak sedikit angka, sudah tentu saya rasa ramai lagi daripada penuntut-penuntut keluar daripada Instituti Kemahiran MARA, bukan sahaja Instituti Kemahiran MARA bahkan sekolah-sekolah vokesyenal yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran akan mendapat kerja dalam bidang ini pada masa akan datang.

Berkenaan dengan latihan petroleum engineering dan sebagainya ini adalah perkara baru dan MARA memang sudahpun menghantar beberapa penuntut keluar negeri untuk belajar petroleum engineering dan sebagainya ataupun berkaitan dengan petroleum ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar menyebut berkenaan dengan latihan kemahiran janganlah ambil penuntut-penuntut yang cuma berkelulusan L.C.E. sahaja. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat itu ada dua macam kursus yang dianjurkan oleh MARA; satu untuk pergi ke Instituti Kemahiran MARA hendaklah mengadakan kelulusan yang sehabis-habis rendah yang diakui ialah L.C.E. tetapi ada juga latihan MARA dengan tidak memerlukan kelulusan L.C.E. dan sebagainya melihat kepada pekerjaan seseorang itu. Seseorang itu ada kecenderungan dan telahpun bekerja dalam bidang tukang kayu misalnya, mereka diambil juga diberi latihan. Bukan sahaja MARA memberi latihan ini bahkan Kementerian-kementerian lain pun seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dalam sekolah latihan kemahirannya. Bagi pihak MARA, memanglah sentiasa mengawasi perkara ini dan saya mengambil perhatian atas teguran Ahli Yang Berhormat itu iaitu latihan ini hendaklah sungguh-sungguh berkesan. Ini memanglah cadangan saya dan ini juga memanglah arahan saya kepada pihak MARA supaya mana-mana latihan yang dianjurkan oleh MARA mestilah berkesan. Janganlah buat sehari dua sahaja bahkan MARA setakat yang saya tahu hari ini bukanlah buat sehari sahaja, tetapi mereka mengadakan kursus jangka pendek,

iaitu seminggu, kemudian ada pula sambutan kemudian hari pula. Jadi bukanlah setakat seminggu itu sahaja bahkan akan bersambung beberapa kali lagi kepada mereka yang telah mengambil latihan yang pertama itu.

Bagi menjawab teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana mengesyorkan supaya UDA diberi peruntukan yang lebih besar daripada yang ada di hadapan kita pada hari ini dan saya pun bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat iaitu peruntukan ini tentulah kita memerlukan banyak lagi, tetapi dengan sebab pembangunan bukan sahaja setakat UDA untuk pembangunan dalam segala bidang maka tentulah UDA tidak dapat peruntukan yang sebanyak UDA mahu. Walau macam manapun, insya Allah kita akan berikhtiar kalau kewangan negara kita lebih baik, kita akan berikhtiar untuk mendapatkan peruntukan yang lebih daripada Kerajaan dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Setakat itulah sahaja jawapan saya, Tuan Pengerusi, dan sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$147,933,000 untuk Kepala P. 31 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1976.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, tadi Tuan Yang di-Pertua telah menangguhkan Kepala P. 23 dan P. 24 dan dibawa selepas pukul 6.00 petang. Sekarang oleh sebab Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran ada di sini, saya silakan Yang Amat Berhormat Menteri mengemukakan Anggaran Pembangunannya di bawah Kepala P. 23 dan P. 24.

Kepala P. 23 dan P.24—

6.40 ptg.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya peruntukan tambahan sebanyak \$47,506,970 bagi baki tempoh tahun 1976 di bawah Kepala P. 23—Kementerian Pelajaran dan sebanyak \$7,029,000 di bawah Kepala P. 24—Jabatan Pelajaran,

Sarawak dan Sabah dalam Anggaran Pembangunan 1976, menjadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan.

Dari jumlah peruntukan tambahan sebanyak \$47,506,970 di bawah Kepala P. 23, sebanyak \$800,000 adalah bagi aktiviti Pentadbiran Am, \$19,735,000 Pelajaran Rendah dan Menengah, \$26,171,970 Pelajaran Tinggi dan \$800,000 bagi Pusat-pusat Penuntut Luar Negeri.

Bagi aktiviti Pentadbiran Am, peruntukan tambahan yang diperlukan sebanyak \$800,000 itu ialah untuk membina bangunan tambahan bagi Pejabat Pelajaran Perak di Ipoh dan membeli tapak untuk bangunan percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Di dalam lapangan Pelajaran Rendah dan Menengah pula, peruntukan tambahan yang dikehendaki sebanyak \$19,735,000 adalah bagi membiayai pembayaran kontrak untuk pembinaan sekolah-sekolah rendah, menengah, menengah teknik dan vokesyenal, dan juga untuk pembelian perabot dan kelengkapan pejabat bagi sekolah-sekolah tersebut. Di samping itu, peruntukan tambahan ini ialah bagi menemui pembayaran kontrak untuk pembinaan asrama-asrama, rumah-rumah guru di luar bandar dan juga untuk sumbangan bantuan modal kepada sekolah-sekolah bantuan penuh bukan milik Kerajaan.

Di peringkat pelajaran tinggi, peruntukan tambahan yang diperlukan sebanyak \$26,171,970 itu, ialah untuk membeli tanah seluas 2,840 ekar bagi tapak kampus baru Universiti Teknologi Malaysia dan meneruskan projek-projek Universiti Kebangsaan di Bangi dan Fakulti Perubatan. Selain daripada itu, peruntukan tambahan bagi pelajaran tinggi adalah bagi membiayai projek-projek sambungan seperti jalan baru dari Jalan Universiti, Petaling Jaya bagi Universiti Malaya dan membina Dewan Besar serta Asrama-asrama bagi Universiti Pertanian. Bagi Pusat-pusat Penuntut Luar Negeri, peruntukan tambahan yang dikehendaki sebanyak \$800,000 itu ialah bagi mengadakan Malaysia Hall di Jakarta.

Tuan Pengerusi, di bawah Kepala P. 24—Jabatan Pelajaran Sarawak dan Sabah, dari jumlah peruntukan tambahan sebanyak \$7,029,000, sebanyak \$50,000 adalah bagi aktiviti Pentadbiran Am, \$761,000 bagi Latihan Guru, \$4,879,000 Pelajaran Rendah

dan Menengah dan \$1,339,000 bagi Pelajaran Tinggi.

Bagi aktiviti Pentadbiran Am, peruntukan tambahan yang dikehendaki sebanyak \$50,000 itu ialah untuk membina pejabat-pejabat pelajaran daerah di Sarawak.

Di dalam lapangan Latihan Guru, peruntukan tambahan yang diperlukan sebanyak \$761,000 adalah bagi membiayai pembangunan kontrak untuk pembinaan bangunan-bangunan tambahan bagi Maktab Perguruan Rajang dan Maktab Perguruan Batu Lintang.

Di peringkat pelajaran rendah dan menengah, peruntukan tambahan yang dikehendaki sebanyak \$4,879,000 itu ialah untuk membina sekolah-sekolah rendah, dan menengah di Sarawak.

Peruntukan tambahan yang dikehendaki sebanyak \$1,339,000 di peringkat pelajaran tinggi pula, ialah untuk Kampus Cawangan Universiti Pertanian di Sarawak.

Tuan Pengerusi, dengan penerangan-penerangan di atas, saya mohon mencadangkan.

6.45 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk menyokong peruntukan yang dikehendaki oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran sebanyak \$54,535,970 dan saya menyentuh berkenaan dengan Pecahan-kepala 1 dan 2 iaitu mengenai Pelajaran Rendah dan Pelajaran Menengah.

Dalam kawasan saya ada tiga empat buah sekolah rendah yang mendesak dan menuntut supaya dapat digantikan dengan bangunan yang baru disebabkan sudah uzur. Kalau tidak, mungkin akan tidak ada tempat bagi murid-murid di tempat tersebut kerana tidak ada bangunan sekolah yang terjamin.

Perkara yang kedua, sukalah saya menyampaikan pendapat-pendapat ibu-ibu bapa pada hari ini yang mana mereka dahulukan terima kasih kerana Kementerian ini membiayai buku teks yang cara pinjaman. Tetapi mereka berpendapat ada baiknya buku teks ini diberi secara percuma. Sebab masalahnya katakanlah kepada Tingkatan I dan II apakala murid itu sampai ke Tingkatan III mereka itu mengalami kesusahan sebab tidak dapat refer balik pelajaran-pelajaran yang ada di dalam peringkat yang pertama dan

yang kedua tadi. Jadi, mereka mendesak kalau dapat Kementerian ini akan bersetuju dengan pendapat mereka sungguhpun merupakan akan membiayai belanja yang banyak, tetapi ini adalah memberikan kesan yang lebih tegas lagi bagi murid-murid itu mendapatkan pelajaran yang baik.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Perkara yang ketiga, ialah khutub-khanah. Didapati di mana-mana sekolah tidak begitu cukup kelengkapannya dan mengikut hitung panjang tidak sampai kepada \$2 pada tiap-tiap seorang murid. Khutub-khanah pada hari ini sudahlah menjadi satu asas kepada tiap-tiap sekolah untuk murid-murid dan telah menggalakkan mereka menggunakan khutub-khanah dan tidaklah seperti masa yang sudah-sudah bahawa khutub-khanah merupakan satu muzium buku-buku tetapi sekarang sudah menjadi kegunaan baik kepada mereka. Diharap akan dapat kajian dan pertimbangan oleh Kementerian.

Tuan Pengerusi, perkara yang lain ialah berkenaan dengan asrama. Masih ada lagi sekolah-sekolah menengah yang tidak mempunyai asrama dan mengikut dasar Kementerian pada hari ini ialah mengukur kepada perbantuan tempat duduk murid itu. Rasanya ada baiknya dijadikan satu dasar bahawa tiap-tiap sekolah menengah akan diadakan dengan asrama. Kegunaan asrama ini sebagaimana yang dimaklum banyak yang baik daripada yang tidak. Jadi, kehendak-kehendak orang ramai, khususnya ibu bapa iaitu asrama ini sudah menjadikan satu perkara essential yang diperlukan.

Perkara yang lain ialah berkenaan dengan rumah-rumah guru. Saya harap Kementerian akan menjadikan satu dasar yang tertentu terutamanya bagi kawasan luar bandar di mana guru-guru tidak dapat menyewa ataupun tidak ada rumah sewa yang sesuai untuk mereka duduk dan kalau ada pun jauh pula daripada rumah sekolah. Perkara ini pernah menjadi rungutan iaitu guru-guru datang lambat. Maka sudah menjadi kebiasaan manusia bahawa mereka perlukan bekalan elektrik, air dan sebagainya. Jadi institutional quarters bagi sekolah-sekolah luar bandar perlu dijadikan satu perkara yang mustahak supaya dapat ditimbang oleh Kementerian.

Tuan Pengerusi, perkara yang lain iaitu berkenaan dengan pertukaran guru-guru. Pada pendapat saya ada baiknya guru-guru ini tidak usah ditukarkan lekas supaya mereka itu dapat memerhatikan dan dapat follow-up pada murid-murid dalam sekolah itu, kalau sistem pertukaran dibuat setahun dua, maka akan mengambil masa pula bagi guru-guru yang baru membuat kajian dan sebagainya dan murid-murid yang menerima akibat buruknya.

Perkara yang akhir, Tuan Pengerusi, saya masih mendesak bagi kawasan saya meliputi tiga kawasan iaitu Sabak Bernam, Tanjong Karang dan Kuala Selangor supaya kelas Tingkatan VI diadakan bagi menyenangkan dan memberi kemudahan yang baik kepada pelajar-pelajar di sana dan tidaklah datang ke Kuala Lumpur ini atau ke Kelang yang jauh dari tempat mereka dan, melibatkan belanja yang banyak. Pernah telah diberi jawapan bahawasanya tidak sesuai pada keadaannya pada hari ini. Saya tidak dapat memahamkan bahawa satu Kelas Tingkatan VI bagi 3 kawasan yang begitu luas yang mempunyai lebih daripada 8 buah sekolah menengah kalau saya tidak silap, tidak boleh menampung kelas Tingkatan VI itu. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri membuat kajian dan memberikan pertimbangan dan kemudahan kepada murid-murid di kawasan saya itu.

6.50 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, dalam menyokong peruntukan pembangunan anggaran perbelanjaan Kementerian Pelajaran yang mana telah dipohon oleh Kementerian Pelajaran di bawah Kepala P. 23, saya ingin menyentuh Pecahan-kepala 1 dan 9. Pecahan-kepala 1, Kementerian Pelajaran telah membuat bangunan-bangunan sekolah yang begitu cantik sekali di semua negeri pada hari ini. Tetapi saya nampak pada hari ini bangunan-bangunan yang tersergam dan indah itu, maka peruntukan untuk membuat pagar-pagar sekolah itu tidak dimasukkan di dalam peruntukan membuat bangunan-bangunan sekolah itu sedangkan segala kambing, lembu kerbau pun masuk ke dalam sekolah itu, boleh merosakkan tanaman dan padang-padang di sekolah itu. Jadi, saya berharaplah pada pihak Kementerian yang berkenaan sekiranya mengadakan sekolah-sekolah baru hendaklah dibuat dengan

pagar sekali dan seelok-eloklah padang-padang permainan kalau didapati pada hari ini khasnya di kawasan saya banyak sekolah-sekolah boleh dikatakan padang-padang permainan, seperti padang-padang permainan bola dan sebagainya tidaklah begitu elok untuk digunakan untuk murid-murid buat belajar sukan hari ini, sedangkan Kementerian Pelajaran kita menggalakkan aktiviti-aktiviti anak-anak kita berbagai sukan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, menyentuh pula Pecahan-kepala 9 mengenai asrama. Saya berharap asrama-asrama ini hendaklah dibuat banyak di luar-luar bandar, kerana memandangkan murid-murid kita yang datang jauh daripada luar bandar kalau hendak mengadakan sport dan sebagainya dan hendak membuat aktiviti-aktiviti itu dan ini sedangkan pada sebelah petang kenaikan bas dan kereta pun tidak ada, jadi susah untuk murid-murid ini hendak berulang-alik berlatih bermain dan sebagainya. Sekiranya ada asrama-asrama ini dibuat di luar bandar, maka saya rasa bukan sahaja mereka ini dapat menyumbangkan tenaganya dalam aktiviti-aktiviti sukan dan sebagainya, mereka juga dapat menumpukan pelajaran-pelajarannya yang mana kita dapat lihat pada hari ini di sekolah-sekolah di dalam bandar yang mengadakan asrama-asrama itu murid-muridnya dengan ada discipline dan dapat pula mereka ini belajar malam dan sebagainya. Ini saya rasa sangat perlu jika Kementerian Pelajaran supaya membuat asrama-asrama di luar bandar hari ini supaya mendapat anak-anak kita dalam mata pelajaran ini meningkat tinggi seperti murid-murid di luar bandar pada hari ini.

Sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi, dan saya menyokong di atas peruntukan Kementerian Pelajaran.

6.55 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya menyentuh Pecahan-kepala 2—Pelajaran Menengah, Pecahan-kepala 6—Universiti Malaya, Pecahan-kepala 9—Asrama, Pecahan-kepala 15—Universiti Kebangsaan, Pecahan-kepala 16—Universiti Sains Malaysia, Pecahan-kepala 19—Universiti Teknologi Malaysia dan Pecahan-kepala 21—Institut Teknologi MARA.

Sebenarnya, saya tidak hendak mengambil bahagian dalam perbahasan ini, tetapi beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran tadi dalam perbahasan Kementerian Perusahaan Awam yang ada berkaitan dengan pelajaran, saya rasa sangat mustahak tidak boleh khasnya teguran-teguran Ahli Yang Berhormat dari Ledang tidak boleh dibiarkan tanpa disebut atau dicabar.

Tadi ada satu pengakuan daripada seorang Menteri Kerajaan, bukan seorang Menteri yang biasa, tetapi seorang Menteri, bekas Menteri Pelajaran yang berkata bahawa pelajar-pelajar bumiputra dalam tanahair kita tidak boleh dapat kelulusan peratus sangat tinggi tetapi apabila dihantar keluar negeri seperti di United Kingdom mereka boleh dapat kelulusan yang tinggi. Saya tidak tahu adakah ini sebagai satu fact tetapi daripada sebab-sebab yang diberikan ialah oleh kerana ada perubahan environment dan menyebabkan hasil yang dicapai ini. Saya rasa ini satu perkara yang sangat serious, oleh kerana sekiranya perkara ini benar, ini menunjukkan bahawa sistem pelajaran kita baik di peringkat rendah atau menengah atau universiti-universiti di mana hari ini kita akan membuat peruntukan berjuta-juta, berpuluh-puluh juta ringgit sudah gagal. Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri Pelajaran boleh memberi satu keterangan yang sempurna kenapa, adakah perkara ini berlaku, dan kenapa perkara ini berlaku dan apa tindakan pihak Kementerian Pelajaran telah ambil untuk membetulkan perkara ini.

Adakah maktab-maktab kita, institusi-institusi kita, sekolah-sekolah kita, kelas-kelas kita tidak boleh mengeluarkan pelajar-pelajar dengan mutu yang tinggi di mana mereka pergi ke luar negeri boleh dapat kejayaan. Ini menunjukkan satu defect yang terbesar dan lebih serious daripada itu ialah satu tuduhan yang ada dibuat tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Ledang bahawa di institusi-institusi tanahair kita ada berlaku racial discrimination di mana beliau berkata bahawa untuk pelajar-pelajar bumiputra ada berlaku racial discrimination. Itulah perkataan yang digunakan oleh beliau yang mengakibatkan kegagalan dalam peperiksaan dan di samping itu untuk lain-lain anak-anak, seperti kalau saya tak silap anak-anak bukan

bumiputra dididik dan diberi layanan yang keutamaan atau untuk didiskriminasikan anak-anak bumiputra.

Saya terperanjat ada tuduhan itu dibuat di Dewan yang mulia ini dan oleh kerana Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang merangkap sebagai Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di sini boleh memberi satu penjelasan yang terus terang adakah benar bahawa di institusi-institusi Tingkatan VI (Form VI) ada berlaku racial discrimination oleh pihak guru-guru atau pensyarah-pensyarah di mana pelajar-pelajar bukan bumiputra atau pelajar bumiputra dilayan sebagai anak tiri atau yang mengakibatkan peratus kegagalan begitu tinggi. Itu sangat serious oleh kerana jikalau kenyataan-kenyataan sebegini tidak diterangkan atau dicabar ini menunjukkan bahawa akan mengakibatkan satu suasana, satu perasaan yang tentulah tidak berfaedah untuk negara kita.

7.00 mlm.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau): Tuan Pengerusi, saya juga mengambil bahagian dalam menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Pelajaran, Kepala P. 23. Saya ingin menyentuh Pecahan-kepala 1 (a), 2 (a) dan 9.

Yang pertama mengenai pemindahan Sekolah Menengah Raja Tun Uda dan Sekolah Rendah (Inggeris) yang berhampiran dengan lapangan terbang. Pihak ibu-bapa di kawasan itu hari ini merasa susah hati benar sebab lapangan terbang Bayan Lepas yang dibesarkan itu boleh jadi tahun ini akan siap dan kapalterbang Boeing 747, Boeing 707 akan mendarat. Ini sudah tentu menjadi gangguan kepada pelajaran bagi murid-murid di dua buah sekolah ini. Jadi saya harap sangat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran akan menegerakan projek pembinaan semula atau pemindahan kedua-dua buah sekolah ini yang jumlah muridnya tidak kurang daripada 2,000 orang.

Yang kedua, ialah mengenai pembinaan tambahan sekolah Kebangsaan Telok Kumbar. Perkara ini sudah pun saya bercakap dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri pada masa lawatan beliau ke Pulau Pinang dan masalahnya di sini ialah bangunan tambahan sekolah Kebangsaan Telok Kumbar, Pulau

Pinang ini hendak dibuat oleh pihak J.K.R. di atas padang yang ada. Padang yang ada sebesar itu, dan bangunan yang hendak dibina itu di atas padang itu juga.

Tuan Pengerusi: Jadi tak ada padang.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ya, tak ada padang. Jadi, masalah di Pulau Pinang susah hendak dapat tanah. Harga tanah dikira dengan kaki. Ini masalah yang besar. Jadi berhampiran dengan sekolah disekelilingnya itu tadi dipenuhi oleh rumah-rumah orang. Kalaulah hendak diambil kawasan tanah yang berhampiran dengan sekolah ini akan melibatkan perbelanjaan yang besar. Kita terpaksa kena bayar saguhati dan kena cari pula tempat untuk menempatkan setingan-setingan yang kita pindahkan. Kita sudah cadangkan, pihak sekolah, pihak ibubapa, pihak lembaga pengurus sudahpun membuat satu pelan supaya pembinaan tambahan Sekolah Kebangsaan Telok Kumbar ini dibuat pada bangunan yang ada sekarang ini tetapi dibuat empat tingkat untuk menyelamatkan padang yang ada dan tidak melibatkan pengambilan tanah yang baharu. Itu perkara yang kedua.

Perkara yang ketiga, ialah mengenai asrama. Asrama di Sekolah Menengah Teknik Pulau Pinang. Asrama ini bukanlah untuk murid-murid di Pulau Pinang sahaja tetapi apa yang saya faham adalah juga diutukkan bagi murid-murid dari negeri-negeri sebelah utara: Perlis, Kedah, Perak Utara, juga daripada Kelantan. Apa yang hendak saya sentuh di sini ialah asrama bagi murid-murid perempuan tak ada. Mana-mana murid perempuan dihantar ke sana terpaksa kena menumpang di rumah-rumah keluarga, di rumah-rumah pegawai Kerajaan yang berhampiran. Ini sangat sedih dan perkara ini pihak Lembaga Pengurus meminta saya bercakap kepada Yang Berhormat Menteri, tolong kalau boleh kita adakan asrama untuk pelajar-pelajar perempuan.

Yang akhirnya, Tuan Pengerusi, ialah minta diadakan Tingkatan VI di kawasan Balek Pulau. Saya sudahpun berhubung dengan pihak Pengarah Pelajaran Negeri Pulau Pinang dan dalamnya mengatakan kalau hendak diadakan satu kelas cukup, sebab murid-murid di kawasan Balek Pulau yang pergi berulang alek sejauh 40 batu kalau kita tempatkan di Balek Pulau itu

mencukupi untuk sebuah kelas. Ini saya berharap sangat mengenai kelas ini, kalau boleh tahun depan kita adakan di kawasan Balek Pulau di salah sebuah sekolah menengah di sana.

7.06 mlm.

Tuan Lee Boon Peng (Mantin): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan kepada Kementerian Pelajaran dan saya menyentuh Pecahan-kepala 11.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada pemberian modal sebanyak \$200,000 bagi sekolah-sekolah yang bukan milik Kerajaan yang menerima bantuan penuh menjadi jumlah sebanyak \$1 juta bagi tahun 1976. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua pemberian modal selalu dibuat dalam lengkungan modal sebanyak lebih kurang \$1,500,000 setahun. Barangkali Menteri Pelajaran boleh menerangkan mengapa di bawah Rancangan Malaysia Ketiga pemberian modal tahunan bagi 1976 bagi sekolah-sekolah bukan milik Kerajaan yang menerima bantuan penuh sekarang adalah hanya sebanyak \$1 juta. Pemberian modal yang telah diberi di bawah Rancangan Malaysia Kedua bagi lima tahun yang lalu tidak mencukupi oleh sebab ada lebih kurang 700 sekolah-sekolah di dalam Malaysia. Sekolah-sekolah bukan milik Kerajaan China dan Tamil yang menerima bantuan dalam kawasan saya terutama dalam kawasan-kawasan luar bandar dan dalam kampung-kampung baru telah selalu dalam keadaan yang rosak dan tidak mendapat jagaan yang sempurna oleh Jabatan Pelajaran dan dalam banyak kes-kes bangunan-bangunan lama dan rosak dan setengah-setengahnya berumur 30 hingga 40 tahun telah dijadikan bilik darjah dan hingga hari ini Kerajaan tidak mengambil langkah supaya membina bilik-bilik darjah yang baharu. Setengah-setengah sekolah ini tidak mempunyai kemudahan sanitary dan kantin dibina atas kayu-kayu papan yang buruk sahaja. Adalah senang nampak setengah-setengah sekolah yang mempunyai bumbung, bila hujan boleh masuk air. Kami percaya bahawa perkara ini akan disiasat dan diperbaiki. Pemberian modal tahunan bagi sekolah-sekolah bukan milik Kerajaan yang menerima bantuan penuh patut diberi sekurang-kurangnya \$3 juta setahun, kerana di bawah Rancangan Malaysia Kedua

banyak sekolah-sekolah itu tidaklah diperbesar dan tidak diperbaiki. Sungguhpun adalah kehendak-kehendak cemas yang meminta satu expansion dan pembaikkan kerana bilangan kanak-kanak telah bertambah semenjak 1971.

Semua syllabus sekolah-sekolah bukan milik Kerajaan yang menerima bantuan penuh mengikut dasar pelajaran nasional. Sekolah-sekolah itu menyumbangkan sebanyak 50% bagi semua projek-projek tetapi mereka telah dibiarkan oleh Kerajaan.

7.18 mlm.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Pengerusi, di dalam Pecahan-kepala 7, muka surat 44, suka saya menyentuh iaitu jaan hanya memperuntukkan sebanyak \$10 juta telah diperuntukan bagi tahun 1976. Dewasa ini negara kita sedang menghadapi kekurangan guru-guru sains dan ilmu hisab terutamanya sekolah-sekolah menengah luar bandar. Di sini di dalam Pecahan-kepala 7 (a) iaitu pembinaan dan pengambilan tanah. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$9,500,000. Saya ucapkan terima kasih di atas peruntukan ini. Walau bagaimanapun perlaksanaannya hendaklah kita percepatkan dan janganlah lagi ditunggu-tunggu ke Rancangan Malaysia Keempat pula.

Di dalam bahagian (b) kelengkapan, Kerajaan hanya memperuntukkan sebanyak \$500,000 sahaja. Perkara ini sungguh ganjil. Adakah menasabah wang sejumlah \$500,000 ini kita peruntukan kepada semua Pusat Latihan Guru-guru untuk kelengkapan mereka di negara kita ini. Sedangkan di masa ini kebanyakan Pusat Latihan Guru di negara kita ini tidak begitu lengkap.

Tuan Pengerusi, berbalik saya kepada Pecahan-kepala 8 iaitu rumah-rumah guru di luar bandar. Masih terdapat lagi guru-guru sekolah di negara kita ini terutamanya di luar bandar. Guru-guru menyewa rumah yang jauhnya daripada sekolah tempat mereka mengajar. Adapun rumah-rumah guru yang masih ada pada masa ini di luar bandar adalah rumah-rumah guru semasa penjajah dahulu. Rumah-rumah guru ini sudah tidak sesuai lagi. Suka saya mencadangkan di sini pihak Kementerian Pelajaran dapat mengeluarkan satu arahan agar semua guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah di negara kita ini hendaklah tinggal berhampiran dengan sekolah-sekolah tempat

mereka mengajar. Perkara ini adalah untuk kebaikan kepada ibu-bapa dan murid-murid mengadukan hal pada bila-bila masa.

Tuan Pengerusi, di dalam muka surat 46, Pecahan-kepala 22 iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka. Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka di dalam Kementerian Pelajaran ini amatlah mustahak, terutamanya ialah buku-buku yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka semenjak kebelakangan ini rakyat kita sudah gemar membaca. Malangnya harga buku-buku yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka amat mahal dan lagi tidak banyak buku-buku yang benar-benar asli yang boleh kita banggakan. Saya harap pada masa yang akan datang ini Dewan Bahasa dan Pustaka hendaklah mengeluarkan buku-buku bacaan umum yang berharga murah dan bermutu untuk kanak-kanak. Buku-buku rujukan untuk peringkat pengajian tinggi dalam Bahasa Malaysia patutlah diperbanyakkan.

Tuan Pengerusi, di dalam muka surat 45, Pecahan-kepala 9. Izinkan saya bercakap sedikit berkenaan dengan asrama. Di kawasan saya ada sebuah sekolah menengah nama tersebut ialah Sekolah Menengah Datuk Abdul Rahman Yaakub, Kota Parit. Penuntut-penuntut yang ada di sekolah ini seramai 2,750 orang. Kebanyakan anak-anak sekolah ini pada setiap hari menaiki basikal ke sekolah. Jauhnya perjalanan anak-anak sekolah ini ialah lima batu atau sepuluh batu daripada rumah ke sekolah. Sudah berapa kali pihak sekolah ini memohon kepada pihak Kementerian Pelajaran agar sebuah asrama didirikan di kawasan sekolah ini, namun begitu pihak Kementerian mendiamkan diri sehingga hari ini. Sekolah ini tidak mempunyai Dewan. Segala kemudahan bagi sekolah ini tidak lengkap, boleh jadi kali ini tidak begitu dipedulikan adalah disebabkan sekolah ini terletak di luar bandar. Seringkali Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran menyatakan di dalam Dewan ini bahawa sekolah-sekolah di luar bandar akan diberi kemudahan-kemudahan seperti juga di bandar-bandar. Apa yang saya harapkan agar sebuah asrama dan sebuah dewan akan didirikan di sekolah ini secepat mungkin.

7.04 mlm.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan beberapa perkara yang berkaitan dengan Anggaran Tambahan bagi Kementerian Pelajaran.

Saya telah meneliti semua teguran-teguran yang telah dibuat dan saya dapati bahawa hampir semua Ahli-ahli bersetuju dengan semua peruntukan yang diadakan. Tetapi mereka cuma mendesak supaya lebih banyak peruntukan diadakan. Lebih banyak peruntukan untuk semua jenis perkhidmatan yang boleh diberi oleh Kementerian Pelajaran termasuklah menambah asrama, menambah sekolah, menambah bilik darjah, menambah rumah guru, menambah peruntukan bagi guru, menambah kelas tingkatan enam, mengurangkan harga buku dan sebagainya.

Masalah yang kita hadapi bukanlah masalah Kerajaan tidak mahu melayan apa yang dituntut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Masalah yang dihadapi ialah kita ada wang sekian banyak sahaja yang perlu dibahagi-bahagikan secara yang adil. Kalau kita hendak bahagikan secara yang adil, bermakna akan ada mereka yang akan menerima dan akan ada mereka yang tidak menerima.

Umpamanya, seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat supaya semua sekolah-sekolah diberi pagar di kelilingnya maka bermakna saya terpaksa kurangkan perbelanjaan untuk peruntukan-peruntukan yang lain. Saya telah menimbangkan perkara ini dan dalam lawatan saya di seluruh negara, saya dapati masih ada sekolah-sekolah yang ditempatkan di dalam bangunan bangsal yang didirikan sebelum perang. Ada sebuah sekolah yang diadakan di dalam sebuah estate, yang mana dapurnya dijadikan kelas; ada setengah-setengah sekolah tidak ada tingkap sama sekali. Kalau hujan, maka air hujan masuk dalam kelas dan kalau panas matahari bercahaya di papan hitam sehingga budak-budak tidak dapat membaca apa yang tertulis di papan hitam.

Begitu juga keadaan di setengah-setengah sekolah ini amatlah buruk dan saya perlu menentukan yang mana patut diutamakan, sebab itulah kita terpaksa menyalurkan wang

ini kepada tempat-tempat yang dianggap yang lebih penting oleh saya. Samada pelajaran anak-anak kita di kampung ini lebih penting ataupun kemasukan kambing untuk makan tanam-tanaman dalam kawasan sekolah itu lebih penting, itu sama-samalah kita berfikir.

Cadangan bahawa kita patut memberi buku teks percuma yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang; saya ingin menyebutkan di sini bahawa ini akan melibatkan perbelanjaan tidak kurang daripada \$62 juta pada setahun sedangkan sistem yang kita amalkan sekarang ini cuma memaksa perbelanjaan sebanyak \$11 juta pada setahun. Sekali lagi peruntukan itu adalah sekian banyak dan kalau kita hendak memberi buku ini maka terpaksa kita mengurangkan perbelanjaan untuk yang lain. Yang manakah hendak dikurangkan?

Saya berharap kalau Ahli Yang Berhormat dapat sama-sama dengan saya menyatakan kepada mereka yang patut dikurangkan belanja ini supaya mereka menerima, saya sanggup memberi apa juga yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat, tetapi nampak tentulah sukar kalau saya hendak berbuat demikian. Begitu juga berkenaan dengan asrama. Kita juga hendak dirikan asrama tetapi memakan masa sedikit. Bukan kita tidak mendirikan asrama tetapi bilangan asrama itu tidak mencukupi. Sebab itu kita perlu menunggu giliran. Bukan tidak hendak buat tetapi perlu menunggu giliran, kerana tidak mungkin saya mengadakan asrama ini serentak di seluruh negara kita mengikut kehendak Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga kehendak rakyat dalam negara kita ini.

Tentang mengadakan asrama di luar bandar, ini juga kita akan adakan. Tetapi kalau ditujukan untuk murid-murid yang belasan tahun di sekolah rendah, ini menimbulkan satu masalah iaitu ibubapa tidak ingin dipisahkan daripada anak-anak mereka. Sebab itu kalau diadakan asrama mestilah kita tentukan bahawa murid-murid akan tinggal di asrama itu.

Beberapa cadangan dibuat berkenaan mengadakan bilik darjah Tingkatan VI. Kita memang menambah Tingkatan VI ini di merata-rata tempat tetapi walaupun kita tambah, saya percaya setiap kali saya datang ke Dewan ini desakan untuk mengadakan tambahan Tingkatan VI ini akan

disuarakan juga oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya perlu menjelaskan di sini iaitu untuk menambah Tingkatan VI ini bukan semata-mata bergantung kepada bilangan murid. Kita mungkin ada murid yang cukup untuk satu darjah tetapi untuk mengadakan Tingkatan VI kita perlu mengadakan guru yang mencukupi. Bukan seorang guru bagi satu darjah. Walaupun kita ada cuma 30 orang murid, kita perlu adakan guru-guru yang boleh mengajar khusus dalam mata pelajaran itu. Dan guru-guru yang seperti ini tidaklah mudah didapati. Dan oleh kerana itu kita perlu menumpukan Tingkatan VI kepada di beberapa pusat. Saya percaya sungguhpun ini menyukarkan sedikit murid-murid daripada Tanjong Karang dan lain-lain tempat, tetapi mereka dapat pergi ke Kelas Tingkatan VI. Yang menjadi masalah bukan tidak ada kelas, tetapi kelas itu jauh. Untuk meringankan beban mereka maka patut kita membawa kelas ini ke tempat yang lebih berdekatan memanglah satu perkara yang baik. Tetapi kita menghadapi masalah kekurangan guru, kekurangan wang ringgit dan sebagainya. Walau bagaimanapun, semua ini adalah dalam pertimbangan pihak Kementerian dan apabila kita dapat menentukan bahawa kita perlu mengadakan kelas-kelas ini, kita akan mengadakannya.

Berkenaan dengan harga buku Dewan Bahasa, ini juga ditentukan mengikut harga yang berpatutan. Sekarang ini saya dapati bahawa harga itu tidaklah begitu tinggi, jika dibandingkan dengan harga buku-buku yang lain. Element subsidi memang ada di dalam Dewan Bahasa dan Pustaka ini yang mana pembiayaannya datang daripada Kerajaan.

Berkenaan dengan rumah guru. Kita suka jika boleh diadakan rumah guru seberapa banyak yang boleh, tetapi sekali lagi masalah peruntukan yang tidak mencukupi timbul dan ada juga kes-kes yang mana kalau kita mengadakan rumah guru, guru sendiri tidak ingin tinggal di rumah itu, kerana katanya kelasnya tidak sama ataupun rumah-rumah itu berada di tempat yang jauh daripada bandar-bandar. Ada juga setengah yang mencadangkan supaya rumah-rumah guru ini dibina dalam bandar-bandar yang besar dan mereka dapat pergi mengajar di sekolah-sekolah yang terpencil tadi dengan motokar yang mereka punyai. Kalau ini diperbuat oleh Kerajaan maka masalah mileage dan sebagainya akan timbul. Jadi

oleh kerana itu kita tidak dapat melayankan terlalu banyak tuntutan yang semacam itu. Juga kalau guru itu sudah naik pangkat dan grednya sudah lebih sedikit, maka rumah yang lama itu tidak lagi sesuai dan dia hendak rumah yang sejajar dengan pangkatnya dan ini tidak mudah diadakan oleh pihak Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah berkata bahawa sebabnya yang kita menghantar murid-murid kita keluar negeri ialah dengan kerana sistem pelajaran kita gagal. Saya tidak bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat, kerana kalau kita buat perbandingan, antara sistem pelajaran di waktu kita dijajah dengan sistem pelajaran selepas kita dijajah daripada segi quantity atau quality, kita akan dapati bahawa kita telah mencapai satu kejayaan yang luar biasa. Kalau kita buat perbandingan juga di antara negara kita yang merdeka selama 19 tahun dengan negara-negara yang lain yang merdeka dalam jangka masa yang agak sama ataupun jauh lebih dahulu daripada kita, kita akan dapati bahawa sistem pelajaran kita berjaya mengeluarkan lebih banyak orang-orang yang terpelajar daripada negara-negara yang lain. Ini saya kata bukan oleh kerana ingin membanggakan dengan kejayaan yang kita telah capai, tetapi ini adalah satu kenyataan. Dan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak harus memperkecil-kecilkan kejayaan yang telah dicapai oleh negara kita ini.

Kalau kita menghantar penuntut-penuntut keluar negeri, ini ialah oleh kerana biasanya perbelanjaan bagi negara adalah jauh lebih murah kalau kita menghantar penuntut-penuntut keluar negeri daripada kita mengadakan tempat pelajaran sendiri, khususnya bagi jurusan-jurusan yang tidak mempunyai banyak pelajar-pelajar. Umpamanya, kalau kita ingin mempelajari dalam bidang yang specialise yang mana mungkin penuntutnya tidak begitu banyak, kalau kita hendak mengadakan jurusan itu di dalam negara kita ini, maka perbelanjaan akan meningkat dengan begitu tinggi sehingga tidak menjadi ekonomik. Dengan sebab itu adalah lebih baik kalau kita menghantar anak-anak kita ke negara-negara yang lain di mana kursus ini dapat diikuti dengan perbelanjaan yang jauh lebih murah. Inilah sebabnya terdapat begitu banyak penuntut-penuntut kita di luar negeri. Universiti-universiti kita juga masih

berkembang tetapi perbelanjaan untuk mengadakan universiti sendiri per head of student adalah jauh lebih tinggi daripada perbelanjaan untuk menghantar penuntut-penuntut kita ke negara-negara asing. Dengan sebab itu amalan menghantar penuntut Malaysia ke negara-negara asing akan diteruskan walaupun kita menambahkan universiti-universiti di dalam negara kita ini. Harus kita ingat di dalam jangka masa cuma lima tahun, kita telah menambah universiti di dalam negara kita daripada satu kepada lima. Tetapi walaupun sudah ditambah 500% lebih daripada dahulu maka sungutan ini masih juga timbul.

Berkenaan dengan soal samada ada racial discrimination di dalam universiti-universiti di dalam negara kita ini, ini tidaklah mudah diperkatakan oleh sesiapa. Saya sedar bahawa banyak tuduhan-tuduhan yang semacam ini yang dibuat dan tidak dapat kita menentukan samada tuduhan ini berasas atau tidak. Saya sendiri tidak dapat menemui bukti bahawa perkara ini berlaku dengan sengajanya, mungkin ada perkara-perkara yang tidak disengajakan berlaku, tetapi satu daripada kenyataan yang terpaksa kita terima ialah kadangkala terjadi yang mana penuntut-penuntut kita yang gagal di institusi di dalam negara kita telah mendapat kejayaan yang cukup baik apabila menuntut pelajaran di negeri-negeri yang asing. Ini menimbulkan bermacam-macam soalan. Tetapi saya ingin menyatakan di sini iaitu saya sendiri tidak dapat bukti yang menunjukkan bahawa diskriminasi secara sengaja dilakukan di dalam universiti-universiti dalam negara kita.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$47,506,970 untuk Kepala P. 23 dan \$7,029,000 untuk Kepala P. 24 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1976.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita berbalik semula mengikut susunan yang ada iaitu Kepala P. 32 Kementerian Kesihatan. Dijemput Yang Berhormat Menteri mengemukakan anggaran Kementeriaannya.

Kepala P. 32—

7.29 mlm.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengemukakan Anggaran Pembangunan (Tambahan) bagi Kementerian saya di bawah Kepala P. 32—Kementerian Kesihatan berjumlah \$140 bagi tahun 1976.

Kementerian saya tidak memohon untuk mendapatkan peruntukan yang lebih dalam Anggaran Pembangunan (Tambahan) bagi tahun 1976 ini oleh kerana peruntukan yang diberi dalam anggaran sementara (interim budget) dijangka cukup untuk menampung kos projek-projek yang dijalankan dalam tahun ini. Jumlah \$140 yang dipohon ini adalah terdiri daripada peruntukan tanda (token vote) sebanyak \$10 bagi tiap-tiap 14 pecahan-kepala di bawah Kementerian seperti berikut:

Pecahan-kepala (iii)	1	Pemberian kepada Universiti Malaya bagi Faculty Clinical Department. Peruntukan adalah dipohon untuk menjelaskan pembayaran bagi kerja-kerja pembinaan dan peralatan bagi Fakulti Pergigian di Universiti Malaya yang masih belum diselesaikan.
Pecahan-kepala (xxv)	4	Hospital Daerah Sik.
Pecahan-kepala (xxvi)	4	Hospital Daerah Yen.
Pecahan-kepala (xxxvii)	4	Hospital Daerah Selama.
Pecahan-kepala (xxviii)	4	Hospital Desa Sungai Siput.
Pecahan-kepala (xxix)	4	Hospital Daerah Sabak Bernam.
Pecahan-kepala (xxii)	4	Hospital Daerah Pasir Puteh.
Pecahan-kepala (xxxiii)	4	Hospital Daerah Tumpat.

Projek-projek ini telah dicadangkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan Kementerian saya bercadang hendak mengambil tindakan awal untuk membeli tanah bagi projek-projek ini dalam tahun 1976.

Peruntukan tanda juga dipohon bagi 6 pecahan-kepala seperti berikut untuk membolehkan Kementerian saya memindahkan peruntukan kepada pecahan-kepala-pecahan-kepala ini:

Pecahan-kepala (xxx)	4	Hospital Daerah Kulai.
----------------------	---	------------------------

Pecahan-kepala (xxi)	4	Hospital Daerah Kuala Berang.
----------------------	---	-------------------------------

2 Pecahan-kepala bagi negeri Sarawak

Pecahan-kepala (iv)	34	Hospital Miri Sarawak.
Pecahan-kepala	39	Perkhidmatan Makmal Sarawak.

2 Projek bagi negeri Sabah

Pecahan-kepala	59	Perkhidmatan Farmasi dan Setor Perubatan Sabah.
Pecahan-kepala	60	Perkhidmatan Pergigian Sabah.

Sebagaimana yang telah saya katakan tadi, peruntukan keseluruhannya di bawah Kepala 32 Kementerian Kesihatan tidak ditambah bagi tahun 1976. Pecahan-pecahan-kepala yang saya sebutkan tadi telah saya adakan dengan tujuan untuk membolehkan Kementerian saya membuat pemindahan peruntukan kepada pecahan-kepala-pecahan-kepala tersebut untuk melaksanakan berbagai-bagai projek pembangunan sebagaimana yang telah saya terangkan.

Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan Anggaran Pembangunan (Tambahan) 1976 bagi Kementerian saya di bawah Kepala P. 32 berjumlah \$140 untuk kelulusan.

7.34 mlm.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya bercadang membawa satu usul pindaan bahawa perbelanjaan dalam Kepala P. 32 dikurangkan sebanyak \$10. Saya mencadangkan usul di bawah Kepala P. 32 oleh kerana perkara yang saya akan sebut ada melibatkan beberapa Pecahan-kepala 3 dan Pecahan-kepala 4 dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, semasa Persidangan Parlimen yang lalu pada 14hb Januari, 1974, saya ada memberitahu Dewan ini bahawa dalam tempoh 21hb Julai hingga 20hb Ogos, 1973, pesakit-pesakit di Hospital Besar Melaka telah meninggal dunia secara besar-besaran kerana peracunan darah dan saline yang diakibatkan oleh kerosakan mesyen autoclave atau sterilisation plant. Dalam tempoh sebulan itu terdapat 106 kes kematian walaupun kadar kematian purata bulanan ialah 70; ini bermakna terdapat 36 kes kematian yang berkelebihan. Rakyat Malaysia dari semua kaum, orang-orang Melayu, China dan India, telah menjadi

mangsa kerana kecuaihan dan pentadbiran kurang cekap (maladministration) pihak Hospital Besar Melaka.

Walaupun saya telah menyeru, merayu supaya diadakan satu Suruhanjaya Siasatan Umum, Menteri yang berkenaan, yang pada awalnya telah menafikan terdapat sebarang kaitan di antara kematian secara besar-besaran itu dengan kerosakan autoclave telah menubuhkan satu (Departmental Inquiry) yang tertutup kepada orang ramai dan keluarga-keluarga si mati tidak dipanggil untuk memberi keterangan walaupun Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah berjanji kepada saya beliau akan membuat demikian ketika saya menemui beliau di Kementeriannya.

Pada 15hb Januari, 1974, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah berkata beliau akan menimbang untuk mengeluarkan Laporan Jawatankuasa Siasatan ke dalam kematian secara besar-besaran di Hospital Besar Melaka tahun 1973 tetapi malangnya setakat ini kita tidak mendengar apa-apa pun tentang Laporan tersebut.

Menteri yang berkenaan kemudian telah merujuk perkara tersebut kepada pihak Peguam Negara untuk tindakan sewajarnya, tetapi apa yang berlaku selepas itu ialah hanya satu inquest Koroner ke atas kematian salah seorang mangsa, Vaithalingam. Koroner Melaka dalam keputusannya pada 8hb Mei, 1975 telah mengatakan:

(Dengan izin) "From the list of deaths for the month of August 1973, it could be seen that there were 13 deaths as a result of heart and circulatory diseases (which includes renal failure). This is a rather abnormal number of deaths. There was no culture done at random to ensure that all intravenous fluids and A.C.D. solutions prepared was actually safe to be used, even though it was a notorious fact that this should be done. Further, there were facilities to do so, but still not made use of. All the above indicates to my mind one factor only, i.e. lack of proper supervision and proper judgments by the administrative staffs. As such I have to force myself to draw the following conclusion:

Cause of death—Septicaemia.

Verdict: (i) Negligence by the administrative staff of the Malacca General Hospital.

(ii) Liability Open."

Walaupun, Koroner Mahkamah itu telah berkata dalam keputusannya bahawa "liability"nya terbuka (open) mungkin atas alasan bahawa beliau tidak dapat menentukan liability atas mana-mana pegawai atau kakitangan tertentu Hospital Besar Melaka, beliau sangat terang dalam keputusannya yang mana beliau memutuskan bahawa kematian Vaithalingam adalah disebabkan oleh "Negligence by the administrative staff of the Malacca General Hospital." Adakah lagi keputusan yang lebih terang dan nyata daripada ini yang mana Hospital Besar Melaka mesti bertanggungjawab kerana kecuaihan dan kematian Vaithalingam yang tidak perlu berlaku sama sekali?

Saya mencadangkan usul memotong anggaran ini untuk mencatitkan perasaan melampau tidak puas hati dan ketidaksukaan terhadap cara yang paling tidak bertanggungjawab Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam hal beliau membawa dirinya bersangkut dengan kematian peracunan darah yang telah berlaku di Hospital Melaka dalam bulan Julai/Ogos 1973.

Dalam ucapan beliau di mesyuarat perwakilan tahunan Konvensyen M.C.A. Negeri Selangor yang diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur pada hari Ahad, 25hb Julai, beliau ada berkata:

"Jika kita mempunyai satu birokrasi yang berkeras yang terasing dan tidak sensitif kepada keperluan dan aspirasi rakyat, kita tidak akan berjaya dalam rancangan-rancangan kita."

Menteri Kesihatan adalah serupa yang tidak mempraktikkan apa yang dilaungkan, tetapi mempraktikkan apa yang mereka menyeru orang-orang lain supaya jangan mempraktik.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan adalah Menteri yang amat hardened.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Pengerusi on a point of order.

Tuan Pengerusi: Sila duduk.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 67B perenggan 7 mengenai cadangan pindaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota

Melaka itu tidak mengikut Peraturan Majlis Mesyuarat yang tersebut. Peraturan tersebut berkehendakkan Ahli Yang Berhormat itu menentukan apa dia bahagian Kepala perbelanjaan dan butir perbelanjaan yang hendak dikurangkan perbelanjaannya itu, tetapi Ahli Yang Berhormat itu hanya menyebutkan sebahagian kepada perbelanjaan dan tidak menyebutkan butir perbelanjaan sebagaimana yang dikehendaki.

Tuan Pengerusi, oleh yang demikian, saya mencadangkan cadangan pindaan Ahli Yang Berhormat itu haruslah ditolak.

Tuan Pengerusi: 67B.

Tuan Lim Kit Siang: 67B?

Tan Sri Lee Siok Yew: Perenggan (7).

Tuan Lim Kit Siang: Standing Order 67 (7) (b) reads "If no time shall have been allotted by Tuan Yang di-Pertua for all or any of the heads the Chairman may allot a maximum time." Apa sangkut-pautnya?

Tuan Pengerusi: 67B itu tidak bersangkut-paut Yang Berhormat! 67 (7) itukah Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Standing Order itu lama atau baru?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Pengerusi, maaf barangkali saya silap.

Tuan Pengerusi: Standing Order 67 bersangkut dengan peraturan membahaskan Supplementary Supply Bill! Nanti saya semak dulu. Mungkin Yang Berhormat Menteri merujuk kepada Standing Order yang ada sekarang yang kita telah gantung. 67B adalah Standing Order yang lama. Peraturan yang kita buat sekarang ini ialah:

"Amendments, of which at least two clear days' notice shall be required, may be moved to the motion mentioned in paragraph (5) to omit any sub-head or item or to add at the end of the motion "subject to a reduction of \$" specifying the sub-head and item (if any) to which the reduction relates."

Tuan Lim Kit Siang: May I refer to paragraph 6 (i). "When the question mentioned in paragraph (5) has been proposed, the

Minister in charge of the head concerned may speak in support of the head, and thereafter:

(i) if notice has been given of amendments to the head" which means an amendment can be given to a head, not necessarily a sub-head. Otherwise there is something wrong with the Standing Order that we have just passed.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Pengerusi, apa keputusan saya terpulanglah balik kepada Tuan Pengerusi sendiri.

Tuan Pengerusi: Menurut Peraturan itu "such amendments shall be disposed of in accordance with paragraphs (7) and (8);" Paragraph (7) says, "Amendments of which at least two days' clear notice shall be required"—that has been done—"may be moved to the motion mentioned in paragraph (5)—that means the paragraph Yang Berhormat sebut tadi—to omit any sub-head or item or to add at the end of the motion subject to a reduction of \$ specifying the sub-head and item (if any) to which the reduction relates."

Tuan Lim Kit Siang: The fact is that paragraph (7) should be read with paragraph (6) and it is specified "to omit any sub-head or item." Now, an item can be a head. In view of the fact that in paragraph 6 (i) there is a reference to a head, it must be read without making 6 (i) ridiculous or meaningless. So I suggest that the point of order proposed by the Minister of Health is not valid; otherwise paragraph 6 (i) would become ridiculous.

Tuan Pengerusi: No, I consider that paragraph 6 (i) must be read together with the rest, which says "in accordance with paragraphs (7) and (8)." I have already read paragraph (7). Now, paragraph (8) says:

"When several amendments are proposed in respect of the same head, sub-head or item, an amendment seeking a reduction to the smallest sum"—that does not apply. So

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, before you make a ruling, can I again draw your attention to rule (8)—"When several amendments are proposed in respect of the

sama head” which means that amendments can be proposed to a head, to a sub-head or to an item, and my proposal is to a head which is covered by 6 (i).

Tuan Pengerusi: It says: “When several amendments are proposed in respect of the same head, sub-head or item, an amendment seeking a reduction to the smallest sum shall be first proposed”

Tuan Lim Kit Siang: That means an amendment can be proposed to a head which is strengthened by 6 (i) and (8).

Tuan Pengerusi: No, that is the main head, but you have got to refer to which particular sub-head. That is my understanding of the new rule we have adopted the other day, and I so rule. Anyhow, you have already made your speech, you just sort of gulung your speech.

Tuan Lim Kit Siang: Saya menuduh Menteri Kesihatan kerana gagal dalam tanggungjawab untuk menyiasat dengan menyeluruh sebab-sebab dan keadaan-keadaan yang mengakibatkan kematian secara besar-besaran di Hospital Besar Melaka pada tahun 1973 dan juga kerana tidak memberi satu lapuran awam yang penuh kepada orang ramai.

Saya menuduh Menteri Kesihatan kerana percubaan beliau hendak menyembunyikan sebab-sebab dan keadaan-keadaan yang mengakibatkan kematian secara besar-besaran pada tahun 1973 di Hospital Besar Melaka akibat peracunan darah dengan harapan bahawa orang ramai akan melupakan peristiwa tersebut dengan berlalunya masa (passage of time).

Saya menuduh Menteri Kesihatan kerana kekurangan perasaan keperimanusiaan terhadap keluarga-keluarga dan tanggungan-tanggungan yang telah hilang anggota keluarga mereka yang dikasihi akibat kecuai dan kurang cekap pentadbiran pihak hospital Besar Melaka dan juga kerana . . .

Tuan Pengerusi: That is enough.

Tuan Lim Kit Siang: I have not finished.

Tuan Pengerusi: That is enough.

Tuan Lim Kit Siang: How can I introduce my motion when I have not finished it?

Tuan Pengerusi: You have introduced your motion before when you started your speech. You have made your speech and we find now that your motion to amend the original motion is out of order because you did not mention any particular item or pecahan-kepala. I allowed you just to finish your speech and that is all now. That is my ruling.

Tuan Lim Kit Siang: May I make a clarification? Am I speaking now on the motion or I am speaking on the amendment?

Tuan Pengerusi: Amendment.

Tuan Lim Kit Siang: I am speaking on the amendment.

Tuan Pengerusi: So that is finished now. I rule that the amendment is out of order in accordance with the rule that we have before us now.

Tuan Lim Kit Siang: I understand, is it true, Tuan Pengerusi, that when amendments are submitted, that they will be vetted by Tuan Yang di-Pertua himself? You have allowed it. So how can you unrule yourself?

Tuan Pengerusi: No, I do not say that I have allowed it. The particular garisan panduan which I have distributed to Members was sent around for Members to have a look-see and so on, and I was not made aware of this particular one by my officers.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, is this a garisan panduan or is it the amended Standing Orders?

Tuan Pengerusi: It is part and parcel of the garisan panduan for the House to debate this particular item because we suspended the Standing Orders.

Tuan Lim Kit Siang: Is it part of the Standing Orders?

Tuan Pengerusi: It is part of the Standing Orders as we agreed the other day.

Tuan Lim Kit Siang: So it is part of the Standing Orders; it is not the garisan panduan. It is just Standing Orders.

Tuan Pengerusi: Ya. So you are out of order.

Tuan Lim Kit Siang: In that case, can I proceed on the Development Estimates?

Tuan Pengerusi: You can speak on the Development Estimates.

Tuan Lim Kit Siang: Then I will speak on the Anggaran Pembangunan.

Tuan Pengerusi: And you have got to refer to the particular item of the Anggaran Pembangunan under which you are speaking.

Tuan Lim Kit Siang: Hospitals—3 and 4.

Tuan Pengerusi: Item?

Tuan Lim Kit Siang: 3 and 4.

Tuan Pengerusi: Pecahan-kepala 3 and 4.

Tuan Lim Kit Siang: Adalah tidak berguna untuk Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyalahkan Peguam Negara kerana Peguam Negara bukanlah Ketua Kementerian Kesihatan. Orang ramai mahu mengetahui hakikat sepenuhnya, dan mereka berhak mengetahui hakikat yang sepenuhnya tentang kematian secara besar-besaran yang telah berlaku pada tahun 1973 di Hospital Besar Melaka.

Saya hendak tahu samada Menteri berkenaan, walaupun lambat, akan mengeluarkan laporan siasatan jabatan yang diadakan ke dalam kematian-kematian tersebut dan samada beliau akan mengadakan satu penyiasatan umum ke atas kematian-kematian yang telah berlaku pada tahun 1973 kerana adalah lebih elok jika siasatan umum diadakan lambat daripada tidak langsung diadakan.

Apa yang kita perlu ialah satu siasatan umum seperti siasatan umum yang dijalankan sekarang ke dalam kematian bayi secara besar-besaran di Hospital Besar Melaka. Yang Berhormat Menteri Kesihatan sering suka membangga-banggakan bahawa beliau tidak mahu menyembunyi sesuatu tetapi beliau selalunya menyembunyikan kecuaiian dan kurang cekap pentadbiran hospital-hospital yang di bawah jagaan beliau daripada pandangan orang ramai. Saya berharap Menteri berkenaan tidak akan merujuk kepada penyiasatan ke dalam kematian bayi tahun 1975 sebagai satu contoh supaya melencongkan perhatian daripada perkara yang dibangkitkan oleh saya di dalam usul

saya ini, kerana saya tidak suka memberitahu sebab-sebab yang telah mengakibatkan penubuhan Suruhanjaya di Raja ke dalam kematian bayi-bayi pada tahun 1975. Satu penyiasatan penuh umum menerangkan terhadap apa yang sebenarnya

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tan Sri Lee Siok Yew: On a point of order.

Tuan Pengerusi: Sabar! (*Kepada Tuan Lim Kit Siang*) Bila sebut on a point of order, Yang Berhormat sila duduk dahulu.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Pengerusi, penyiasatan.

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order nombor berapa?

Tuan Pengerusi: Saya hendak dengar dahulu.

Tan Sri Lee Siok Yew: Penyiasatan yang sedang dijalankan itu adalah tanggungjawab Royal Commission of Inquiry. Jadi, sekiranya Yang Berhormat ada menyebut tentang penyiasatan yang sedang dijalankan oleh Royal Commission of Inquiry itu barangkali ini adalah satu perkara yang boleh mendatangkan prejudice, dan influence Ahli-ahli Royal Commission of Inquiry.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya tidak sebut mengenai apa yang berlaku, malangnya Yang Berhormat Menteri tidak faham. Saya tahu bukan prejudice—*sub judice*. Saya tidak menyebutkan perkara itu setakat ini.

Tuan Pengerusi: Sabar-sabar! Standing Orders mengatakan sesuatu Committee atau Commission yang belum dilaporkan laporannya kepada Dewan ini tidak boleh dibincangkan halnya. Jadi, sekarang perhatian saya ditarik oleh Yang Berhormat Menteri bahawa Commission itu sedang berjalan, dengan sebab itu Yang Berhormat janganlah sentuh kerjanya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak menyebut mengenai hal itu tetapi saya ada berkata bahawa ada satu penubuhan, itu contoh baik, itu sahaja. Itu bukan *sub judice*.

Tuan Pengerusi: Bukan fasal *sub judice* sahaja tetapi tidak boleh bertentangan dengan Peraturan Mesyuarat ini.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu Standing Orders, dia sendiri tidak tahu.

Tuan Pengerusi: Baiklah, jangan sambung lagi cakapan itu.

Tan Sri Lee Siok Yew: Yang Berhormat itu cuma mengambil opportunity untuk buat cheap publicity sahaja.

Tuan Pengerusi: Itu semua tahulah. (Ketawa). Sila teruskan. (Kepada Tuan Lim Kit Siang). Cakap yang lainlah.

Tuan Lim Kit Siang: Sub-head 3 dan 4.

Tuan Pengerusi: Sub-head 3 dan 4, teruskan!

Tuan Lim Kit Siang: Sistem di hospital umum itu pada keseluruhannya masih bergelumang dengan ketidak-cekapan, pentadbiran yang salah dan kecuaiannya dan ini semua adalah disebabkan oleh dasar Menteri yang berkenaan untuk menyembunyikan kematian secara besar-besaran akibat

Tuan Pengerusi: Kesah ini juga lagi?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, tidak ada hasilnya daripada tahun 1973, tidak ada apa-apa berlaku, dia menyembunyikan sebab itu

Tuan Pengerusi: Sekarang sudah ada Commission.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan itu, itu lain. Tuan Pengerusi, ada dua perkara yang pertama Kematian bayi-bayi itu Commission telah ditubuhkan tetapi blood poisoning—106 orang telah mati, tidak ada Commission ditubuhkan, itulah yang saya sebutkan.

Tuan Pengerusi: Ini sudah berapa kali disebutkan, saya dengar.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, tetapi tidak ada apa-apa hasil sebab itu dia bertanggung-jawab. Saya mahu Dewan tahu. Saya sebutkan hal itu di Parlimen ini dahulu.

Tuan Pengerusi: Perkara Pecahan-kepala 3, ini Membaiki Hospital (Improvement to Hospitals), bangunannya.

Tuan Lim Kit Siang: Improvement to Hospitals and Hospital-hospital Baru. Apa guna improvement to hospitals dan hospital baharu di mana orang masuk hospital mati (Ketawa).

Tuan Pengerusi: Sedikit-sedikit sentuh bolehlah tetapi tak usahlah banyak sangat. Ini perkara bangunan. Jangan sambung lagi yang itu, yang lainlah pula.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, lain perkara, banyak lain perkara. Kita tidak akan mendapat satu penukaran penuh di dalam sistem hospital kecuali jika tindakan diambil terhadap kecuaiannya, pentadbiran yang salah, sikap acuh tak acuh yang wujud dan ini patutlah dibuat dengan bantuan publisiti yang penuh.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan patutlah tampil ke hadapan dalam kempen sumpama ini yang bertujuan untuk menamatkan kecuaiannya, pentadbiran yang salah dan sikap acuh tak acuh yang wujud sekarang di hospital-hospital umum, tetapi sebaliknya, kita lihat Menteri Kesihatan menjadi ketua jurucakap dan pembela kecuaiannya dan salah pentadbirannya.

Ini telahpun dicerminkan di dalam kes seorang gadis berumur 11 tahun bernama Mariah binti Mat Rejab dari Kangar yang telah meninggal dunia di Hospital Besar Pulau Pinang pada bulan Jun yang lalu kerana beliau ditransfusedkan dengan air garam (intravenous saline) yang salah. Bagaimanakah perkara seperti ini berlaku? Mengapa siasatan ke dalam kematian ini baru dimulakan setelah saya mengemukakan soalan mengenainya di Dewan ini? Adakah kemungkinan kematian gadis ini akan disembunyikan jika saya tidak membangkitkan perkara ini?

Saya baru sahaja telah menerima satu aduan baru mengenai satu lagi kematian.

Kes ini melibatkan keluarga seorang kakitangan Hospital Besar Pulau Pinang, Puan Panjalai a/p Marathamuthu, 38 tahun isteri kepada Encik Sinnatamby a/l Krishnan Nair, seorang attenden di yunit bersalin, Hospital Besar Pulau Pinang, yang tinggal di Blok A 82 (tingkat 4) di Kuarters Hospital, di Jalan Western, Pulau Pinang.

Puan Panjalai telah mengidap sakit pulmonary tuberculosis (T.B.) untuk beberapa

tahun dan telah menerima rawatan bulanan di Hospital Besar Pulau Pinang.

Pada 17-7-1976 pada pukul 5 petang, beliau telah mendapati sukar hendak bernafas (breathlessness). Suami beliau telah meminta anak saudaranya, Ragu, umur 13 tahun, seorang pelajar di Tingkatan Satu memanggil ambulan. Ambulan sampai pada pukul 5.20 petang dengan hanya seorang attenden. Pembantu Hospital yang pada kebiasaannya mengikut ambulan itu tidak datang bersama. Atenden yang berkenaan telah turut bersama sehingga ke tingkat ketiga sahaja dan telah pulang ke hospital dengan tidak membawa pesakit tersebut kerana beliau tidak naik ke tingkat empat.

Suami Puan Panjalai telah meminta jirannya yang juga seorang attenden supaya memanggil ambulan tetapi jiran tersebut telah gagal mendapatkan ambulan. Puan Panjalai telah meninggal dunia pada pukul 5.45 petang.

Jika kecuaihan dan sikap acuh tak acuh seumpama ini boleh berlaku terhadap seorang anggota keluarga kakitangan hospital, kita dapatlah membayangkan apakah akan sikap sebahagian kakitangan hospital terhadap orang ramai.

Saya akan memberi satu lagi contoh. Pada 21-6-1976, Encik Mariappan s/o Vellamy, umur 50 tahun, telah dirawat di Hospital Besar Kampar pada pukul 8.00 malam kerana sakit perut yang teruk. Tidak seorang doktor pun datang untuk memeriksa pesakit tersebut yang pada masa itu sedang menangis akibat kesakitan. Beliau diberi pil untuk mengurangkan sakitnya (pain-killer tablets) dan juga sedatives tetapi ini tidak memberhentikan sakit beliau ataupun mengakibatkan beliau tidor.

Seorang kakitangan hospital yang telah meradang dengan pesakit itu kerana membuat bising telah memukul beliau. Sekurang-kurang tiga percubaan telah dibuat untuk berhubung dengan pegawai perubatan yang bertugas, tetapi dengan sia-sia sahaja.

Orang tua itu tidak tidor malam itu dan telah teriak dengan kesakitan.

Pada hari keesokannya, seorang doktor yang memeriksa Mariappan mendapati keadaan beliau adalah mencemaskan dan mengarah supaya beliau dipindahkan dengan

serta-merta ke Hospital Besar Ipoh. Saya difahamkan rekod-rekod mengenai pesakit ini di Hospital Kampar telah diubah untuk menunjukkan bahawa beliau dimasukkan pada 22-6-1976 jam 7.45 pagi dan bukan pada 21-6-1976 pada jam 8 malam. Doktor di Hospital Kampar telah mendapati Mariappan mengidap sakit P.G.U. (Perforated Gastric Ulcer).

Sebaik sahaja Mariappan sampai di Hospital Besar Ipoh beliau telah dirawat dan telah meninggal dunia pada malam itu juga.

Berapakah bilangan kematian-kematian yang diakibatkan oleh kekejaman dan kecuaihan telah berlaku di hospital-hospital kita di seluruh negara? Saya difahamkan di Hospital Besar Pulau Pinang, selepas saya membangkitkan kes gadis Melayu yang berumur 11 tahun yang telah meninggal dunia akibat ditransfusekan air garam (saline) yang salah, terdapat sekarang atau "witch-hunt" untuk memastikan bagaimana saya berjaya mendapatkan maklumat-maklumat berkenaan kes tersebut.

Tuan Pengerusi, adakah "witch-hunt" ini lebih penting daripada usaha memberhentikan kematian-kematian yang tidak perlu ini akibat kecuaihan.

Inilah yang sangat mustahak oleh kerana tidak guna ada hospital-hospital baharu atau extension-extension di mana pesakit-pesakit pergi untuk dirawat mati oleh kerana kecuaihan-kecuaihan dan kerana tidak ada pimpinan yang tegas dan pimpinan yang baik yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

8.00 mlm.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Pengerusi, ini memanglah satu contoh yang kita ketahui daripada Ahli Yang Berhormat Kota Melaka sentiasa menuduh rancangan-rancangan Kerajaan Barisan Nasional yang baik dan berfaedah untuk rakyat tidak berguna langsung. Beliau barangkali akan mengatakan Parlimen ini tidak sesuai untuk beliau sendiri, akan tetapi beliau cuma satu orang sahaja menerima privilege dengan sistem demokrasi yang dijalankan oleh negara kita untuk faedah persendirian beliau.

Tuan Pengerusi, apa yang saya suka sebutkan di Dewan ini, ialah Ahli Yang Berhormat sebagai seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Melaka dengan mendapat elaun sebulan \$1,000 begitu juga menggunakan privilege Ahli Parlimen menerima elaunnya \$1,500 begitu juga sebagai Ketua Pembangkang mendapat elaun juga \$1,000 serta juga mendapat \$150 untuk transport. Elaun-elaun yang diberi kepada beliau berjumlah \$3,650. Ini semuanya tidak dibayar hasil cukai pendapatan ataupun diberi kecualian cukai kepada beliau. Beliau cuma satu orang sahaja orang khas yang mendapat hasil-hasil yang baik daripada Dewan yang mulia ini oleh kerana dengan menggunakan kelemahan-kelemahan sistem demokrasi. Beliau juga menggunakan Dewan ini menuduh Menteri-menteri Kerajaan dengan Dasar Demokrasi atau Parliamentary System untuk mencapai publicity beliau sendiri. Soalan-soalan yang dibangkitkan oleh beliau itu Kerajaan tidak teragak-agak jikalau ada apa-apa bukti kecuaiian, maka satu siasatan akan diambil oleh pegawai-pegawai Kementerian saya yang bertanggungjawab yang berkenaan dan itu dan diambil tindakan tata-tertib. Ini telahpun dijalankan dari semasa ke semasa. Apa-apa tuduhan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu memanglah satu tuduhan yang biasa. Saya cuma memberi sedikit pandangan saya sendiri mengikut apakah kejayaan yang Kementerian saya telah dicapai.

Bilangan kumpulan yang menerima dari Biro Pengaduan Awam dari sejak tahun 1972 semakin kurang bilangannya seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan tuduhan diterima oleh Biro Pengaduan Awam</i>
1972 (pada masa itu saya mengambil alih sebagai Menteri Kesihatan di Kementerian itu)	108 orang
1973	101 „
1974	51 „
1975	77 „
1976 (hingga 29-7-76)	29 „

Tuan Pengerusi, adalah memandangkan bahawa rakyat jelata telah mempunyai keyakinan yang penuh dengan perkhidmatan-perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang telah disediakan oleh Kementerian Kesihatan.

Kementerian saya banyak menerima surat-surat ucapan terima kasih dan penghargaan dari orang ramai atas perkhidmatan-perkhidmatan perubatan dan rawatan-rawatan yang baik diberi kepada mereka di hospital-hospital di sini. Mereka ini termasuklah duta-duta negeri asing dan orang-orang yang bukan warganegara.

Tuan Pengerusi, yang keduanya saya suka sebut sedikit di sini segala projek-projek kesihatan yang telah dijalankan oleh Kementerian saya di negeri ini telahpun dihargai oleh negara-negara jiran tetangga dan negara-negara ini mengkaji dan mengikut jejak langkah rancangan-rancangan yang telah dijalankan oleh negara kita. Selain daripada itu pula Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah juga menghargai dan menyokong rancangan-rancangan kesihatan di negeri kita dan mereka telah beberapa kali memilih negara ini sebagai sebuah pusat latihan serta organis seminar-seminar mengenai kesihatan bagi kawasan Asia daripada semasa ke semasa. Saya telah diberitahu oleh pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang mereka akan mengadakan School of Tropical Medicine Study di Pusat Pendidikan perubatan tidak lama lagi. Kita juga berbangga bahawa negara kita telah dipilih sebagai tempat mesyuarat yang pertama bagi Menteri-menteri Kesihatan Asean dalam tahun 1972.

Di sini juga saya suka memaklumkan bahawa dengan perkembangan-perkembangan di dalam segi kesihatan-kesihatan perubatan dan hospital-hospital dan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan di luar bandar dan perkhidmatan pergigian yang diberi kepada rakyat jelaslah menunjukkan perbelanjaannya telah meningkat daripada satu tahun ke satu tahun. Tuan Pengerusi sendiri sedia maklum, jadi di sini saya tidak mahu mengambil masa panjang untuk menjawab satu point ke satu point yang sudah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka oleh kerana kita sudah faham fikiran beliau. Dengan itulah Kementerian saya telah menyiapkan sebuah Psychiatric Unit di Hospital Besar Melaka mengadakan 12 buah katil untuk mengalukan Ahli Yang Berhormat itu masuk ke Psychiatric Unit di Melaka itu untuk memberi rawatan perubatan psychiatric.

Tuan Lim Kit Siang: Psychiatric Unit untuk Yang Berhormat Menteri tetapi jangan datang, nanti mati di sana.

Tuan Pengerusi: Jangan ganggu!

Tan Sri Lee Siok Yew: Psychiatric Unit telah disiapkan dan saya akan memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu bila masuk ke hospital yunit kaji jiwa akan memberikan rawatan perubatan dengan percuma, tidak payah bayar apa-apa saya akan menjamin kepada beliau. Saya percaya satu hari kelak beliau akan masuk ke situ (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, inilah sahaja jawapan saya dengan ringkasnya. Sekali lagi saya sebagai Menteri yang bertanggungjawab dan bertanggungjawab di antara Menteri-menteri di sini serta juga rakyat jelata dan kita akan melihat pada satu hari beliau tidak boleh bercakap dengan suara yang besar seperti apa yang dicakapkan pada Dewan ini.

Tuan Pengerusi: Ini rawatan percuma.

Tan Sri Lee Siok Yew: Saya percaya rakyat akan membuat satu keputusan pada satu hari yang akan datang kelak.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$140 untuk Kepala P. 32 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1976.

Kepala P. 34, P. 35, P. 38 dan P. 39—

8.10 mlm.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Pengerusi, bagi pihak Yang Berhormat Menteri saya mengusulkan Anggaran Pembangunan Tahun 1976 di bawah Kepala P. 34, P. 35, P. 38 dan P. 39 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada jadual.

Kepala P. 34—Polis Di Raja Malaysia—

Peruntukan tambahan yang diperlukan di bawah Kepala P. 34 ini bagi tahun 1976 ialah sebanyak \$81,414,234 dan butir-butirnya adalah seperti berikut:

Pecahan-kepala 1 ...	Balai-balai Polis dan rumah-rumah kediaman berjumlah \$27,078,668.
Pecahan-kepala 2 ...	Bangunan-bangunan pentadbiran berjumlah \$2,592,804.
Pecahan-kepala 3 ...	Pasukan Polis Anjing berjumlah \$142,762.

Pecahan-kepala 11 ...	Lanci-lanci Polis (bot-bot Polis) berjumlah \$7,000,000.
Pecahan-kepala 12 ...	Alat-alat perhubungan radio berjumlah \$5,600,000.
Pecahan-kepala 13 ...	Senjatapi dan peluru berjumlah \$17,000,000.
Pecahan-kepala 14 ...	Kenderaan berjumlah \$22,000,000.

Daripada peruntukan-peruntukan yang disebutkan tadi adalah nyata bahawa keutamaan adalah diberi pada persoalan perumahan bagi anggota-anggota Polis dan kenderaan serta bekalan senjatapi dan peluru.

Kepala P. 35—Jabatan Imigresen—

Tambahan yang dipohon bagi tahun 1976 ialah sebanyak \$1,335,980. Sebahagian besar daripada peruntukan tambahan ini ialah untuk membina projek-projek di rumah-rumah kediaman kakitangan Jabatan Imigresen. Pegawai-pegawai Imigresen adalah mustahak tinggal berhampiran dengan pos-pos Imigresen kerana dapat mengadakan pemeriksaan dan kawalan yang sempurna lebih-lebih lagi di pos-pos itu berada di kawasan-kawasan terpencil. Detail-detailnya adalah seperti berikut:

PK 1 ...	Perumahan kakitangan sejumlah \$1,197,000.
PK 2 ...	Lanci-lanci (bot-bot) berjumlah \$89,990.
PK 11 ...	Tanah-tanah pejabat di Sarawak berjumlah \$48,990.

Kepala P. 38—Jabatan Penjara—

Tambahan sebanyak \$200,040 diperlukan untuk memenuhi kehendak-kehendak mengikut Pecahan-pecahan Kepala:

Pecahan-kepala 3 ...	Tempat tahanan perlindungan \$10;
Pecahan-kepala 5 ...	Kenderaan \$10;
Pecahan-kepala 6 ...	Senjatapi \$10;
Pecahan-kepala 16 ...	Bangunan-bangunan penjara di Sarawak \$200,000; dan
Pecahan-kepala 22 ...	Rumah kakitangan di Sabah \$10.

Kepala P. 39—Jabatan Orang Asli—berjumlah \$1,199,000.

Detail-detailnya adalah seperti berikut:

Pecahan-kepala 1 ...	Projek ekonomi \$84,000;
Pecahan-kepala 2 ...	Perkhidmatan-perkhidmatan sosial \$1,115,000.

Kedua-dua Pecahan-kepala ini ialah untuk mengadakan projek-projek sosial dan ekonomi untuk memajukan lagi cara hidup orang asli. Projek-projek jangka panjang seperti rancangan tanah, ternakan, perusahaan-perusahaan kecil adalah diutamakan. Kemudahan-kemudahan sosial seperti pembinaan sekolah, asrama, kemudahan-kemudahan perubatan dan kesihatan serta perkampungan orang asli dalam kawasan pendalaman akan diteruskan. Hasrat Kerajaan ialah hendak mewujudkan satu masa depan yang cerah kepada masyarakat asli. Dengan sambutan kepada projek-projek yang sedang berjalan sekarang maka Kerajaan berazam hendak menggiatkan lagi projek-projek kemajuan itu. Dengan adanya kemudahan-kemudahan sosial dan ekonomi ini maka dapatlah orang-orang asli menjalankan proses perpaduan sosial antara orang-orang asli dengan rakyat lain dan dengan kemajuan seperti itu maka adalah diharapkan bahawa proses integrasi dapat dipercepatkan dalam konteks masyarakat adil.

Tuan Pengerusi, sekian sahaja dan saya mengusulkan Anggaran Pembangunan 1976 di bawah Kepala P. 34, P. 35, P. 38 dan P. 39 yang berjumlah \$84,149,254 menjadi sebahagian daripada jadual.

8.15 mlm.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong permohonan yang diminta oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi Kementerianya.

Saya ingin menyentuh berkenaan Kepala Pembangunan 34, Pecahan-kepala 1 iaitu Balai-balai Polis dan Rumah-rumah Kediaman. Saya suka memaklumkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di dalam kawasan Matang ada sebuah Balai Polis yang sudahpun dibuat lebih daripada setahun dahulu yang sudah siap lebih kurang satu pertiga terbengkalai sehingga sekarang. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri mengambil perhatian berat oleh kerana balai itu terletak di tepi jalanraya di antara Ipoh dengan Pulau Pinang dan sesiapa pun yang lalu akan melihat keadaan ini hairan melihatnya kerana dindingnya ada tetapi tidak ada bumbung. Ini menyebabkan menjadi kegelisahan khasnya bagi saya yang duduk di kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, yang kedua berkenaan dengan kawasan Balai-balai Polis. Misalnya, ada di kawasan saya sendiri sebuah kampung yang berhampiran dengan pondok Polis lebihkurang $1\frac{1}{2}$ batu tetapi penduduk di kampung tersebut berada di kawasan Balai Polis yang dia terpaksa apabila hendak ke Balai Polis, terpaksa bertolak enam batu melalui pondok Polis tersebut. Ini kerana kawasan yang ada misalnya, di kawasan Matang ini tidak dikaji semula bagaimana kemudahan penduduk hendak ke Balai-balai Polis mengikut keadaan sekarang. Misalnya, penduduk-penduduk yang ada di kawasan Matang Gelugor berhampiran dengan Pondok Polis Matang tetapi penduduk di sini terpaksa pergi ke Balai Polis Changkat Jering yang sejauh enam batu kerana mengadu dan begitu juga Ketua Balai Polis ini apabila hendak menghadiri mesyuarat, melawat dan sebagainya terpaksa pula melalui Pondok Polis Matang ke Matang Gelugor. Ini sebagai satu contoh dan banyak lagi perkara sebegini ada di dalam kawasan Matang sendiri. Saya telah bercakap dengan pihak yang berkenaan supaya mengkaji semula kedudukan ini supaya ada kemudahan rakyat berjumpa dengan Polis dan ada kemudahan pula pihak Polis berjumpa dengan rakyat dengan mudah sekali.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu berkenaan dengan Polis Hutan. Polis Hutan ini di dalam negeri Perak sendiri hanya ada satu kem yang besar. Jadi, eloklah dan sampai masanya Polis Hutan ini mengadakan kem cara kecil-kecilan di kawasan-kawasan yang tertentu supaya dapat Polis-polis Hutan ini bersama-sama dengan Polis-polis yang lain membantu rakyat di dalam hal menjaga keamanan negara khasnya di negeri Perak sendiri bagi keadaan seperti sekarang ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Parit. Lepas itu Yang Berhormat dari Hilir Perak dan lepas itu saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

8.19 mlm.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Pengerusi, di dalam Kepala Pembangunan 39 Jabatan Hal Ehwal Orang Asli izinkan saya menyentuh Pecahan-kepala 1 dan 2.

Di dalam kawasan pilihanraya saya iaitu Parit terdapat ramai orang asli yang tinggal di sini. Walaupun peruntukan diadakan dari

tahun ke setahun namun begitu pihak orang asli yang berada di kawasan saya tidak dapat menikmati segala peruntukan yang ada. Saya harap pihak Kementerian berkenaan dapat mengatasi segala kesulitan yang dihadapi oleh mereka. Nasib mereka yang malang ini hendaklah kita baiki dan kita aturkan agar mereka itu dapat hidup sempurna sepertimana kita juga. Bekalan air dan api hendaklah kita salurkan ke kampung-kampung mereka dan jalanraya hendaklah dibina secepat mungkin untuk penduduk-penduduk orang asli di kawasan pilihanraya saya pada masa ini. Segala penerangan yang cukup hendaklah kita sampaikan kepada mereka agar mereka benar-benar tahu segala rancangan Kerajaan. Sesudah itu segala perlaksanaannya hendaklah disegerakan. Saya berharap pihak Jabatan Orang Asli ini jangan hanya memandang ke daerah Gombak, Kuala Lumpur ini sahaja, bahkan kita ada ramai lagi orang-orang asli di seluruh tanahair kita ini. Penghidupan mereka di dalam hutan itu hendaklah kita ubahsuaikan kepada cara hidup berkampung halaman dan seterusnya. Kemudahan Pusat Kesihatan Kecil hendaklah kita dirikan pada tiap-tiap kampung orang asli di tanahair kita ini. Saya harap pihak Jabatan Orang Asli ini dapat menimbangkan segala syur yang saya sampaikan ke dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat Hilir Perak yang akhir.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan untuk Kementerian yang berkenaan P. 34, Pecahan-kepala 1, Balai-balai Polis dan Rumah-rumah Kediaman. Apa yang menjadi kesangsian kepada saya ialah tentang keselamatan kedudukan rumah-rumah yang dibina di dalam Jabatan Polis ini. Kebanyakan ada dua tiga tempat yang telah saya lihat rumah-rumah kediaman polis ini di tepi dengan jalanraya. Jadi kalau kita menaiki kenderaan atau naik bas kita boleh nampak apa yang berlaku di dalam rumah pegawai polis itu. Jadi, pegawai perancang itu tidak memikirkan apakah akan jadi sekiranya ada yang tidak bertanggungjawab ataupun orang-orang nakal sekurang-kurangnya membalingkan telur ayam busuk, apatah lagi kalau dilemparkan

bom yang meletup itu. Jadi tentulah mengakibatkan keadaan yang tidak sihat kepada keluarga anggota polis. Saya berharap sangatlah kepada Jabatan yang berkenaan kalau hendak membina rumah pada masa-masa yang akan datang ketengahkannya sedikit ataupun dekatkan benar-benar dengan balai atau pondok polis. Apa yang agak menyedihkan Ketua Balai Polis ini mencari zing-zing buruk dan diletakkan di dinding ini. Kalau Yang Berhormat Menteri hendak pergi tengok bolehlah saya bawa kepada Balai Polis Hutan Melintang satu daripadanya dan satu lagi akan siap binaannya di Balai Polis Labu Kubong. Walaupun kedudukan Labu Kubong kawasan orang Melayu yang belum lagi membangun tetapi ada kemungkinan satu masa di tempat ini boleh jadi besar dan yang seronok pula itu jalan itu sebelah atas balai itu di bawah. Jadi bumbung itu paras dengan jalanraya. Jadi kalau beginilah keadaan mereka ataupun yang merancang itu patutlah diberus balik supaya fikirkan bangunan itu dan fikirkan keselamatan, sebab Pegawai Keselamatan ini memang orang yang menjaga keselamatan. Jadi kalau orang yang menjaga keselamatan tidak selamat, bagaimanakah keadaan kampung atau pekan itu akan selamat.

Yang kedua, apa yang disebutkan oleh sahabat saya dari Matang tadi, perkhidmatan polis ini terlalu besar sangat kawasan-nya. Bolehlah saya contohkan, Balai Polis Labu Kubong hendak mengambil laporan yang berlaku di Changkat Pinggan terpaksa melalui satu daripada Balai Polis Kampung Gajah, kemudian satu lagi Balai Polis Tanjung Tualang. Jadi di manakah pandangan pegawai yang mengaturkan itu. Jadi saya rasa patutlah dikaji semula tentang tugas polis itu, bukan mereka tidak mahu bertugas, saya akui dan saya ucapkan tahniah mereka ini bertugas tanpa kira masa, tetapi biarlah dengan keadaan yang boleh termampu dengan mereka.

Yang ketiga, saya ingin sentuh berkenaan dengan pentadbiran yang agak berlawanan sedikit. Katalah, seorang mati di kampung sebelah Tebing Sungai Perak, kawasan saya itu, meninggal di satu kampung, katalah, Kampung Pasir Salak, dia terpaksa melapurkan kematian ini ke Balai Polis Kg. Gajah, bagi pengesahan pula terpaksa pergi jumpa dengan Pondok Polis di Selat Pulau. Apalah salahnya di satu-tempatkan sahaja. Katalah,

laporan kematian itu ke Balai atau ke Pondok Polis di Selat Pulau yang dia ini sah sahaja bahawa ini kematian dan boleh perintahkan tanam. Jadi, kalau ada kematian mereka ini akan menyeberang pergi ke Balai Polis Kg. Gajah dan kena menyeberang pula pergi ke Pondok Polis baru. Jadi, saya rasa patutlah disesuaikan di mana-mana yang perlu dan kalau kurang pula Pondok Polis, pada pandangan saya ini patutlah ditambah menjadi dua orang dan jangan seorang sahaja. Kalau tidak seorang ini balik kita susah sedikit. Kalau anak atau isteri dia sakit dia terpaksa meninggalkan pondok polis dan terpaksa keluar. Kalau orang datang hendak mengadu hal, mengadu di rumah kosong. Apalah erti perkhidmatan yang kita letak itu yang tidak sesuai. Jadi, saya rasa patut sangatlah pihak pentadbiran ini mengkaji semula supaya tiap-tiap Pondok Polis di kampung-kampung yang terpencil itu diletakkan dua orang. Ertinya kalau mereka ini hendak bercakap pun adalah kawan bercakap sesama anggota polis, walaupun mereka ini ada bercampur-gaul beramah mesra dengan penduduk-penduduk tempatan yang boleh memberikan perkhidmatan dan membantu polis ini dari semasa ke semasa, tetapi saya rasa patut tiap-tiap pondok polis di kampung itu dua orang. Seorang pergi ke bandar seorang boleh menunggu dan menerima laporan. Jadi, itulah sahaja pandangan yang saya sampaikan.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih atas sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap peruntukan ini dan juga ucapan terima kasih atas kata-kata pujian kepada Pasukan Polis. Saya yakin dan percaya kata-kata penghargaan itu akan dapat meninggalkan lagi semangat Pasukan Polis kita dalam menjalankan tugas. Ada dua, tiga perkara yang disebutkan tadi iaitu soal jarak polis station boleh menyusahkan orang mengadu hal barangkali ini soal rumit tempatan dan saya akan siasat perkara ini dan akan ambil beberapa tindakan. Saya sendiri pun tidak tahu tempat-tempat di situ, tinggal lagi bolehlah kita siasat supaya dapat melicinkan kerana tujuan kita mengadakan balai-balai polis ini ialah untuk member khidmat kepada rakyat.

Kepada Wakil dari Matang tadi tentang balai polis dan rumah terbenkakai, kita akan tengok perkara ini kalau perlu kita ambil tindakan.

Ada dua tiga Ahli Yang Berhormat menyentuh soal balai polis dan rumah polis ini, maka suka saya hendak menyebutkan sudah menjadi dasar Kementerian ini untuk mengadakan dan memperbaharui balai-balai polis di merata-rata tempat dengan mengadakan rumah-rumahnya sekali. Telahpun ditetapkan oleh Kementerian ini dan oleh Yang Berhormat Menteri rank and file ini kita berkehendakkan 100% ada rumah di tempat mereka bertugas memandangkan kerja-kerja mereka yang begitu rupa, tetapi maklum masalaah ini masalaah besar dan jumlah polis kita pun ramai, setakat ini hanya dapat kita selesai lebih kurang 64% sahaja. Kita harap pada penghujung Rancangan Malaysia Ketiga ini antara 78% ke 80% dapat kita berikan rumah-rumah kepada mereka ini dan juga kepada pegawai-pegawai. Jadi, kita hendak memberi mereka tempat tinggal dan jumlah peratus ini mungkin akan turun juga berikutan dari pengambilan polis kita dalam masa lima tahun yang akan datang yang jumlahnya lebih kurang kita hendak ambil 22,000. Ini juga akan menimbulkan kerumitan perumahan. Walau bagaimanapun, sudah menjadi dasar supaya tiap-tiap tempat rank and file itu diberi quarters atau tempat tinggal supaya membolehkan mereka itu selesai dengan kehidupan mereka.

Berkaitan dengan soal berkehendakkan satu balai polis diadakan sekurang-kurangnya dua, masalaah yang besar hari ini ialah kekurangan kakitangan kita dan seperti yang saya sebutkan tadi rancangan untuk mengambil jumlah polis ini sudahpun diluluskan oleh Kerajaan. Pengambilannya kenalah mengambil masa sedikit dan kita harap apabila pengambilan ini selesai dapatlah kita memberikan mengikut hasrat Kerajaan meletakkan seberapa ramai yang boleh ahli-ahli polis di satu-satu tempat. Kekuatan kita bertambah berat kerana banyaknya rancangan-rancangan pembangunan yang berlaku di seluruh negara kita dan semuanya ini memerlukan perlindungan daripada keselamatan iaitu daripada pihak polis.

Berkenaan dengan Polis Hutan memanglah juga menjadi dasar Kementerian ini mengadakan kem di merata-rata tempat apabila didapati kawasan-kawasan itu strategik dan perlu. Misalnya, sekarang kita sedang membina di beberapa tempat di samping mengadakan kompeni dia kita mengadakan forward basenya untuk polis hutan ini

sepertilah juga yang dikehendaki oleh Yang Berhormat itu iaitu diletakkan mereka ini di merata-rata tempat supaya memberi perlindungan dan keselamatan kepada rakyat dan juga kepada penduduk-penduduk di situ.

Satu lagi perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak ialah berkenaan dengan keselamatan rumah-rumah polis dibina dekat jalanraya. Kita pun menyedari problem ini. Dalam pembinaan rumah-rumah polis ataupun bangunan-bangunan yang lain masaalah yang besar ialah hendak mendapatkan tanah yang sesuai. Inilah problem yang besar sekali kadang-kadang kita pun atas rahim satu-satu pihak untuk memberi tanah. Tidak dapat kita membeli tanah itu mengikut hasrat kita dan apa yang diperolehi diberi oleh pihak yang berkuasa kadang-kadang itulah yang kita beli, kemungkinan berlaku bangunan itu dibina di tepi jalan seperti yang dikatakan tadi. Walau bagaimanapun di pihak kita tiap-tiap polis station itu kita ada pagar yang sesuai dan juga barangkali pembalangan telor itu mungkin tak kena kerana bangunan polis yang baru ini kita buat flat yang tingginya tiga empat tingkat. Walau bagaimanapun, suka saya hendak memberi jaminan keselamatan mereka itu adalah sentiasa dekat kepada hati kita.

Akhirnya, soal Orang Asli yang dibangkitkan oleh Wakil dari Parit tadi, berkehendakan semua Orang Asli dibawa cara hidup baru mengikut keadaan masa pada hari ini. Sudah menjadi dasar Kementerian ini hendak membina, kalau boleh memberikan satu masa depan yang baik seperti yang saya sebutkan tadi kepada Orang Asli yang berjumlah lebih 60,000 ini. Maka itulah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini peruntukan kepada Orang Asli lebih dibandingkan dengan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini Kerajaan telah menguntukkan sebanyak \$21 juta dibandingkan dengan Rancangan Malaysia Kedua yang lebih separuh rendah daripada itu dan tujuan yang besarnya ialah untuk memberi satu pembelaan kepada mereka ini dan cuba menjinakkan mereka dengan memberhentikan cara hidup mereka dalam hutan supaya hidup di kawasan yang berhampiran dengan masyarakat yang dekat dengan mereka lebih-lebih lagi dalam kawasan-kawasan orang Melayu. Seperti yang saya

sebutkan tujuannya ialah memberi penghidupan baru daripada penghidupan yang bertaburan dalam hutan kepada penghidupan perkampungan seperti contoh satu kampung dalam Port Kemar di Hulu Perak satu contoh kampung yang baik, penderas di Pahang dan juga satu lagi kampung akan dibina dekat Kema juga iaitu Air Ganda. Kedua-dua Kampung Port Kemar dan Air Ganda ini ialah sebagai menghimpun orang-orang Asli ditimpa oleh air akibat Ampangan Temenggong. Inilah contoh kampung yang boleh kita contohi dan inilah juga kampung-kampung orang Asli yang dibina di masa akan datang cukup dengan facilities bukan sahaja jalanraya tetapi juga cukup dengan kampung halaman, tempat ternakan, tempat tanaman dan juga sekolah, kerana kita hendak membawa mereka ini beri rawatan-rawatan moden dan persekolahan-persekolahan dan kita bersyukur pada hari ini sudah ada anak-anak orang Asli yang menduduki peringkat universiti di Kuala Lumpur dan ada juga yang kita hantarkan ke seberang laut. Inilah hasrat kita dan saya yakin dan percaya dengan usaha kita bersama, tetapi yang penting bagi kita ialah orang-orang yang sudah civilised ini orang kita Melayu khasnya, kalau dapat menghampiri mereka ini. Kita tahu mereka ini ada perasaan complex, mereka berasa yang mereka itu ketinggalan dan kalau kita prejudice dengan dia maka bertambah susah kita hendak membawa mereka keluar. Itulah yang diseru oleh Kerajaan kita supaya bagi pihak orang asli kita usaha dan bina standard cara hidupnya dan bagi kita yang di luar ini menghampiri mereka supaya dapat kita cepatkan integrasikan itu dan dibawa mereka ini bertemaddun seperti yang kita ada.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$81,414,234 untuk Kepala P. 34, \$1,335,980 untuk Kepala P. 35, \$200,040 untuk Kepala P. 38 dan \$1,199,000 untuk Kepala P. 39 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1976.

Kepala P. 40, P. 41 dan P. 42—

8.39 mlm.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Pengerusi, saya mohon izin bagi pihak

Kementerian Penerangan dan Jabatan-jabatan di bawahnya mengemukakan kepada Dewan ini menambah peruntukan Pembangunan Tambahan Tahun 1976 sebanyak \$342,280 daripada Anggaran Sementara 1976 yang berjumlah sebanyak \$12,100,495 dan mengurangkan sebanyak \$1 juta daripada jumlah sementara itu juga. Keterangan-keterangan peruntukan tambahan adalah sebagai berikut iaitu:

Kepala Pembangunan 40 Kementerian Penerangan. Pecahan-kepala 1 tambah sebanyak \$7,100 untuk Setudio-setudio Filem Negara, Kuala Lumpur. Pembayaran bagi retention fees bagi kerja memasang dawai letrik bagi alat-alat lampu di setudio tersebut oleh J.K.R. Pecahan-kepala 2 peruntukan tanda \$10 untuk melaksanakan projek Makmal Filem Warna. Pecahan-kepala 3 juga peruntukan tanda \$10 untuk projek Menambah Ruang Lantai Bangunan Filem Negara bagi peringkat perancangan sahaja bagi tahun ini.

Kepala P. 41 bagi Jabatan Penyiaran pula tambahan peruntukan sebanyak \$50 adalah untuk peruntukan tanda \$10 tiap-tiap satu bagi menunjukkan projek-projek yang akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini iaitu:

Pecahan-kepala 10, projek Pemancar dan Alat-alat berkenaan untuk Suara Malaysia.

Pecahan-kepala 11, Stesyen Pemancaran Sederhana Tetap Ibu Kota.

Pecahan-kepala 12 Janakuasa Letrik Siap-sedia yang Baru untuk Perkhidmatan dalam Negeri Stesyen Pemancar Gelombang Sederhana di Kajang.

Pecahan-kepala 45, Mengadakan Siaran Talivisyen Berwarna di Malaysia dan Pecahan-kepala 46, Menggantikan Alat-alat Rakaman Vidio.

Kepala Pembangunan 42 di bawah Jabatan Penerangan, peruntukan tambahan adalah berjumlah \$335,110 Pecahan-kepala 2, 3, 12 dan 21. Peruntukan tambahan sebanyak \$121,100 di bawah Pecahan-kepala 2 Pejabat-pejabat Penerangan ialah untuk menyelesaikan semua kerja-kerja dan bayaran bagi projek Pejabat Penerangan di Pasir Mas, Pasir Putih, Tumpat dan juga untuk menyediakan tapak bagi projek Ulu Kelantan iaitu Macang, Dungun dan Kemaman.

Peruntukan tanda sebanyak \$10 di Pecahan-kepala 3, Alat-alat Penghantar Foto ialah untuk menunjukkan bahawa pembelian alat ini akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga dan adalah di peringkat perancangan bagi 1976 ini. Tambahan peruntukan sebanyak \$24,000 di Pecahan-kepala 12, Pejabat-pejabat Penerangan Sarawak ialah untuk pembayaran harga tanah bagi projek di Pusa Balingan, Niah, Long Lama dan Gelana di Sarawak.

Di bawah Pecahan-kepala 21 Pejabat-pejabat Penerangan Sabah, peruntukan tambahan \$100,000 ialah untuk bayaran harga tanah di Kota Belut, Beaufort dan Semporna untuk membina pejabat serta rumah dan juga untuk membeli tanah di Kota Kinabalu bagi pembinaan setor dan bengkel.

Permohonan tambahan sebanyak \$90,000 adalah juga diminta di bawah Pecahan-kepala 23 iaitu Yunit-yunit Berkereta di Sabah untuk membeli empat yunit darat (land unit) dalam tahun ini. Kekurangan peruntukan sebanyak \$1 juta telah tidak ditunjukkan di bawah Pecahan-kepala 22, Ibu Pejabat, Jabatan Penerangan, Kota Kinabalu oleh kerana projek ini sekarang ditunjukkan di bawah Kepala 64, Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam sebagai Pecahan-kepala 155.

Tuan Pengerusi, pohonkan seperti dalam Kertas Bilangan 15 tahun 1976 yang ditunjukkan di bawah Kepala 40 sebanyak \$7,120, Kepala P. 41 \$11,062,515 dan Kepala P. 42 \$373,140 itu diluluskan.

8.44 mlm.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong P. 40 ini mengenai Filem Negara. Saya ingin hendak mendapat penjelasan dalam Dewan ini daripada Timbalan Menteri yang berkenaan samada betul atau tidak pada hari ini tuduhan-tuduhan yang mengatakan iaitu Filem Negara ini alat-alatnya lengkap dan cukup, tetapi Filem Negara kalau hendak buat kerja-kerja masih juga lagi upah kepada orang lain di luar.

Yang kedua, ramai pakar-pakar dan pekerja-pekerja di Filem Negara ini berhenti bukan kerana mereka dibayar gaji yang kurang. Mereka tidak puas hati mengenai kedudukannya iaitu sebagai seniman, artist

ataupun penulis talen-talen ataupun kebolehan mereka ini tidak digunakan oleh Filem Negara jadi naiklah satu perasaan bosan, duduk makan gaji tidak ada buat kerja. Jadi saya berharap sangatlah kepada pihak Kementerian membuat siasatan dan mengkaji perkara ini supaya rungutan-rungutan di luar ini dapat dipadamkan. Kita sedia maklum dalam Rancangan Malaysia Ketiga sepatutnya Filem Negara ini memainkan peranan yang penting untuk mengeluarkan bahan-bahan penerangan kepada orang ramai. Tetapi sedih Filem Negara ini telah berjalan beberapa tahun kawasannya cantik lengkap dengan alat-alat tidak banyak, bahan-bahan untuk faedah orang ramai dikeluarkan oleh Filem Negara kita masih lagi menayangkan dalam Talivisyen umpamanya filem-filem daripada luar negeri dan filem-filem rencana pun ada juga kita ambil daripada segi commercial, sepatutnya ini mestilah dipertanggungjawabkan kepada Filem Negara.

Dalam Bahagian P. 40 dan 41 juga mengenai Talivisyen, di sini juga saya ingin bertanya dan minta penjelasan kepada Timbalan Menteri yang berkenaan samada betul atau tidak iaitu di Angkasapuri ramai sangat artis-artis part time sehingga beratus-ratus orang. Dan nasib masa hadapan mereka ini sangat gelap walhal mereka ini memainkan peranan yang penting dalam machinery Kerajaan untuk menyampaikan hasrat Kerajaan kepada orang ramai melalui tanggungjawab dan tugas-tugas mereka dan saya dapat tahu misalnya mengenai perkhidmatan mereka ini banyak sangat frustrasi berlaku di kalangan, masih lagi di dalam kontrak dan dijanji-janji yang mereka itu jawatannya akan diubahsuaiakan sehingga tidak berjalan dan sehingga saya mendengar baharu-baharu ini samada betul atau tidak saya minta pengesahan seperti Johari Salleh iaitu Jurumuzik kita hendak meletak jawatan atau berhenti kerana beliau merasai keadaan dirinya itu tidak dipedulikan masih lagi dalam kontrak dan bayarannya tidak sesuai kepada tugas-tugas yang dia jalankan. Dan ini jugalah Tuan Pengerusi, saya minta sangatlah kepada Timbalan Menteri menyiasat balik kedudukan para-para artist dan berkhidmat di dalam Angkasapuri supaya jentera Kerajaan dapat disalurkan melalui Angkasapuri dalam erti kata yang sebenar untuk memberi kesan kerana dalam perbahasan Rancangan Malaysia Ketiga

dahulu, kita telah banyak mendengar teguran-teguran iaitu peranan mass-media dan saya rasa Angkasapuri atau Jabatan Penerangan dan Penyiaran ini memainkan peranan yang penting untuk apa sahaja rancangan Kerajaan membasmikan apa sahaja yang hendak kita buat. Seperti pada hari ini masalah dadah, gangsterism, kemiskinan dan sebagainya.

Akhirnya mengenai Jabatan Penyiaran dan Penerangan di negeri-negeri, juga sekarang kita nampak kelengkapannya sangat berkurangan tidak seperti dahulu yang mana kita nampak kereta-kereta penerangan ini berkeliaran selalu menunjukkan segala filem-filem rencana di mana-mana sahaja ada keramaian.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tetapi pada hari ini bukan kerana kita hendak minta filem, kadang-kadang ada ketikanya Majlis rasmi Kerajaan pun kalau hendakkan kereta menggunakan pembesar suara inipun jawapannya: tidak ada, tidak cukup, kereta ini rosak dan sebagainya tidak dibaiki. Jadi saya berharap sangat kepada Kementerian ini menitikberatkan kerana Kementerian Penerangan dan Penyiaran inilah saya rasa kunci bagi menentukan kemajuan Perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga.

Saya menyokong penuh apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dan saya berharap kesulitan-kesulitan Kementerian ini dapat diberi perhatian berat oleh pihak yang berkenaan terutamanya Kementerian Kewangan negeri kita.

Tuan Pengerusi: Dijemput yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

8.51 mlm.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Setapak yang telah membangkitkan masalah Filem Negara. Maka inilah dalam peruntukan yang kita kemukakan tambahan dalam kepala-kepala yang berkenaan supaya bertambah lengkap lagi di bahagian Filem Negara kita.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu sejak 10 tahun yang lalu Filem Negara

ditempatkan di studio di Petaling Jaya, kakitangannya telah bertambah, tetapi ruangan pejabatnya tidak berubah. Pada tahun 1955 ada 163 jawatan di Filem Negara dan angka ini telah berganda menjadi 352 pada tahun 1975. Di samping itu peralatan juga bertambah, ini bermakna memakan wang yang lebih. Oleh sebab penerbitan filem di bidang teknikal dan penambahan alat-alat mestilah seimbang dengan penambahan kakitangan. Jadi dalam peruntukan yang kita minta tambah ini ialah untuk membesarkan lagi ruangan-ruangan yang penting bagi tujuan pelancaran perjalanan Filem Negara bagi membolehkan mengeluarkan filem-filem yang bukan sahaja dapat ditayangkan menerusi talivisyen, tetapi juga oleh yunit-yunit bergerak di bahagian Jabatan Penerangan kita.

Pengeluaran filem-filem positif juga telah bertambah 300% bagi setiap penerbitan. 10 tahun dahulu hanya 57-70 salinan perlu bagi pengedaran, tetapi sehingga sekarang angka itu telah bertambah sehingga 150-200 salinan. Jadi keadaan di Filem Negara bertambah tiga kali ganda daripada keadaan yang sudah dan mungkin selepas daripada peruntukan yang kita aturkan ini dengan membesarkan ruangan-ruangan yang akan dipohon ini akan menambahkan lebih bermutu dan lebih munafaat kepada pengeluaran.

Dalam masaalah kakitangan atau pegawai-pegawai yang berhenti atau tidak puas hati itu, saya akan kaji dan saya faham perkara ini tidak pernah timbul pada masa ini. Walau bagaimanapun saya akan membuat kajian oleh kerana saya baru untuk mengenali keseluruhan pegawai-pegawai dan kakitangannya. Begitu juga para artist di radio dan TV memanglah kita ada artist part time dan artist-artist kontrak. Ini ialah mengikut kelayakan-kelayakan dan juga peraturan-peraturan perjawatan. Mana-mana artist yang juga ada mempunyai tugas-tugas sendiri, tetapi perkhidmatannya perlu dikehendaki mereka ini akan diambil sebagai part time. Begitu juga kakitangan-kakitangan kontrak.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan iaitu Encik Johari Salleh, ini saya juga tidak sedar dan saya akan membuat kajian dan siasatan yang teliti sekiranya ada apa-apa perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Jabatan Penerangan dalam Rancangan Malaysia Ketiga memang hendak ditambah lagi sebanyak 20 buah Jabatan Penerangan di peringkat daerah-daerah dan Jabatan Penerangan Negeri juga memang dilengkapi dengan kelengkapan-kelengkapan yang perlu dari semasa ke semasa. Berhubung dengan Filem, apabila Filem Negara dapat mengeluarkan filem-filem baru nanti boleh melengkapkan lagi filem-filem yang boleh diedar di antara satu negeri ke satu negeri atau dari satu daerah ke satu daerah. Alat-alat (instruments) yang agak lama memang diminta peruntukan untuk diganti dari setahun ke setahun dalam pertambahan bagi menggantikan alat-alat equipment atau alat-alat kegunaan dalam Jabatan Penerangan. Begitu juga yunit-yunit di dalam peruntukan ini juga kita minta empat yunit kenderaan untuk motokar iaitu land unit bagi kegunaan di Sabah, begitu juga di Semenanjung mana-mana yunit yang perlu kita ganti, adalah dikaji dari semasa ke semasa termasuklah kalau kita dapat lapuran daripada Mechanical Engineer di Jabatan Kerja Raya menyatakan yang van atau yunit-yunit kita itu tidak boleh digunakan lagi maka kita akan menggantikan dengan yang baru dan memang boleh dikatakan hari ini banyak yunit-yunit yang baru sedang bergerak terutama sekali di negeri-negeri yang memerlukan terutama di kawasan perbatasan dari segi memberi penerangan yang lebih jelas bagi mengatasi masaalah subversif atau aktiviti-aktiviti agresif daripada gerombolan-gerombolan pengganas. Pendek kata perkhidmatan penerangan di bahagian luar ini mereka sentiasa memberi perkhidmatan siang malam kepada negara kita. Pihak Kementerian ini sentiasa mengkaji semua aspek yang perlu bagi melengkapkan dan kelayakan Jabatan ini sebagai lidah rasmi Kerajaan dan lidah rasmi rakyat.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$7,120 untuk Kepala P. 40, \$50 untuk Kepala P. 41 dan \$334,110

untuk Kepala P. 42 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1976.

Kepala P. 46—

8.57 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanabhan): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya peruntukan tambahan sebanyak \$4,509,750 yang dikehendaki di bawah Kepala P. 46 Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dimasukkan ke dalam Jadual.

Tambahan sebanyak \$4,509,750 ini adalah sebagai tambahan kepada peruntukan yang telah diluluskan di dalam Anggaran Perbelanjaan Sementara 1976 yang berjumlah \$637,557. Dari jumlah tersebut \$4,250,000 adalah diperlukan bagi pembinaan Pusat Latihan Perindustrian yang baharu di bawah Jabatan Tenaga Rakyat Kementerian Buruh. Pusat Latihan Perindustrian ini ialah Pusat Latihan Perusahaan Trengganu, Pusat Latihan Perusahaan Johor Bahru dan Pusat Latihan Perusahaan Sabah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Jumlah tersebut adalah bagi tujuan pengambilan tanah dan kos bagi Pakar Perunding. Dan menjadi sebahagian dari peruntukan berjumlah \$15,393,980 yang dimasukkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Peruntukan berjumlah \$259,750 yang selebihnya adalah diperlukan bagi menyudahkan dan mengerjakan tambahan bagi Pejabat-pejabat Buruh yang terdapat di Muar dan Dungun. Kedua-dua Pejabat Buruh ini telah dimulakan pembinaannya di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan hanya dapat disudahkan di dalam tahun ini. Kedua-dua Pejabat Buruh tersebut adalah perlu pembinaannya oleh kerana di tempat-tempat tersebut tidak ada bangunan Pejabat-pejabat Kerajaan Persekutuan dan juga sukar untuk menyewakan tempat-tempat sesuai.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$4,509,750 untuk Kepala P. 46 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1976.

Kepala P. 47 dan P. 48.

9.00 mlm.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Pengerusi, saya bangun mencadangkan bahawa Anggaran Pembangunan Tambahan 1976 sebanyak \$2,079,000 bagi Kementerian saya iaitu di bawah Kepala P. 47 dan P. 48 diluluskan. Sebelum saya memberi butir-butir dengan lengkap mengenai jumlah sebanyak tersebut digunakan di bawah P. 47 dan P. 48, saya ingin memberitahu bahawa jumlah tersebut tidak termasuk anggaran pembangunan bagi alam sekitar oleh sebab keperluan bagi aktiviti ini adalah sedang dibincangkan dengan agensi pusat. Sebanyak mana anggaran yang ditetapkan nanti akan tertakluk kepada permohonan tambahan kelak.

Peruntukan sementara sebanyak \$636,620 untuk Anggaran Pembangunan 1976 yang telah diluluskan, Anggaran Tambahan sebanyak \$2,079,000 di bawah P. 47 dan P. 48 adalah dikehendaki dan diperlukan untuk pelaksanaan projek pembangunan tahun ini bagi aktiviti di bawah Kementerian saya seperti berikut:

P. 47—

- (a) \$619,000 untuk Instituti Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM)
- (b) \$750,000 untuk Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail (PUSPATI),
- (c) \$400,000 untuk Zoo Negara.

P. 48—

\$310,000 untuk Jabatan Kimia untuk extension atau membaiki kepada beberapa makmal dan pengambilan tanah untuk satu makmal baru di Kuantan.

Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan peruntukan ini di bawah P. 47 dan P. 48 diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 1976.

9.05 mlm.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong tambahan peruntukan P. 47 dan P. 48 ini kerana saya mengenangkan iaitu Kementerian ini di

zaman sains dan teknologi memainkan peranan yang penting, kerana saya nampak Kementerian ini namanya dahulu Kementerian Alam Sekitar dengan Kementerian lain dan pendidikan di Kementerian ini pada hari ini telah menjadi satu. Saya harap jangan ditukar-tukar lagi kerana susah bagi pihak pentadbiran hendak menyusun, masalah mendapatkan pegawai dan sebagainya. Dan masalah (a) SIRIM itu adalah satu bahagian yang sangat penting terutama sekali bagi faedah pengguna-pengguna di dalam negara kita dan saya minta sangat Bahagian SIRIM itu supaya mempunyai kelengkapan yang cukup terutama sekali dalam kelengkapan menguji (testing equipment) supaya hak pengguna terselamat. Kita tak mahu seperti ada satu ketika dahulu diterangkan oleh Menteri Perdagangan iaitu Malaysia ini menjadi dumping ground kepada alat-alat daripada negara asing yang memasukkan, menjual barang kononnya murah tetapi barang itu tidak diuji, tidak ada kelengkapan dan alat untuk menguji. Ini satu perkara untuk menyelamatkan pengguna.

Di dalam segi kedudukan Kementerian ini, peruntukannya amat kecil dan ini sangat tidak adil dan begitu juga hubungan kuasa ini dengan Kementerian lain tak ada, seperti dalam siasatan saya pegawai Kementerian ini sejak 1972 sampai sekarang tidak diketahui berapa puluh, tetapi sepatutnya sudah beratus orang. Jadi orang ramai complain masalah pencemaran alam, air sawah padi rosak dan sebagainya semuanya melalui Kementerian ini. Tetapi Kementerian ini tak boleh buat apa terutama pegawainya tak ada, kelengkapan tak ada dan sebagainya. Jadi saya berharap sangatlah pihak Kerajaan mengambil perhatian berat masalah Kementerian ini. Pada masa ini Kementerian ini menjadi ejek-ejekan orang ramai, dikatakan ini Kementerian menjaga asap, menjaga air, menjaga awan dan sebagainya tetapi sebenarnya Kementerian ini memainkan peranan penting untuk menjaga kesihatan. Saya percaya kalau Kementerian ini dilengkapi dari segi alat yang cukup, dapat kita menguasai pencemaran di alam sekitar. Kementerian Kesihatan mungkin kurang sedikit pening kepala, tidak banyak orang sakit, tidak banyak kena batuk kering dan sebagainya. Jadi saya berharap Tuan Pengerusi, pihak Kerajaan mengambil berat pada Kementerian ini dan

Kementerian ini pun sudah lengkap dengan Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen tetapi pegawainya tak ada. Saya bimbang Kementerian ini menjadi top heavy penuh di atas, di bawahnya kosong, betul-betul nanti orang gelarkan Kementerian Asap. Jadi saya mempunyai penuh keyakinan supaya Kementerian ini juga diberi kuasa menghubungi Kementerian lain dan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya dapat mengawal keadaan pencemaran alam dan pembangunan dari segi teknologi dan sains. Saya menyokong penuh di atas peruntukan tambahan ini.

Tuan Pengerusi: Dijemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Setapak berkenaan dengan hujah yang membina yang telah dikemukakan oleh beliau. Saya ingin memberi jaminan Kementerian ini akan berusaha mendapatkan cukup peruntukan bagi membolehkan SIRIM mendapatkan peruntukan dan kelengkapan yang cukup dan pegawai-pegawai yang mahir. Jadi saya harap juga rakan sejawat saya iaitu Yang Berhormat Menteri Kewangan yang berada dalam Dewan ini akan mengambil perhatian atas apa-apa yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$1,769,900 untuk Kepala P. 47 dan \$310,000 untuk Kepala P. 48 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1976.

Kepala P. 49 dan P. 54—

9.10 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk menerangkan Anggaran Pembangunan Tambahan 1976 untuk Kementerian saya iaitu Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan dan juga jabatan di bawah Kementerian saya iaitu Jabatan Percetakan.

Jumlah Anggaran yang diperlukan untuk belanja Pembangunan Tambahan tahun ini bagi Kementerian saya dan Jabatan di bawahnya ialah sebanyak \$2,353,040 sebagai pemberian secara langsung dan sebanyak \$10,500,000 sebagai pinjaman. Anggaran ini ialah untuk maksud-maksud seperti terkandung di dalam Kertas Perintah 15/1976.

Kepala P. 54—

Sekarang saya ingin menerangkan mengenai Anggaran yang dipinta untuk Kepala P. 54 iaitu Jabatan Percetakan Kerajaan berjumlah \$1,530,030. Daripada jumlah tambahan peruntukan \$1.53 juta yang dimohon, \$1.405 juta adalah untuk pembelian mesin-mesin dan kelengkapan percetakan bagi Ibu Pejabat di Kuala Lumpur dan cawangan-cawangannya di Johor Bahru Ipoh, Alor Setar dan Kuala Trengganu. Kebanyakan mesin-mesin ini adalah untuk Bahagian Mechanical Composing yang masih lagi lemah jika dibandingkan dengan bahagian-bahagian lain.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa perbelanjaan bagi Kepala P. 49 dan Kepala P. 54 menjadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Tahun 1976 dan diluluskan.

9.13 mlm.

Tuan Haji Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Pengerusi, saya menyokong tambahan peruntukan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan dan di samping itu saya suka menyentuh berkenaan dengan nasib balai-balai bomba. Nampaknya hanya dalam Bandaraya sahaja ada peruntukan balai bomba pada hal setahu kita bomba ini sudah di bawah Kerajaan Tempatan tetapi tidak ada disebut sebarang pembaikan bomba-bomba di negeri-negeri yang lain. Jadi saya minta penjelasan dan berharap bahawa kalau sekiranya ada penyusunan semula hendaklah dipandang berat keadaan nasib ahli-ahli bomba dan balai-balai bomba yang ada di daerah-daerah yang sangat menyedihkan.

Tuan Pengerusi: Pecahan-kepala mana Yang Berhormat?

Tuan Haji Embong bin Yahya: Pecahan-kepala 13—Bomba Bandaraya; dalam pada itu disentuh juga yang lain.

Tuan Pengerusi: Pecahan-kepala mana?

Tuan Haji Embong bin Yahya: 13.

Tuan Pengerusi: 13?

Tuan Haji Embong bin Yahya: 15.

Tuan Pengerusi: 15, terima kasih.

Tuan Haji Embong bin Yahya: Jadi saya berharap pihak Kementerian akan memikirkan nasib ahli-ahli bomba yang sentiasa di dalam keadaan tidak puas hati dan balai-balai bomba di daerah-daerah yang seolah-olah tidak layak lagi dan ada setengah-setengah balai bomba itu didirikan tidak mengikut keadaan pembangunan negara kita. Harap satu peruntukan yang besar akan dibuat untuk memperbaiki keseluruhannya balai-balai bomba, jentera-jentera dan juga lori-lori serta kereta bomba yang sudah dikatakan lapuk, tidak sesuai dengan pembangunan yang begitu pesat negara kita sekarang.

Sekian, Tuan Pengerusi, pandangan saya dan saya menyokong penuh.

9.15 mlm.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, pada mulanya saya ingin merujuk kepada Kepala P. 49, Pecahan-kepala 11—Bangunan Dewan Bandaraya.

Tuan Pengerusi, pada hemat saya sudahlah sampai masanya bagi Dewan Bandaraya memperolehi bangunan yang sempurna bagi memuatkan semua jabatan-jabatannya di bawah satu bumbung. Ini adalah perlu bagi kemudahan orang ramai yang hendak mengunjungi Dewan Bandaraya untuk menyelesaikan berbagai-bagai masaalah. Pada masa ini Jabatan-jabatan Dewan Bandaraya adalah ditempatkan di berbagai tempat di Kuala Lumpur. Dan ini membawa kesukaran kepada orang ramai untuk mencari jabatan-jabatan itu bagi menyelesaikan masaalah mereka. Untuk mengatasi kesulitan atau kesukaran itu saya berharap bahawa Dewan Bandaraya akan dapat menyiapkan banguannya sendiri dan memuatkan semua jabatan-jabatannya di bawah satu bumbung dengan seberapa segera yang boleh.

Yang kedua, saya ingin merujuk kepada Pecahan-kepala 14—Pejabat-pejabat Cawangan Bandaraya. Dengan adanya peruntukan

sebanyak \$900,000 untuk pejabat-pejabat Cawangan Bandaraya saya ingin menggesa Dewan Bandaraya supaya membuka beberapa pejabat-pejabat cawangan di bandaraya di dalam beberapa Kampung-kampung Baru di dalam Wilayah Persekutuan untuk menampung keperluan penduduk-penduduk di situ. Pada masa ini sudah ada sebuah pejabat cawangan Bandaraya di Jinjang dan adalah menjadi harapan kita bahawa sebuah pejabat cawangan seperti itu akan dapat dibuka di Kampung Baru Salak Selatan.

Yang ketiga, saya ingin merujuk kepada Pecahan-kepala 15—Balai Bomba dan Kenderaan.

Tuan Pengerusi, sebanyak \$1 juta telahpun diperuntukkan bagi balai-balai bomba dan kenderaan dalam tahun 1976. Peruntukan ini adalah tidak mencukupi untuk membawa pembaikan yang besar kepada perkhidmatan-perkhidmatan bomba dan seharusnya ditambah lagi.

Pada hemat saya selepas kebakaran Komplek Campbell yang telah menunjukkan kekurangan kebolehan perkhidmatan-perkhidmatan bomba untuk melawan kebakaran dalam bangunan-bangunan bertingkat tinggi, langkah mestilah diambil bagi memperbaiki perkhidmatan bomba bagi melawan dengan berkesan kebakaran-kebakaran yang mungkin berlaku di bangunan-bangunan bertingkat tinggi kelak. Salah satu jalan ialah dengan melengkapkan perkhidmatan-perkhidmatan bomba kita dengan lebih banyak lagi enjin-enjin bomba yang lengkap dengan tangga-tangga turn-table yang cukup tinggi untuk mengawal kebakaran bangunan lebih daripada enam tingkat. Perkhidmatan bomba harus juga dilengkapi dengan alat-alat moden yang lain.

Sekarang saya merujuk sedikit kepada Pecahan-kepala 16—Pasar Borong Utara dan Selatan.

Berthabit dengan pasar-pasar borong saya rasa tindakan serta-merta hendaklah diambil bagi memperbaiki kemudahan-kemudahan yang ada bagi semua pasar-pasar borong termasuk semua pasar-pasar bagi Wilayah Persekutuan. Kemudahan-kemudahan seperti air paip, kecucian pasar dan jamban-jamban harus diperbaiki lagi.

Sekarang saya merujuk kepada Pecahan-kepala 20—Jalan-jalan dan Jambatan-jambatan. Berthabit dengan jalan-jalan dan

jambatan-jambatan saya ingin mencadangkan kepada Dewan Bandaraya supaya mengadakan peruntukan membina dua buah jejambat. Sebuah di Jalan Loke Yew dan sebuah lagi di Jalan Shaw di dalam kawasan di Kuala Lumpur Bandar. Jejambat-jejambat itu sangat-sangat diperlukan untuk kemudahan-kemudahan orang ramai apabila mereka hendak melintas jalan-jalan tersebut memandangkan lalulintas yang begitu sibok di situ.

Akhirnya saya merujuk kepada Pecahan-kepala 23—Memperbaiki Lampu-lampu Jalanraya.

Berkenaan dengan peruntukan untuk memperbaiki lampu-lampu jalanraya saya berharap bahawa Dewan Bandaraya akan dapat mengadakan lampu-lampu jalan di lorong Jalan Pudu berdekatan Jalan Sungai Besi dengan secepat yang boleh. Saya juga berharap Dewan Bandaraya dapat melancarkan satu rancangan untuk memperbaiki lampu-lampu jalanraya di berbagai tempat di dalam bandaraya Kuala Lumpur yang belum mendapat kemudahan itu. Sekianlah sahaja terima kasih.

9.21 mlm.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bercakap sedikit tentang Kepala Pembangunan P. 49. Yang pertama, saya hendak bercakap tentang Pecahan-kepala 1—Pemberian untuk Projek-projek di Kawasan Bandar dan Majlis Tempatan. Tuan Pengerusi, seperti Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar, Majlis Tempatan yang paling besar bukan sahaja di Kuala Lumpur ini bahkan di seluruh negara kita ialah Jinjang. Nampaknya, peruntukan untuk pecahan-kepala kecil ini cuma \$1 juta untuk lima tahun dan peruntukan untuk tahun ini \$110,000 sahaja, ini apakah perubahan yang boleh dibuat oleh Kementerian ini untuk menolong Majlis Tempatan bukan sahaja di kawasan Jinjang bahkan Majlis Tempatan lain di Wilayah Persekutuan. Diharaplah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen atau Menteriannya boleh menambah lagi dengan kerjasama daripada Menteri Kewangan; nasib baik Yang Berhormat Menteri Kewanganpun ada di sini pada malam ini, Tuan Pengerusi, supaya beribu-ribu penduduk-penduduk atau penghuni-penghuni di Majlis Tempatan di dalam Wilayah

Persekutuan boleh dapat layanan yang bukannya sempurna, tetapi yang lebih baik sedikit di dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya hendak menyentuh tentang Pecahan-kepala 20—Jalan-jalan dan Jambatan-jambatan. Tuan Pengerusi, barangkali Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak melawat kawasan saya. Di dalam kawasan saya ada satu rancangan perumahan yang dinamakan Saiwai, langsung tidak ada jalan yang boleh masuk di rancangan perumahan itu. Rancangan itu disediakan dan akan disediakan tidak berapa lama lagi, bagaimanakah Pejabat Perancang pada masa dahulu meluluskan rancangan ini yang tidak ada approach road ke dalam rancangan perumahan itu? Diharap, Tuan Pengerusi, Setiausaha Parlimen yang berkenaan boleh menyiasat perkara ini dan mengambil tindakan dengan segera supaya orang yang membeli rumah di situ boleh kalau mereka ada kereta boleh keluar. Diharap, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen juga boleh membuat satu by-pass road daripada Taman Kepong, Kepong Baru, Taman Petaling, Saiwai dan keluar ke Jejambat Segambut supaya tidak begitu banyak kereta menggunakan jalan Jinjang dan Kepong.

9.25 mlm.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Saya juga turut menyokong Kepala Pembangunan P. 49 iaitu Pecahan-kepala 41—Klinik Beranak dan Kebajikan Kanak-kanak. Nampaknya, tidak ada disebutkan di dalam Wilayah Persekutuan, di dalam Bandaraya Kuala Lumpur, samada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar atau tidak di dalam Wilayah Persekutuan—Bandaraya ini ada satu bahagian yang dikatakan Perkhidmatan Kesihatan Sekolah untuk kanak-kanak kecil. Dalam siasatan saya ke bahagian ini, saya sangat sedih iaitu bahagian ini bertanggungjawab melatih anak-anak kecil yang baharu masuk sekolah barangkali pihak Kementerian tidak sedar, terutama sekali kepada Kementerian Kesihatan iaitu apabila bahagian ini memohon menambahkan doktor, nurses dan sebagainya, kalau minta tiga dapat satu, dia tidak tahu hal ini. Saya ingin mengingatkan, misalnya, daripada tahun 1975 anak-anak yang masuk sekolah Darjah I, ada lebih kurang 19,000 orang murid.

Maknanya, seorang doktor yang bertanggungjawab untuk melawat ke sekolah memeriksa gigi, kebersihan dan latihan untuk anak-anak ini. Di Wilayah Persekutuan ini mempunyai 140 buah sekolah. Jadi, saya berharap sangat janganlah kita menyangkakan di dalam Wilayah Persekutuan tidak ada kanak-kanak miskin, kita hendaklah memikirkan anak-anak daripada kawasan-kawasan setingan, kesihatan dan kedudukan mereka ini lebih hebat atau lebih buruk lagi daripada anak-anak kita yang datangnya daripada kampung-kampung. Jadi, oleh sebab mereka ini Darjah I, II, III kanak-kanak masih kecil lagi, saya minta di Bahagian Perkhidmatan Kesihatan Sekolah-sekolah ini ditambahkan doktor bukan seperti yang ada sekarang untuk menjaga 19,000 orang murid satu doktor dan dua nurses. Itulah yang saya minta tambah.

9.28 mlm.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan di atas peruntukan Kementerian saya. Ada seorang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh di atas perkara Bomba di seluruh Malaysia. Saya hendak memberitahu Ahli Yang Berhormat itu iaitu pindaan Perlembagaan kita baharu sahaja dibuat di Persidangan Dewan ini dan tentulah kita tidak dapat masa yang lama sedikit untuk membuat kajian, tetapi kajian ini sedang dibuat dan ada beberapa rundingan yang telah diadakan antara E.P.U. dan Kementerian saya di atas perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyentuh bangunan Bandaraya. Saya hendak mengucapkan terima kasih di atas pandangannya iaitu pejabat-pejabat Dewan Bandaraya sekarang tidak dikumpulkan di satu tempat, saya hendak memberitahu untuk mengatasi perkara ini kita sekarang hendak buat satu bangunan Dewan Bandaraya di satu tempat.

Ahli Yang Berhormat itu juga ada menyentuh pejabat-pejabat Dewan Bandaraya, khasnya di tempat-tempat di mana ada orang-orang miskin. Dewan Bandaraya sedang mencari tapak tanah yang sesuai di Wilayah Persekutuan dan apabila kita telah dapat tapak yang sesuai, kita boleh membuat pejabat-pejabat kecil untuk memberi perkhidmatan kepada orang ramai.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga ada menyentuh berkenaan dengan Balai Bomba dan beliau mencadangkan kita mestilah membeli enjin-enjin bomba yang ada tangga yang boleh naik sampai tingkat ke atas daripada tingkat 6. Saya hendak memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan di seluruh dunia tidak ada turn-table yang boleh naik ke atas, yang tinggi sekali ialah 150 kaki sahaja dan mengikut modern trend dalam Amerika Syarikat mereka tidak menggunakan tangga lebih daripada 100 kaki, oleh kerana tangga itu tidak stable dan banyak berlaku kemalangan apabila berlaku angin kuat, maka tangga yang tinggi sampai 105 kaki telah jatuh dan orangnya terbunuh. Sebab itu, mengikut trend di dalam dunia sekarang banyak negeri-negeri memakai tangga yang boleh sampai 100 kaki sahaja iaitu tiga tingkat sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada menyentuh kepada peruntukan untuk projek-projek kecil di Kementerian saya. Saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada beliau kerana menimbulkan perkara ini khasnya oleh kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan kita pun ada hadir di persidangan ini dan saya percaya Kementerian saya dan juga Perbendaharaan kita boleh mengambil perhatian yang berat sekali di atas perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak ada menyentuh tentang doktor-doktor dan klinik-klinik untuk kanak-kanak. Saya hendak memberitahu, Tuan Pengerusi, Kementerian saya sedang berunding di atas perkara ini dengan Kementerian Kesihatan untuk tujuan memperbaiki lagi keadaan ini.

9.32 mlm.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan sedikit berkaitan dengan soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak berhubung dengan perkhidmatan perubatan kanak-kanak di Wilayah Kuala Lumpur. Yang sebenarnya, perkhidmatan ini bukan tanggungjawab Kementerian saya. Wilayah Kuala Lumpur telah menubuhkan perkhidmatan perubatan bagi kanak-kanak pada masa dahulu dan juga kakitangannya tidak mencukupi serta juga structure gaji di situ adalah rendah sedikit jika dibandingkan dengan gaji-gaji yang dibayar oleh Kementerian saya. Jadi,

soalan ini jikalau Kementerian yang berkenaan itu hendak membaiki lagi perkhidmatan kanak-kanak sekolah itu barangkali gaji terpaksa diubah serta juga kakitangan-kakitangan lain gajinya itu terpaksa diubah juga. Jika tidak, kakitangan-kakitangan di Kementerian saya tidak mahu berkhidmat di pertubuhan perkhidmatan kesihatan kanak-kanak di Wilayah Kuala Lumpur. Barangkali masanya sudah tiba Kementerian saya sedar jikalau Kementerian yang berkenaan suka mengembalikan perkhidmatan perubatan itu kepada Kementerian saya, Kementerian saya akan mengambilalih, jikalau boleh.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$11,323,010 untuk Kepala P. 49 dan \$1,530,030 untuk Kepala P. 54 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1976.

Kepala P. 56, P. 57, P. 58, P. 59, P. 60 dan P. 61—

9.35 mlm.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan saya mohon membentangkan Anggaran Pembangunan 1976 (Tambahan) bagi Kementerian Perhubungan dan juga Jabatan-jabatan di bawah Kementerian saya, di bawah Kepala-kepala P. 56 hingga P. 61 seperti berikut:

P. 56 Kementerian Perhubungan	\$109,077,030
P. 57 Penerbangan Awam	10,310,040
P. 58 Perkhidmatan Kaji-cuaca	1,182,356
P. 59 Jabatan Laut ...	290,050
P. 60 Jabatan Laut Sarawak dan Sabah ...	619,754
P. 61 Perkhidmatan Pos	1,581,000
	\$123,060,230

untuk dijadikan sebahagian daripada jadual.

Dengan tambahan ini jumlah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1976 bagi Kementerian Perhubungan dan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian saya akan menjadi sebanyak \$269,782,257. Sebab-sebab

peruntukan ini diperlukan telahpun dijelaskan sebahagiannya apabila Dewan membahaskan Anggaran Belanjawan tahun 1976 (Termasuk Anggaran Pembangunan Sementara) tempoh hari.

Tuan Pengerusi, di sini saya akan hanya menumpukan ucapan saya kepada tambahan yang berjumlah \$123,060,230 itu sahaja.

Kementerian Perhubungan

Sejumlah besar daripada tambahan ini adalah di bawah Kepala P. 56, Kementerian Perhubungan. Projek-projek pelabuhan akan menerima tambahan sebanyak \$96,977,000 dan ini adalah berkaitan dengan projek-projek yang sedang berjalan lancar termasuk projek Pembangunan Pelabuhan Kuantan dan Johor. Sekiranya segala-galanya berjalan dengan baik, Pelabuhan Johor mungkin dapat disiapkan keseluruhannya pada akhir tahun ini.

Pembinaan Pelabuhan Kuantan berjalan mengikut jadual; kerja-kerja pembinaan "Breakwater" dan "Dredging" sedang berjalan dengan pesat sekali. Pembinaan "Quay-wall" pula dijangka bermula dalam bulan Ogos ini sementara kontrek Bangunan-bangunan akan ditandatangani tidak berapa lama lagi.

Projek-projek pembinaan Pelabuhan Kelang pula akan mendapat tambahan berjumlah \$30,100,000 untuk menambahkan lagi keupayaannya mengendalikan kapal-kapal kontena yang kian bertambah. Sebahagian besar kerja-kerja dapat disiapkan dalam tahun 1976 ini.

Bagi Keretapi Tanah Melayu pula sebahagian besar tambahan peruntukan sebanyak \$12,100,030 ialah bertujuan untuk memodenkan kemudahan-kemudahan penumpang-penumpang, projek-projek pemulihan, Barang Ganti—Barang Ganti untuk kereta-kereta rel dan lain-lain lagi. Kesemuanya ini adalah bertujuan memperbaiki lagi mutu perkhidmatan keretapi supaya bukan sahaja setanding tetapi dapat melebihi sistem-sistem pengangkutan yang lainnya.

Jabatan Penerbangan Awam

Jabatan Penerbangan Awam akan menerima peruntukan tambahan berjumlah \$10,310,040 yang bertujuan untuk membiayai projek-projek pembangunan yang sedang pesat dilaksanakan sekarang.

Jabatan Kajicuaa

Tambahan peruntukan sebanyak \$1,182,356 untuk Jabatan ini adalah kebanyakannya untuk memulakan pelaksanaan projek-projek yang akan melengkapkan Jabatan ini dengan alat-alat yang dapat menambah kecekapan Jabatan untuk bukan sahaja meramal cuaca tetapi membantu agensi-agensi Kerajaan yang lain menjayakan projek-projek mereka seperti projek-projek pertanian, projek pencemaran alam dan lain-lain lagi.

Jabatan Laut

Jabatan Laut Semenanjung Malaysia pula akan mendapat tambahan peruntukan \$290,050 bagi melaksanakan beberapa projek seperti pembinaan jeti-jeti kecil untuk kemudahan penduduk-penduduk luar bandar dan kelengkapan-kelengkapan seperti kapal korek dan lain-lain lagi.

Jabatan Laut Sarawak pula akan menambah jumlah kapal-kapalnya untuk menguruskan hal-hal pentadbiran perairan yang kian bertambah dan membantu dalam pelaksanaan projek-projek Kerajaan. Sementara Jabatan Laut Sabah pula akan mendapat peruntukan membeli alat-alat pembantu pelayaran yang sangat mustahak untuk menjamin keselamatan pelayaran di perairan Malaysia.

Jabatan Pos

Dengan peruntukan tambahan sebanyak \$1,581,000 adalah dijangka Jabatan ini dapat memulakan dan meneruskan pelaksanaan pembinaan pejabat pos dan rumah-rumah kediaman, dan pembinaan Instituti Latihan Pos yang baru bagi menampung keperluan-keperluan latihan kakitangan yang telah bertambah dengan banyaknya.

Oleh yang demikian, saya pohon supaya Anggaran Pembangunan 1976 (Tambahan) yang berjumlah \$123,060,230 bagi Kementerian Perhubungan dan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian saya dari Kepala P. 56 hingga Kepala P. 61 dijadikan sebahagian daripada Anggaran Pembangunan diterima.

9.43 mlm.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur-Bandar): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Kepala P. 56, Pecahan-kepala 14—Memodenkan Kemudahan-kemudahan

Penumpang untuk Keretapi Tanah Melayu. Apabila membicarakan kemodenan kemudahan-kemudahan penumpang untuk Keretapi Tanah Melayu perkara yang terpenting sekali ialah pembelian koc-koc baru khususnya koc-koc baru untuk menggantikan koc-koc yang lama yang bukan sahaja buruk dan kotor malahan tidak memberikan keselesaan kepada penumpang-penumpang. Oleh yang demikian, saya menyeru Kementerian ini supaya menitikberatkan pembelian koc-koc baru untuk menggantikan koc-koc lama itu supaya penumpang-penumpang yang menggunakan perkhidmatan keretapi boleh mendapati keselesaan yang lebih baik.

Selanjutnya saya ingin juga mengesyorkan supaya keretapi kita khususnya keretapi penumpang-penumpang dilengkapi dengan satu sistem pengumuman awam (public announcing system) untuk memberikan berbagai maklumat kepada penumpang-penumpang dalam perjalanan keretapi itu. Misalnya, sistem pengumuman awam itu akan dapat memberitahu penumpang-penumpang, maklumat-maklumat mengenai tempat-tempat atau stesyen-stesyen keretapi itu akan berhenti atau singgah dalam perjalanan itu dan dalam sesuatu kecemasan seperti satu breakdown atau derailment, maklumat-maklumat yang benar dapat disampaikan kepada penumpang-penumpang itu.

Tuan Pengerusi, kemudahan ini tidak ada pada masa ini. Sebagai satu contoh jika Bangkok Express yang berulang alik di antara Padang Besar dan Bangkok boleh mengadakan sistem pengumuman awam, saya tidak nampak mengapa sistem itu tidak dapat atau tidak boleh diadakan di sini.

Akhirnya di bawah Pecahan-kepala ini saya ingin mengesyorkan supaya penjenisan kelas seperti Kelas 1, Kelas 2 dan Kelas 3 dihapuskan kerana ini mempunyai unsur-unsur penjajahan. Kita harus ada dua kelas sahaja iaitu Kelas Ekonomi dan Kelas Pengembara (Class Tourist). Ini adalah selaras dengan trend-trend yang diamalkan oleh lain-lain negeri.

Sekarang saya merujuk sedikit mengenai P. 56, Pecahan-kepala 24—Memodenkan Semboyan dan Perhubungan. Kemodenan sistem semboyan dan perhubungan bagi keretapi kita adalah satu perkara yang terpenting kerana ianya akan mempengaruhi akan kecekapan perjalanan keretapi kita.

Dalam hubungan ini saya dengan dukacita mengambil perhatian bahawa Pejabat Pusat Kawalan Keretapi tidak mempunyai kemudahan-kemudahan perhubungan yang baik dan cekap di antaranya dengan Stesyen-stesyen Master semasa perjalanan keretapi itu. Dengan itu menjejaskan kelicinan pergerakan perkhidmatan keretapi di antara sesuatu tempat perhentian.

Tuan Pengerusi, misalnya perkhidmatan keretapi di antara Kuala Lipis dan Tumpat kerap kali terganggu khususnya dalam musim tengkujuh kerana kekurangan kemudahan perhubungan yang cekap. Kurang perhubungan yang cekap di antara pusat kawalan keretapi dengan stesyen-stesyen Master semasa keretapi di dalam perjalanan menimbulkan berbagai masalah seperti kelambatan, ketidak tepatan dan perkhidmatan keretapi yang tidak licin dan cekap pada keseluruhannya.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Memandangkan kepada apa yang saya sebutkan itu, saya menggesa Kementerian yang berkenaan supaya memberi keutamaan kepada pecahan-kepala ini untuk menjamin peruntukan yang cukup akan diadakan supaya sistem semboyan dan perhubungan dapat diperbaiki dengan sepenuh-penuhnya.

Akhirnya saya merujuk sedikit mengenai Pecahan-kepala 26—Rumah-rumah (quarters) untuk kakitangan keretapi. Saya memerhatikan bahawa hanya ada peruntukan token sebanyak \$10 bagi rumah-rumah untuk kakitangan keretapi. Ini agak menyedihkan. Pada masa ini sudah nyata rumah-rumah bagi pekerja-pekerja keretapi adalah sangat kurang khususnya bagi mereka dalam Bahagian IV dan oleh itu peruntukan harus diadakan untuk membina banyak lagi rumah-rumah bagi pekerja-pekerja keretapi kita.

9.48 mlm.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh muka surat 90, Kepala P. 56 Pecahan-kepala 18—Projek-projek Pemulihan di bawah tajuk Keretapi Tanah Melayu dan muka surat 98, Kepala P. 59 Pecahan-kepala 5—Kapal-kapal Korek.

Tuan Pengerusi, pada masa yang lalu terdapat beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk saya sendiri pernah mengkritik pegawai-pegawai Kerajaan yang tidak jujur dan efficient tetapi kepujian harus diberi di mana ianya diperlukan.

Saya merujuk kepada pentadbiran Keretapi Tanah Melayu yang sekarang ini di bawah pengurusan Encik Ishak. Di bawah pentadbiran beliau Keretapi Tanah Melayu telah mengalami kemajuan dan keuntungan. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Encik Ishak dan saya percaya kecekapan beliau dalam lapangan perniagaan akan membawa kejayaan bagi Keretapi Tanah Melayu pada masa yang akan datang. Saya juga mengucapkan tahniah (I present a bouquet) kepada Keretapi Tanah Melayu kerana telah membuka semula dermaga Telok Anson baru-baru ini. Pemulihan (revival) dermaga ini telah membawa kegiatan (life and excitement) kepada Telok Anson. Pemulihan ini bukan sahaja mengurangkan kesesakan lalulintas di pelabuhan-pelabuhan lain bahkan ianya adalah memberi kerja kepada 50 orang tempatan.

Walau bagaimanapun, saya ingin merayu kepada Kementerian ini supaya menggunakan peruntukan yang telah diperuntukkan bahawa Pecahan-kepala 18 bagi memperbaiki gudang-gudang, kawasan-kawasan sekeliling station atau dermaga, jeti terapung dan approach road yang telah diruntuhkan. Buat masa ini keadaan-bangunan di situ ada dalam satu keadaan yang robak-rabik.

Yang kedua, membangunkan semula dengan sepenuhnya dermaga Telok Anson menjadi satu pelabuhan perdagangan kecil (minor commercial port) yang mempunyai kemudahan-kemudahan pengangkutan tambahan (handling facilities) supaya bahan-bahan yang lain dapat diexport dan diimportkan. Pada masa sekarang kemudahan-kemudahan disediakan untuk penghantaran atau transshipment satu commodity sahaja iaitu simen ke negeri Sabah dan Sarawak lebih kurang seminggu sekali sahaja. Untuk maklumat Kementerian, bahan-bahan seperti minyak kelapa sawit, kayu balak dan minyak kelapa boleh diexportkan melalui Telok Anson. Kerajaan mempunyai sebuah kompleks kilang dan gudang beras di Telok Anson. Jadi beras dapat diexportkan atau diimport melalui dermaga itu juga.

Tuan Pengerusi, saya menjemput Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu untuk berhubung dengan Jawatankuasa Tindakan Daerah Hilir Perak supaya perkara ini dapat dibincangkan lebih mendalam dengan maksud membawa faedah ekonomi yang lebih kepada negeri Perak seluruhnya. Pada sementara waktu, saya ingin menarik perhatian Kementerian mengenai dua masaalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha kapal (shippers) pada masa sekarang. Pertama, sungai Perak selama ini tidak dikorek (dredge) setengah bahagian sungai itu tidak cukup bagi kapal-kapal melalui dengan selamat. Sepatutnya sungai ini dikorek untuk mencegah kapal-kapal dari terkandas. Yang kedua, pada masa ini Marine Department hanya membenarkan lalulintas kapal-kapal diadakan pada waktu siang dan lalulintas pada waktu malam tidak digalakan. Ini menyebabkan kelambatan dan perbelanjaan tambahan bagi shippers kerana mungkin air tidak bah pada waktu siang. Saya berharap Kementerian ini akan mengatasi masaalah atau teething trouble tersebut supaya lebih lagi kapal-kapal boleh menggunakan dan menjayakan dermaga atau pelabuhan kecil itu.

9.55 mlm.

Tuan Haji Jamil bin Ishak: Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan tambahan kepada Kementerian ini dan izinkan saya menyentuh P. 56, Pecahan-kepala 14, memodenkan Kemudahan-kemudahan Penumpang-penumpang. Ini sudah sesuai dan setimpal dengan kedudukan dan keadaannya pada masa sekarang yang perkhidmatannya telah mendapat keuntungan kerana telah bertambah baik seperti yang telah disebutkan oleh saudara saya baru sebentar tadi dan suka saya hendak membuat teguran supaya dapat menyesuaikan dengan peruntukan ini iaitu masih ada lagi sungutan orang ramai berkenaan dengan perhentian keretapi dalam keadaan kotor terutama di bahagian tandas dan sebagainya. Perkara ini haraplah diambil perhatian supaya tidak membosankan penumpang-penumpang.

Perkara yang kedua, berkenaan dengan gerabak keretapi. Masih lagi terdapat kesesakan dalam masa hari keramaian dan hari kelepasan am dan perlulah ditambah supaya orang ramai akan selesa dan boleh juga memberi keuntungan kepada perkhidmatan ini pada masa akan datang.

Juga mengenai bilik-bilik sembahyang perlu disediakan di mana-mana perhentian keretapi bagi orang-orang Islam yang tidak suka ketinggalan fardhunya, ini patut diambil perhatian yang berat. Perkara yang lain untuk mengikuti keadaan zaman pada hari ini patut keretapi diadakan dengan alat musik. Di negeri-negeri yang moden, semua gerabak keretapi diadakan dengan alat musik guna untuk melegakan dan memberikan keseronokan kepada penumpang-penumpang yang berjalan jauh. Sementara ada peruntukan yang begini rupa, rasa saya kenalah pada tempatnya pentadbiran ini memikirkan untuk mengadakan air-condition dalam keretapi. Ini boleh menggalakkan, saya percaya perkhidmatan itu akan dapat sambutan baik lagi dari satu masa ke satu masa.

Menyentuh P. 61, Pecahan-kepala 3—Perkhidmatan Pos. Untuk menyenangkan dan memberikan kemudahan yang lebih baik lagi kepada orang ramai, saya suka mencadangkan Kementerian ini membanyakkan lagi wakil-wakil pos (postal agency) hingga ke kawasan pendalaman. Pada hari ini saya dapati Pejabat-pejabat Pos ini tiga empat batu jaraknya di antara satu sama lain. Jadi kalau kita perdekatkan dan perbanyakkan bilangannya, mungkin memberikan kemudahan kepada orang ramai. Dan kalau boleh adakah posmen bagi dua tiga rangkap wakil pos tadi untuk memudahkan lagi perkhidmatan.

Perkara yang kedua, berkenaan dengan Mobile Post Office. Saya tak tahu berapa lamakah mobile ini patut berada pada satu-satu serving point dan biasanya saya perhatikan tidak berapa lama, tidak sampai $\frac{1}{2}$ jam ia sudah balik. Ini barangkali memikirkan tidak ada orang yang datang. Patutlah ini ditentukan masa perkhidmatan serving point itu. Walaupun ada atau tidak ada orang mobile itu kena tunggu selama masa yang ditentukan. Jadi tidaklah menjejaskan dan membosankan orang ramai. Kalau sudah mereka tahu serving point itu dengan masanya tertentu dan kalau mereka terlambat sedikit maklumlah orang-orang kampung maka Mobile Post Office patutlah bertolak ansur. Ini patut diambil perhatian dan diperbaiki dan dapat ditambah masanya sehingga sampai 1 jam atau lebih untuk menggalakkan sambutan orang ramai kepada Perkhidmatan Pos.

9.59 mlm.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas teguran-teguran yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya sukalah hendak menjelaskan sedikit sebanyak atas teguran-teguran yang dibuat.

Mengenai teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mengenai usaha-usaha memodenkan kemudahan kepada penumpang-penumpang, maka saya sukalah menyatakan bahawa pihak Keretapi Tanah Melayu memanglah sedar atas perkara ini dan telahpun memesan coach baru yang kita harap dapat sampai ke negeri kita ini diagak pada akhir bulan ini yang sebanyak 34 buah dan kita berharap dengan adanya coach-coach baru akan dapat menambah dan memperbaiki lagi perkhidmatan keretapi pada penumpang-penumpang.

Berhubung dengan cadangannya supaya melengkapkan sistem pengumuman awam dalam keretapi-keretapi bagi kemudahan kepada penumpang-penumpang, dalam masa-alah ini sukalah saya menyatakan sebenarnya dalam keadaan sekarang oleh kerana keretapi dijangka terlalu bising keadaannya, maka agak susah sekali hendak menggunakan sistem pengumuman awam itu, tetapi dengan adanya coach-coach baru yang dilengkapi dengan air-conditioned kita berharap dapat kita laksanakan cadangan itu.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar menghapuskan penjenisan kelas-kelas bagi keretapi seperti yang ada sekarang ini, saya mengucapkan terima kasih kerana pandangan ini adalah suatu pandangan yang agak baik dan pihak Kementerian juga dalam beberapa minggu yang lepas telahpun mengemukakan atau memikirkan pandangan yang sama seperti apa yang diberikan oleh Yang Berhormat itu. Dalam masa-alah ini perkara ini akan ditimbangkan dari satu masa ke satu masa apabila pihak Jabatan Keretapi mempunyai kemudahan-kemudahan dan kemampuan.

Berhubung dengan sistem semboyan dan perhubungan, sebetulnya memanglah pihak Jabatan Keretapi menyedari masa-alah ini. Kita akan memperbaiki sistem ini dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini dan grant

(loan) sebanyak \$10 million telah didapati dan akan digunakan bagi memperbaiki kemudahan-kemudahan tersebut.

Berhubung dengan rumah-rumah bagi tempat kediaman pekerja atau kakitangan keretapi Tanah Melayu, suka saya menyatakan bahawa pihak Kementerian ini dan pihak Jabatan Keretapi memanglah sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk memperbaiki keadaan ini dan rancangan-rancangan untuk melaksanakan projek ini sedang dijalankan dan peruntukan-peruntukan juga telah cuba didapati dan diharapkan peringkat pertama akan dilaksanakan pada awal tahun hadapan.

Berhubung dengan pandangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson, beliau mengucapkan tahniah kepada pihak Pengurus Besar Keretapi Tanah Melayu, saya bagi pihak Kementerian mengucapkan terima kasih balik kepada beliau atas ucapan tahniahnya itu. Beliau ada menyebutkan berhubung dengan pemulihan perkhidmatan dermaga di Telok Anson dan minta dibaiki bangunan-bangunan gudang dan lain-lain bangunan yang berhubung dengan dermaga itu, saya boleh memberikan pengakuan kepada Yang Berhormat itu bahawa pandangannya itu diberi pertimbangan dan harapannya supaya dermaga di Telok Anson itu dapat diperbaiki adalah dalam perhatian.

Berhubung dengan apa yang disebutkan bahawa kapal-kapal tidak diizinkan belayar pada waktu malam hanya diizinkan belayar pada waktu siang sahaja daripada dermaga Telok Anson itu keluar daripada Sungai Perak, dalam masalah ini suka saya menyatakan dalam keadaan sekarang didapati adalah kurang begitu terjamin keselamatan jika kapal-kapal itu belayar pada waktu malam, oleh kerana bukan sahaja disebabkan kemungkinan air sungainya yang cetek di beberapa tempat, tetapi juga kekurangan kemudahan yang terdapat pada masa ini dan oleh kerana dermaga ini bukan dicadangkan sebagai dermaga yang boleh digunakan sepenuhnya, maka perkara ini tidaklah dapat diselesaikan. Bagaimanapun, Kementerian ini akan mengambil perhatian.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang ada menyebutkan kekotoran yang terdapat di keretapi, terutamanya tandas-tandas dan lain-lainnya, dalam hal ini

pihak Kementerian dan Pentadbiran Keretapi akan mengambil perhatian. Mengenai kesesakan masa keramaian atau percutian yang berlaku kepada Keretapi Tanah Melayu pihak Kementerian dan juga pihak Jabatan Keretapi menyedari hal ini dan usaha-usaha untuk memperbaikki akan dijalankan.

Berhubung dengan bilik-bilik sembahyang, sebenarnya Kementerian ini dan Jabatan Keretapi memang menyedari masalah ini, dan bagi permulaan di Stesyen Gemas ada disediakan bilik-bilik bagi penumpang Islam yang hendak menunaikan sembahyang dan usaha-usaha ini akan dibuat di mana-mana yang patut. Walau bagaimanapun, oleh kerana terdapat banyak stesyen-stesyen keretapi di ibukota atau di bandar-bandar yang besar yang kedudukannya berhampiran dengan mesjid-mesjid, maka tidaklah difikirkan perlu mengadakan bilik-bilik sembahyang di stesyen-stesyen keretapi seperti itu dan selain daripada Stesyen Keretapi Gemas mungkin ada beberapa stesyen lagi akan dibina bilik-bilik sembahyang. Dalam pada itu, Jabatan Keretapi mendapat kerjasama dari penduduk-penduduk tempatan, terutama sekali di kampung-kampung berhampiran dengan stesyen-stesyen dalam perjalanan di antara Kuala Krai dengan Gua Musang. Pihak penduduk-penduduk kampung bersedia memberi perkhidmatan mendirikan madarasa ataupun pondok-pondok tempat sembahyang di tepi-tepi stesyen keretapi.

Cadangan Yang Berhormat dari Tanjong Karang mengadakan muzik dalam keretapi ini mungkin dapat diadakan kalau sekiranya kita mempunyai coach-coach luxury yang mungkin di antara 34 buah coach yang kita pesan daripada Jepun, tetapi bagi setengah-setengah coach yang ada sekarang ini tentulah tidak mungkin oleh kerana keadaannya bising yang tidak dapat dikawal. Selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang juga meminta supaya di air-conditioned semua coach keretapi. Ini bergantung kepada kemampuan dan keupayaan dan kita percaya memanglah kita mahu mengadakan rancangan seperti itu dari satu masa ke satu masa tetapi dia adalah bergantung kepada keupayaan dan kemampuan. Berhubung dengan cadangan meminta supaya di banyakkkan wakil-wakil pos memanglah menjadi tugas Kementerian ini dan Jabatan Pos akan seberapa boleh memberikan kemudahan pos dengan mengadakan wakil-wakil pos di mana-mana yang patut.

Demikian juga mengadakan pos bergerak di mana-mana yang mustahak. Berhubung dengan pandangannya mengenai ada di antara pos-pos yang bergerak yang tidak memberikan khidmat yang sepatutnya, yakni tidak berhenti agak lama sedikit di mana-mana tempat serving point, masalah ini akan saya ambil perhatian dan akan saya cuba siasat dan menimbangkan masalah itu.

Rasa saya itulah sahaja jawapannya yang saya dapat kemukakan ke atas soalan-soalan atau pandangan-pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$109,077,030 untuk Kepala P. 56, \$10,310,040 untuk Kepala P. 57, \$1,182,356 untuk Kepala P. 58, \$290,050 untuk Kepala P. 59, \$619,754 untuk Kepala P. 60 dan \$1,581,000 untuk Kepala P. 61 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1976.

Kepala P. 63—

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Patrick Anek Uren): Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan peruntukan pembangunan berjumlah \$2,212,600 ditunjukkan di bawah Kepala P. 63 menjadi sebahagian Anggaran Pembangunan tahun 1976.

Peruntukan ini termasuk Anggaran Pembangunan Sementara yang sudah diluluskan yang berjumlah \$1,772,920 dan Anggaran Tambahan \$439,680.

Dengan izin, saya akan menghuraikan dengan seberapa ringkas mengikut tempat aktiviti Kementerian saya iaitu perkhidmatan keluarga dan kanak-kanak, perkhidmatan pemulihan am, perkhidmatan pemulihan akhlak, dan perkhidmatan latihan serta keperluan-keperluan di negeri Sarawak dan Sabah.

Perkhidmatan keluarga dan kanak-kanak perkhidmatan ini memerlukan \$60,000 sebagai wang tahanan (retention fee) bagi rumah orang-orang sakit melarat Johor yang telah siap di dalam bulan Oktober, 1975 dan telah dibuka dengan resminya bulan November, 1975 dan \$10 yang dipohon sebagai peruntukan tanda bagi Rumah-rumah Orang Tua, Pahang.

Perkhidmatan pemulihan di bawah perkhidmatan ini tiga buah bengkel perlindungan untuk pekerja-pekerja cacat dijangka akan dibina di Kelang, Selangor di Sungai Petani, Kedah dan di Kuala Trengganu, Trengganu. Tiap-tiap satunya mempunyai tempat bagi memberi latihan kerja kepada 100 orang pelatih. Pembinaan bengkel perlindungan Kelang yang akan memakan belanja sebanyak \$400,000 dalam tahun 1976 telahpun dimulai di dalam bulan Julai ini dan dijangka akan siap pada pertengahan tahun 1977.

Bagi bengkel perlindungan Trengganu yang dijangka akan mula dibina pada awal 1977 wang \$1,000 telah dipohon adalah untuk mengurus bagi mendapatkan tanah dan bagi bengkel perlindungan Sungai Petani, Kedah yang dijangka akan mula dibina pada akhir tahun 1977. Permohonan adalah dibuat untuk mendapatkan peruntukan tanda sebanyak \$10 sahaja.

Sebuah Pusat Pemulihan orang cacat anggota dan cacat akal di Tampoi, Johor telah siap dibina pada bulan Disember, 1975 dan dibuka dengan resminya dalam bulan Mei, tahun ini. Peruntukan sebanyak \$200,000 adalah dipohon bagi menemui perbelanjaan wang tahanan kerja-kerja luar kontrek dan untuk membeli kelengkapan.

Selain daripada itu, aktiviti ini memohon peruntukan tanda sebanyak \$10 bagi membina sebuah Pusat Pemulihan untuk orang-orang cacat anggota (orthopaedic) di Kelantan.

Perkhidmatan pemulihan ini memerlukan satu peruntukan sebanyak \$601,020 bagi belanja pembangunan dalam tahun 1976. Antara projek-projek di bawah perkhidmatan pemulihan akhlak ialah dua buah Pusat Perlindungan yang tiap-tiap satunya boleh menampung 200 orang wanita dan gadis ialah dalam pembinaan sekarang. Sebuah di Batu Gajah, Perak di mana peruntukan \$400 dipohon. Kerja-kerja pembinaan telah bermula dalam bulan ini dan dijangka akan siap pada akhir tahun 1977. Peruntukan sebanyak \$270,000 dipohon bagi menemui baki perbelanjaan pembinaan sebanyak \$120,150 untuk kelengkapan bagi Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis Rembau Negri Sembilan. Pusat ini dijangka siap dalam bulan November tahun ini.

Peruntukan sebanyak \$1,000 juga dipohon untuk mengurus mendapat tanah bagi sebuah Pusat Pemulihan Penagih Dadah di Johor yang pembinaannya dijangka bermula dalam pertengahan tahun 1977 dan peruntukan tanda sebanyak \$10 dipohon untuk membina sebuah Pusat yang serupa dengan Negeri Selangor.

Pendeknya, perkhidmatan pemulihan akhlak memerlukan peruntukan sebanyak \$1,031,020. Perkhidmatan didikan sebuah Pusat Latihan akan dibina di Jalan Lornie, Kuala Lumpur. Peruntukan tanda sebanyak \$10 diperlukan untuk membolehkan perancangan bagi pembinaan Pusat ini bermula dalam tahun 1977. Selain daripada itu peruntukan tanda sebanyak \$10 dipohon untuk kerja-kerja pembaharuan pembinaan dan tambahan dan peruntukan sebanyak \$500 dipohon untuk pengangkutan dan perjalanan.

Di Negeri Sarawak sebuah rumah-rumah orang tua yang boleh menampung 200 orang penghuni akan dibina di atas tapak tanah 13 batu jauhnya dari bandar Sibu. Peruntukan sebanyak \$400,000 dipohon untuk menemui perbelanjaan membeli tanah dan pembinaan bagi tahun ini.

Akta Perlindungan bagi Wanita dan Gadis Tahun 1973 yang akan dijalankan kuatkuasanya di Negeri Sarawak memerlukan sebuah Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis dibina di Sarawak dan satu peruntukan tanda sebanyak \$10 dipohon untuk projek ini yang akan mula dibina tahun 1977.

Sebuah rumah tahanan sementara asrama akhlak yang boleh menampung 30 orang penghuni budak-budak perlu dibina di Sarawak bagi melengkapkan perkhidmatan pemulihan akhlak yang pada ketika ini mempunyai sebuah sekolah akhlak sahaja di Kuching. Projek ini akan dimulakan dalam tahun 1977 dan peruntukan tanda sebanyak \$10 sahaja dipohon bagi tahun ini.

Peruntukan sebanyak \$400,020 dipohon untuk menjayakan ketiga-tiga projek di Sarawak. Di Sabah pula serupa dengan keadaan di Sarawak. Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, 1973 yang akan dikuatkuasakan di Sabah memerlukan sebuah Pusat Perlindungan wanita dan gadis yang boleh menampung 60 orang penghuni dibina di Kota Kinabalu.

Peruntukan sebanyak \$80,000 dipohon untuk pengambilan tanah dan kerja-kerja pembinaan. Peruntukan tanda sebanyak \$10 juga dipohon bagi membina sebuah sekolah akhlak yang perbelanjaan sepenuhnya akan diminta dalam tempoh kajian pertengahan Rancangan Malaysia Ketiga.

Peruntukan sebanyak \$80,010 dipohon untuk kedua-dua projek ini di Sabah.

Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$439,680 untuk Kepala P. 63 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1976.

Kepala P. 64—

10.18 mlm.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Pengerusi, saya mohon izin membentangkan Anggaran Pembangunan Tambahan Tahun 1976 bagi Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam di bawah Kepala P. 64 berjumlah sebanyak \$150,987,870 bagi diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1976. Semua butir-butir perbelanjaan tambahan itu terdapat di dalam Kertas Perintah 15 Tahun 1976, muka 110 hingga 120.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$157,987,870 untuk Kepala P. 64 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1976.

Tuan Pengerusi: Sekarang jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan mengemukakan bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yang telah meminta izin daripada saya terlebih dahulu tadi. Silakan.

Kepala P. 66—

10.30 mlm.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Pengerusi, saya mohon izin bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan

Wilayah untuk membentangkan supaya peruntukan tambahan sebanyak \$85,704,724 iaitu secara langsung \$55,137,324 dan pinjaman sebanyak \$30,567,000 bagi beberapa pecahan-kepala di bawah kepala Pembangunan 66—Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah bagi tahun 1976, diluluskan sebagai sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 1976.

Peruntukan pembangunan sebanyak \$415,394,124 iaitu secara langsung \$160,268,030 dan pinjaman sebanyak \$255,126,594 yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 11hb Disember, 1975 bagi Kementerian ini bagi tahun ini tidak mencukupi untuk menjalankan dan melaksanakan beberapa projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga bagi tahun ini. Peruntukan pembangunan ini adalah juga disebabkan susunan baru Kabinet di mana Kementerian ini telah diberi tugas terhadap Kemajuan Wilayah. Oleh yang demikian peruntukan tambahan sebanyak \$85,704,724 yang diperlukan itu adalah untuk menampung kekurangan peruntukan di bawah Pecahan-pecahan-kepala pembangunan yang telah diluluskan dalam Anggaran Pembangunan Sementara, 1976 sebagaimana yang dibentangkan dalam Kertas Perintah No. 15 Tahun 1976 di bawah Kepala P. 66.

Tuan Pengerusi, dengan ini, saya mohon supaya peruntukan sejumlah \$85,704,724 di bawah Kepala Pembangunan 66—Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah diluluskan oleh Dewan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$85,704,724 untuk Kepala P. 66 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1976.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$3,317,031,398 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1976 yang mana sejumlah \$1,982,785,649 bagi Anggaran Pembangunan Sementara, 1976 telah diluluskan oleh Dewan ini pada 11hb Disember, 1975 dan Dewan ini diminta meluluskan tambahan sebanyak \$1,334,245,749 bagi maksud

Kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala yang disenaraikan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam penyata Anggaran tahun 1976, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15 tahun 1976, adalah diuntukkan di bawah Kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan-kepala itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbangkan usul yang diedarkan kepadanya dan ber-setuju dengan usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$3,317,398 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1976 yang mana sejumlah \$1,982,785,649 bagi Anggaran Pembangunan Sementara, 1976 telah diluluskan oleh Dewan ini pada 11hb Disember, 1975 dan Dewan ini diminta meluluskan tambahan sebanyak \$1,334,245,749 bagi maksud Kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala yang disenaraikan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam penyata Anggaran Pembangunan, 1976 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15 tahun 1976, adalah diuntukkan di bawah Kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan-kepala itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$3,317,031,398 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1976 yang mana sejumlah \$1,982,785,649 bagi Anggaran Pembangunan Sementara 1976 telah diluluskan oleh Dewan ini pada 11hb Disember, 1975 dan Dewan ini diminta meluluskan tambahan sebanyak \$1,334,245,749 bagi maksud Kepala-kepala dan pecahan-pecahan

kepala yang disenaraikan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam penyata Anggaran Pembangunan, 1976 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15 tahun 1976, adalah diuntukkan di bawah Kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan-kepala itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) Jinjang dan Kepong

10.27 mlm.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, pada petang ini saya ingin bercakap sedikit sebanyak tentang kemudahan-kemudahan untuk pelajaran di kawasan Jinjang dan Kepong. Seperti Dewan ini sedia maklum di kawasan Jinjang/Kepong ada beberapa rancangan perumahan iaitu Taman Kepong, Kepong Bharu, Taman Petaling, Saiwai dan lagi ada beberapa rancangan perumahan yang telah disediakan seperti baru-baru ini Syarikat Ehsan Sdn. Bhd. dan beberapa rancangan juga yang telah disediakan tetapi belum memulakan pembinaan rumah-rumah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk begitu ramai penghuni-penghuni di kawasan ini seramai 100,000 lebih cuma ada empat buah sekolah rendah di Kampung Baru Jinjang dan dua di Kepong serta dua buah lagi sekolah menengah iaitu satu di Jinjang dan satu di Kepong.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar oleh sebab ada beberapa rancangan perumahan yang dibina tiap-tiap tahun bukan beratus-ratus tetapi barangkali beribu-ribu rumah, maka tiap-tiap tahun ada beribu-ribu penghuni-penghuni tiba di kawasan ini. Apa

yang telah dibuat oleh Kementerian Pelajaran untuk memberi tempat dan sekolah di tempat masing-masing di kawasan ini. Pada awal tahun ini kita sedar ada lebih kurang 300 murid-murid telah dihantar ke Sentul dan oleh sebab ada bantahan daripada ibubapanya maka pindahan itu ditarik balik dan mereka telah ditempatkan sementara di sebuah sekolah di Kepong Bharu dan kemudian di kelas-kelas baru di Kepong. Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, untuk tahun baru murid-murid yang akan mencari tempat di kawasan ini ada lebih daripada 600 murid-murid yang mencari tempat yang boleh diisikan di sekolah-sekolah rendah masing-masing pada masa sekarang. Untuk sekolah menengah, saya berpendapat bahawa Kerajaan atau Kementerian Pelajaran perlu mencari 800 tempat atau 20 floating class. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah mustahak dan perlu Kementerian Pelajaran mengambil langkah-langkah yang tegas dan dengan segera untuk memenuhi hasrat murid-murid di kawasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa satu sekolah rendah akan dibina di Desa Jaya, tetapi malangnya kerja ini belum dimulakan. Untuk murid-murid bagi di Tingkatan Satu di sekolah menengah, langsung tidak ada sekolah yang akan dibina atau di dalam drawing board.

Di Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar Timbalan Menteri Pelajaran menyeru saya bekerjasama dengan Kementerian supaya tuan tanah di Kepong Bharu menjual tanahnya, mengurangkan harga tanah kepada Kementerian Pelajaran. Tuan Yang di-Pertua, saya akan berhubung dengan tuan tanah itu dan insya-Allah kerjasama saya akan berjaya dengan tuan tanah dan saya berharap tak berapa lama lagi Kementerian Pelajaran akan membina atau mulai membina sebuah sekolah menengah di Kepong Bharu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kementerian Pelajaran akan mengambil langkah seperti yang disebutkan oleh saya dengan tegas dengan segera oleh sebab di dalam awal tahun 1977 akan tiba kira-kira lebih kurang 600 murid Darjah I dan 800 murid-murid Tingkatan I di sekolah menengah dan kalau sekiranya Kementerian Pelajaran mengambil tindakan yang saya sebutkan, maka murid-murid tiada tempat dan ibubapa akan buat bantahan semua lagi.

10.32 mlm.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran dan juga memberi penjelasan mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli dari Kepong sekejap tadi.

Soalan tidak cukup tempat bagi satu-satu sekolah itu adalah satu perkara yang boleh dibincangkan dari berbagai segi. Pada hari ini kita dapati bahawa ramai ibubapa atau pemimpin-pemimpin masyarakat yang kurang memahami maksud yang tertulis di dalam Akta Pelajaran 1961 di mana dinyatakan bahawa murid-murid akan diberi pendidikan mengikut kehendak ibubapa. Jika dibaca semula pendahuluan kepada Akta Pelajaran 1961 ia adalah berbunyi, kalau izinkan saya baca dalam bahasa Inggeris:

(Dengan izin): "Whereas the educational policy of the Federation, originally declared in the Education Ordinance, 1957, is to establish a national system of education which will satisfy the needs of the nation and promote its cultural, social, economic and political development; And whereas it is considered desirable that regard shall be had, so far as is compatible with that policy, with the provision of efficient instruction and with the avoidance of unreasonable public expenditure, to the general principle that pupils are to be educated in accordance with the wishes of their parents;"

Perenggan tersebut di atas menyatakan dengan jelas bahawa kehendak ibubapa hanya dapat dipertimbangkan, antara lain, sekiranya ia tidak bertelingkah dengan dasar-dasar pelajaran dan tidak menambahkan perbelanjaan yang sepatutnya dapat dilakukan.

Ibubapa-ibubapa dan pemimpin-pemimpin masyarakat hendaklah memahami bahawa tiada perbezaan besar dari segi sukatan atau penyampaian pelajaran antara satu sekolah dengan yang lainnya, samada Sekolah Rendah Kebangsaan atau Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Sekiranya ada pihak-pihak yang mengatakan bahawa bahasa penghantar ibunda menjadi persoalan terpenting ini nampaknya tidak secukup dengan sikap terhadap Sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris di mana bahasa ibunda juga tidak

diguna sebagai bahasa pengantar. Sebaliknya jika pengetahuan bahasa ibunda dianggap penting ini dapat dilayan melalui mata-pelajaran bahasa ibunda yang boleh diberi jika syarat-syarat mengizinkan.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan sekolah-sekolah di seluruh negara adalah, antara lain, berasaskan kepada penambahan semula jadi penduduk-penduduk di kawasan itu (natural growth of population in the areas). Ini bermakna bahawa sekiranya ibubapa atau pemimpin-pemimpin masyarakat terlalu memilih sangat, mana satu sekolah yang akan dihadiri oleh anak-anak mereka maka ini boleh mengkelam-kabutkan perancangan yang dibuat oleh Jabatan ataupun Kementerian ini. Kesulitan kekurangan bilik-bilik darjah itu tidak akan timbul sekiranya ibubapa menghantar anak mereka ke sekolah-sekolah yang berhampiran sekali tidak mengira jenis sekolah tersebut kerana seperti yang telah diterangkan di atas tadi, perbezaan dari segi pelajaran dan jenis atau sukatan ilmu tidak ada.

Dengan yang demikian saya berharap supaya ibubapa-ibubapa dan pemimpin-pemimpin masyarakat tidak mengira keturunan, hendaklah bekerjasama dengan pihak Kementerian supaya menghantar anak-anak mereka ke mana-mana sekolah yang dapat memenuhi kehendak-kehendak optimum mereka. Ini bukan sahaja dapat menjimatkan perbelanjaan Kementerian tetapi ia juga dapat memperkuat lagi ikatan muhibbah antara semua keturunan. Kita harus ingat dan harus memperteguhkan hasrat negara untuk mencapai perpaduan yang dijalin terus-menerus dari peringkat sekolah hingga ke peringkat dewasa. Janganlah hendaknya pemimpin-pemimpin masyarakat yang menyokong perpaduan tetapi sebaliknya berusaha sedaya-upaya supaya anak-anak kita dari berbagai kaum terpisah sejak mereka kecil semata-mata kerana sekolah Inggeris sudah tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun sebagai makluman Ahli Yang Berhormat yang mengatakan tidak cukup tempat untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) di Kepong dan Jinjang, ingin saya menegaskan iaitu persoalan ini tidak akan timbul jika ibubapa-ibubapa dan pemimpin-pemimpin masyarakat mengikuti dan memahami penerangan-penerangan saya di atas tadi. Saya ingin nyatakan di sini bahawa di

daerah Jinjang dan Kepong ada 7 buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan seperti berikut:

Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) Jinjang Tengah I.
 Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) Jinjang Tengah II.
 Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) Jinjang Utara.
 Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) Jinjang Selatan.
 Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) Kepong I.
 Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) Kepong II.
 Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) Mun Choong.

Di samping itu ada 5 buah sekolah kebangsaan di mana kanak-kanak dari semua keturunan dapat sama-sama menggunakannya. Sekolah-sekolah tersebut adalah seperti berikut:

Sekolah Rendah Kebangsaan Kepong Baru.
 Sekolah Kebangsaan Kepong.
 Sekolah Rendah Kebangsaan Sri Delima—dahulu Jenis Kebangsaan Inggeris.

Sekolah Rendah Kebangsaan La Salle (Jinjang I)—dahulu Jenis Kebangsaan Inggeris.

Sekolah Rendah Kebangsaan La Salle (Jinjang II)—dahulu Jenis Kebangsaan Inggeris.

Penambahan bilangan bilik-bilik darjah akan dibuat mengikut keperluan. Kementerian telahpun menambah bilik-bilik darjah dan kemudahan-kemudahan berkaitan kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) Jinjang Utara dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) Jinjang Tengah. Kementerian tidak akan menambah bilangan bilik-bilik darjah ke seluruh sekolah yang sudah terlalu besar bilangannya kerana ini boleh mengakibatkan kesulitan pentadbiran.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 10.40 malam.